

LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

2018


**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

KELANTAN

SIRI 1



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

2018

**PENGURUSAN
AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/
AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

SIRI 1



• KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN	vii
--------------------	------------

INTI SARI LAPORAN	xi
--------------------------	-----------

BAHAGIAN I **AKTIVITI JABATAN DAN** **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN** **NEGERI**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN	3
--	----------

Program Rumah Mampu Milik Kelantan

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN	24
---	-----------

Pengurusan Skim Bantuan Am Al-Musa'adah

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN	54
--	-----------

PMBK Sawit Sdn. Bhd.

BAHAGIAN II **PENGURUSAN KEWANGAN** **JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)	103
---	------------

PENGAUDITAN MENGEJUT	129
-----------------------------	------------

PENUTUP	137
----------------	------------

AKRONIM	141
----------------	------------



• PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai kedudukan kewangan, amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti syarikat Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti di dua (2) Jabatan dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 11 Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos di bawah enam (6) Jabatan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Pihak pengurusan Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *exit conference* diadakan di samping surat pengesahan diterima daripada mereka sebelum Laporan dimuktamadkan. Dalam Laporan ini hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan 28 syor untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan semasa pengurusan, pemantauan atau pelaksanaan program, projek dan aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Di samping meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam/pegawai/kakitangan/Syarikat Kerajaan Negeri, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Jun 2019



INTI SARI • LAPORAN

**BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI****PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN****1. Program Rumah Mampu Milik Kelantan**

- a. Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah kepada rakyat Kelantan yang berpendapatan rendah dan belum memiliki Rumah Awam Kos Rendah (RAKR)/Rumah Mampu Milik di negeri Kelantan. Objektif program adalah untuk menyedia dan menawarkan jenis-jenis rumah yang mampu dimiliki, mencukupi, berkualiti, berdaya huni dan berlandaskan ciri-ciri Islam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat.
- b. Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 11/2014 pada 11 Jun 2014 meluluskan Dasar RMMK dan Pekeliling Perumahan Bilangan 1 Tahun 2015 dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pejabat SUK) berkuatkuasa pada 22 November 2015. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Garis Panduan Dasar RMMK kepada jabatan dan agensi negeri yang bertanggungjawab bagi urusan memproses kelulusan kebenaran merancang dan apa-apa pembangunan yang mengandungi komponen perumahan. Dasar RMMK juga sebagai asas dan teras dalam pelaksanaan Program RMMK di negeri Kelantan. Sasaran projek di bawah Dasar RMMK adalah menyedia dan menawarkan 5,000 unit rumah dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 melalui penyelarasan kawalan pembangunan dan kelulusan kebenaran merancang. Dasar RMMK direalisasikan dengan beberapa langkah strategik di bawah kawalan Kerajaan Negeri selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara. Langkah strategik di bawah dasar ini menetapkan pelaksanaan paras harga jualan, ciri-ciri rumah, kuota, moratorium, levi, insentif, syarat-syarat kelayakan memiliki rumah dan kawalan am lain yang berkaitan.
- c. Bahagian Perumahan Pejabat SUK telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri sebagai urus setia dalam melaksanakan Program RMMK di seluruh negeri Kelantan. Faktor utama yang perlu diambil kira dalam menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi kepada rakyat ialah tanah yang berpotensi dan strategik dengan kos yang minimum untuk dibangunkan. Program RMMK dilaksanakan melalui peruntukan tahunan perbelanjaan pembangunan iaitu Rancangan Rumah Awam Mampu Milik. Peruntukan ini disalurkan sebagai subsidi kewangan kepada

pemaju/pelaksana dalam pelaksanaan Program RMMK. Pemaju/pelaksana hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Perumahan Pejabat SUK untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM5.07 juta atau 18.8% telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan Rancangan Rumah Awam Mampu Milik berjumlah RM27 juta. Harga RMMK ditetapkan tidak melebihi RM130,000 seunit dengan ciri-ciri tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air.

- d. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2018 hingga Mac 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

i. Prestasi Program RMMK

Secara keseluruhannya, Program RMMK tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana sasaran bagi menyediakan dan menawarkan 5,000 unit RMMK dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018 tidak tercapai. Didapati prestasi program dari segi pencapaian output fizikal dan pencapaian *outcome* hanya 160 unit (3.2%) RMMK yang dapat disedia dan ditawarkan. Penilaian kepuasan pengguna melibatkan 30 responden yang menduduki RMMK mendapati penilaian dari segi kualiti rumah adalah pada tahap memuaskan.

ii. Pengurusan Program RMMK

Pengurusan Program RMMK adalah kurang cekap kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program. Kelemahan yang dikenal pasti adalah peruntukan kewangan RMMK tidak dibelanjakan secara optimum, terma dalam Dasar RMMK iaitu syarat kuota dan levi bagi projek perumahan/bercampur tidak dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang, syarat sekatan/moratorium tidak dikenakan dan projek yang sudah siap tidak dapat dijual kerana masih belum mendapat *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).

- e. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- i. sebanyak 160 unit (3.2%) RMMK dapat disedia/disiapkan berbanding sasaran 5,000 unit dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018.
 - ii. sebanyak 160 unit (3.2%) RMMK dapat ditawarkan kepada pemohon berbanding sasaran 5,000 unit dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018. Kajian kepuasan terhadap kualiti rumah berdasarkan soal selidik adalah memuaskan;

- iii. peruntukan RMMK tidak dibelanjakan sepenuhnya di mana sejumlah RM5.07 juta (18.8%) dibelanjakan berbanding RM27 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2016 hingga 2018;
 - iv. syarat kuota dan levi bagi projek perumahan/bercampur tidak dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang melibatkan 77 unit rumah iaitu 40 unit rumah di kawasan Majlis Daerah Pasir Puteh dan 37 unit rumah di kawasan Majlis Daerah Kuala Krai;
 - v. syarat sekatan/moratorium 10 tahun tidak dikenakan terhadap dua (2) projek yang tertakluk sepenuhnya dalam Dasar RMMK iaitu RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas dan RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah; dan
 - vi. projek yang sudah siap iaitu 64 unit RMMK di Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah tidak dapat dijual kerana CCC masih belum dikeluarkan.
- f. Bagi memastikan Program RMMK ini dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, beberapa syor dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Pejabat SUK untuk penambahbaikan seperti berikut:
- i. kuota RMMK bagi projek swasta perlu dilaksanakan bagi membantu mencapai sasaran output dan *outcome* program;
 - ii. penilaian semula tahap keberkesanan dan sasaran RMMK perlu dilakukan bagi memastikan objektif program dapat dicapai;
 - iii. pengurusan Program RMMK perlu dilaksanakan dengan cekap di mana peruntukan kewangan untuk RMMK digunakan secara optimum bagi memastikan lebih banyak RMMK dapat dibina; pelaksanaan kuota dan levi perlu diberi pendedahan kepada agensi pelaksana; dan syarat moratorium perlu dilaksanakan sebagaimana dasar;
 - iv. syarat untuk mendapatkan CCC perlu dipatuhi segera bagi membolehkan RMMK dapat dijual dan diduduki; dan
 - v. sasaran dan Dasar RMMK dikaji semula dengan mengambil kira penemuan Audit yang dibangkitkan dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan prestasi dan pengurusan Program RMMK.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN

2. Pengurusan Skim Bantuan Am Al-Musa'adah

- a. Pelaksanaan bantuan kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMNK) adalah selaras dengan Senarai Bersama (Concurrent List) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Perundangan, Senarai III. Selaras dengan itu, JKMNK diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.
- b. Konsep bantuan kebajikan JKMNK adalah bersifat sementara bagi membantu individu yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti. Objektif pemberian bantuan kebajikan JKMNK antaranya adalah untuk memenuhi keperluan asas bagi meringankan beban penerima bantuan dan sebagai sumber kewangan sementara bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Pada tahun 2016 hingga 2018, peruntukan bagi tujuan agihan Skim Bantuan Negeri Kelantan masing-masing berjumlah RM17.66 juta, RM19.31 juta dan RM26.47 juta. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Skim Bantuan Am Al-Musa'adah (SBA Al-Musa'adah) bagi tempoh 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM10.66 juta, RM10.88 juta dan RM17.33 juta.
- c. Objektif SBA Al-Musa'adah adalah untuk membantu menampung perbelanjaan harian penerima bantuan. SBA Al-Musa'adah diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak memenuhi syarat di bawah bantuan lain. Kadar bulanan SBA Al-Musa'adah yang diberi adalah berjumlah RM120 sebulan dan kadar tersebut telah dinaikkan kepada RM150 sebulan mulai bulan Januari 2018.
- d. Pengauditan dijalankan pada bulan Oktober 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara berikut:

- i. Prestasi SBA Al-Musa'adah

Secara keseluruhannya, prestasi SBA Al-Musa'adah telah mencapai objektif ditetapkan untuk membantu individu yang tidak berkemampuan mendapatkan keperluan asas mereka. JKMNK telah berjaya mengagihkan bantuan kepada penerima bantuan masing-masing seramai 7,529, 7,641 dan 7,911 bagi tahun 2016 hingga 2018. Bantuan yang diagihkan ini telah mencapai 82.2% hingga 101.7% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, penerima bantuan yang mampu berdikari bagi ketiga-tiga jajahan tersebut adalah 0.8% daripada

jumlah penerima bantuan. Penerima bantuan yang telah ditamatkan mampu berdikari selepas menerima bantuan antara satu (1) hingga 17 tahun daripada kelulusan SBA Al-Musa'adah diberikan sehingga bantuan ditamatkan. Penerima SBA Al-Musa'adah tidak mampu menjana pendapatan tanpa suntikan modal. Pada tahun 2016 hingga 2018, sejumlah 31 penerima bantuan SBA Al-Musa'adah telah menerima bantuan 2 Years Exit Programme (2YEP) sebagai suntikan modal untuk menjana pendapatan. Sejumlah lapan (8) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2016 dan satu (1) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2017 telah berjaya mendapat pendapatan sejumlah RM930 hingga RM13,000 sebulan, melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pencapaian yang rendah bagi penerima bantuan yang mampu berdikari disebabkan penerima bantuan adalah di kalangan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas, penerima OKU, penerima yang sakit dan tidak mampu bekerja. Kadar bantuan yang rendah juga menyumbang kepada kemampuan berdikari penerima bantuan kerana penerima tidak boleh terus bergantung kepada bantuan yang sedikit untuk terus hidup.

ii. Pengurusan SBA Al-Musa'adah

Pengurusan SBA Al-Musa'adah belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana berlaku kelewatan penamatan bayaran kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Penukaran skim yang ditamatkan tidak disambung kepada skim yang baru juga boleh menjejaskan kelangsungan hidup penerima bantuan. Selain itu, ketidaktepatan data dan maklumat dalam sistem e-Bantuan telah menyebabkan berlaku lebih bayaran. Kelemahan proses siasatan dan kelulusan serta penyediaan garis panduan agihan bayaran bantuan kepada penerima juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penerima bantuan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

e. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian oleh JKMNK adalah seperti berikut:

- i. 167 (45.6%) kes bayaran SBA Al-Musa'adah lewat diberhentikan antara satu (1) hingga tujuh (7) bulan dari tarikh kematian menyebabkan berlakunya lebih bayaran berjumlah RM26,640. Daripada jumlah tersebut, 69 kes berjumlah RM10,740 di PKMJ Tanah Merah, 44 kes berjumlah RM6,960 di PKMJ Machang dan 54 kes berjumlah RM8,940 di PKMJ Tumpat;
- ii. berdasarkan semakan terhadap 50 penerima bantuan yang ditukar skim, 22 penerima bantuan (44.0%) telah diberi kelulusan skim baru dan bayaran dibuat sebaik sahaja SBA Al-Musa'adah ditamatkan. Bagaimanapun, 12 penerima

bantuan (24.0%) tidak diberikan kelulusan skim baru secara serentak selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan. Sementara itu, 16 penerima bantuan (32.0%) masih belum diberi bantuan skim baru walaupun telah ditamatkan bantuan SBA Al-Musa'adah. Keadaan ini menyebabkan 28 penerima bantuan (56.0%) tidak mendapat sebarang bantuan dalam tempoh satu (1) bulan hingga 35 bulan;

- iii. berlaku perbezaan bilangan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah antara senarai dalam sistem e-Bantuan dengan senarai penerima bantuan pada baucar bayaran. Perbezaan ini disebabkan kelemahan sistem e-Bantuan. Ini memberi kesan kepada 89 penerima bantuan yang telah diluluskan dalam sistem e-Bantuan tidak menerima bayaran berjumlah RM12,450 dan dua (2) penerima telah menerima bayaran dua (2) kali melalui bank dan tunai berjumlah RM300; dan
 - iv. daripada 450 sampel, tempoh siasatan bagi 49 (10.9%) permohonan mengambil masa antara 15 hingga 374 hari yang sepatutnya diselesaikan dalam 14 hari. Tempoh kelulusan pula sepatutnya diselesaikan dalam 30 hari tidak dapat dicapai bagi 122 (27.1%) permohonan yang diluluskan dalam tempoh antara 31 hingga 390 hari. Garis panduan norma kerja bagi agihan bayaran juga tidak disediakan bagi SBA Al-Musa'adah dalam menentukan ketetapan bayaran dibuat.
- f. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, adalah disyorkan JKMNK untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. kerjasama antara Jabatan/agensi perlu ditingkatkan dalam menyediakan program atau suntikan modal untuk membantu penerima bantuan. Bagi penerima bantuan SBA Al-Musa'adah yang dikenal pasti mempunyai potensi untuk berdikari, program atau suntikan modal hendaklah diperuntukkan bagi membantu penerima bantuan meningkatkan sumber pendapatan dan seterusnya mampu berdikari;
 - ii. kajian semula terhadap kadar bantuan yang diberikan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa supaya dapat disesuaikan dengan kos sara hidup dan mengambil kira kadar bantuan negeri lain serta kemampuan kewangan kerajaan negeri;
 - iii. proses bayaran kepada penerima yang ditukarkan skim dan diberhentikan SBA Al-Musa'adah perlu dilaksanakan secara serentak bagi memastikan kesinambungan bantuan diberikan kepada penerima. Peruntukan kewangan BOT, BTB dan EPC yang dimohon hendaklah mengambil kira warga emas berumur 60 tahun ke atas dan OKU yang berdaftar dengan JKM bagi

memastikan warga emas dan OKU mendapat bantuan mengikut skim yang sepatutnya;

- iv. penyelarasan kepada sistem e-Bantuan bagi penerima bantuan yang meninggal dunia melalui maklumat sistem myIDENTITY Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah dibuat penambahbaikan modul. Penambahbaikan yang dimaksudkan apabila status kematian pada sistem myIDENTITY dikemas kini, modul e-Bantuan turut mengemaskini senarai penerima bantuan bagi proses bayaran pada bulan berikutnya secara automatik. Bagi tujuan tersebut, modifikasi modul dan pelaporan sistem e-Bantuan perlu ditambah baik; dan
- v. garis panduan, proses kerja dan beban tugas setiap pegawai kes perlu dikaji semula bagi memastikan pengurusan bantuan dapat dilaksanakan lebih cekap. Pengesahan bayaran oleh pihak bank juga perlu dibuat bagi memastikan bantuan disalurkan kepada penerima.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

3. PMBK Sawit Sdn. Bhd. (PMBKSSB)

- a. PMBK Sawit Sdn. Bhd. (PMBKSSB) adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). PMBKSSB ditubuhkan pada 28 Mac 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM21.50 juta. Objektif utama penubuhan PMBKSSB adalah bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk meneroka sektor perladangan yang dapat menjana pendapatan kepada Kerajaan, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Kelantan dan membantu mengembangkan industri perladangan dan komoditi di Negeri Kelantan. Pendapatan utama PMBKSSB adalah daripada aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah. Keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh daripada Ladang Ex-Felcra perlu diagihkan sebanyak 50% kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan 25% kepada PMBK manakala bayaran pajakan tahunan bagi Ladang Hijau perlu dijelaskan kepada Yayasan Islam Kelantan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2018 hingga Januari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

i. Tadbir Urus Korporat

Secara umumnya, amalan tadbir urus PMBKSSB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan penambahbaikan berkaitan peranan dan fungsi Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Pengurus Besar, Jawatankuasa Audit dan Audit

Dalamnya, pelaksanaan Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta SOP.

ii. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhan, kedudukan kewangan PMBKSSB adalah lemah. PMBKSSB mengalami kerugian berterusan sejak tahun 2012 dan kerugian bersih sejumlah RM5.66 juta pada tahun 2015, RM3.24 juta pada tahun 2016 dan RM5.52 juta pada tahun 2017. Sehingga 31 Disember 2017, kerugian terkumpul syarikat adalah berjumlah RM21.30 juta. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.04:1 menunjukkan syarikat tidak berupaya menampung obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Pada akhir tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai PMBKSSB adalah defisit berjumlah RM1.45 juta. Analisis yang dijalankan juga menunjukkan wujudnya risiko *going concern*.

iii. Pengurusan Aktiviti

• Prestasi Aktiviti Perladangan

- Pengeluaran sebenar kelapa sawit mengikut berat timbangan hanya mencapai antara 59.2% hingga 65.6% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tiga (3) tahun yang dinilai. Manakala jualan hasil kelapa sawit dan getah hanya mencapai antara 58.2% hingga 78.1% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh yang sama. Penilaian terhadap *outcome* aktiviti PMBKSSB mendapati objektif untuk menambah pendapatan Kerajaan Negeri Kelantan, menyediakan peluang pekerjaan dan mengembangkan industri perladangan serta komoditi tidak dapat dicapai sepenuhnya.

• Pelaksanaan Aktiviti Perladangan

- Secara umumnya, aspek pengurusan perladangan bagi aktiviti ladang kelapa sawit dan getah Ex-Felcra telah dilaksanakan dengan cekap kerana terdapat lebihan pendapatan ladang bagi tiga (3) tahun berjumlah RM6.25 juta. Bagaimanapun, perkara melibatkan pelaburan dalam pembelian Ladang Hijau, pengurusan penanaman baru dan program penanaman semula perlu diberi perhatian oleh PMBKSSB.

c. Penemuan utama Audit yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- i. pelaburan terhadap pembelian Ladang Hijau berjumlah RM56.50 juta adalah tidak menguntungkan dan keputusan pembelian dibuat sebelum penilaian serta *due diligence* dilaksanakan;

- ii. penanaman baru kelapa sawit, getah dan karas yang melibatkan kos berjumlah RM22.68 juta masih belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil walaupun tanaman telah mencapai tempoh matang; dan
 - iii. program penanaman semula yang telah dirancang untuk dilaksanakan mulai tahun 2010 namun tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan kewangan. Usia pokok kelapa sawit dan getah sedia ada telah melebihi 25 tahun serta tidak lagi mengeluarkan hasil yang optimum.
- d. Bagi membolehkan objektif penubuhan PMBKSSB dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PMBKSSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat terutamanya Perbadanan Menteri Besar Kelantan sebagai syarikat induk memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
- i. meningkatkan tadbir urus syarikat selaras dengan amalan terbaik dengan menentukan aspek peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit bermesyuarat mengikut keperluan dan SOP yang disediakan mendapat kelulusan. Ini termasuk memastikan keputusan Lembaga Pengarah dipantau dan diletakkan tempoh pelaksanaan supaya ianya dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - ii. menilai semula kedudukan syarikat dan membuat keputusan tentang hala tuju syarikat dengan mengambil kira keupayaan menjana keuntungan pada masa hadapan kerana wujudnya risiko *going concern*;
 - iii. mengambil tindakan terhadap penstrukturan semula syarikat dengan menilai aktiviti yang boleh menjana keuntungan daripada ladang; dan
 - iv. memastikan kajian terperinci *due diligence* dilaksanakan dengan sempurna dan laporan penilaian dibincangkan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 12 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 mengenai


Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan berasaskan risiko. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2018 menunjukkan tujuh (7) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang dan lima (5) Jabatan/Agensi pada tahap Baik. Pencapaian ini adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelum di mana sembilan (9) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan/Agensi pada tahap baik, satu (1) Jabatan pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Kurang Memuaskan daripada 14 Jabatan/Agensi yang diaudit. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik melalui usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan di Jabatan/Agensi masing-masing. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi disyor mempertimbangkan tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan

serta perbelanjaan bagi memastikan tiada ruang dan peluang pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

2. Pengauditan Mengejut

- a. Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) yang diaudit adalah memuaskan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi empat (4) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK di setiap Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
 - iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
 - v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
 - vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
 - vii. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1 PROGRAM RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah kepada rakyat Kelantan yang berpendapatan rendah dan belum memiliki Rumah Awam Kos Rendah (RAKR)/Rumah Mampu Milik di negeri Kelantan. Objektif program adalah untuk menyedia dan menawarkan jenis-jenis rumah yang mampu dimiliki, mencukupi, berkualiti, berdaya huni dan berlandaskan ciri-ciri Islam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

1.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 11/2014 pada 11 Jun 2014 meluluskan Dasar RMMK dan Pekeliling Perumahan Bilangan 1 Tahun 2015 dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pejabat SUK) berkuatkuasa pada 22 November 2015. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Garis Panduan Dasar RMMK kepada jabatan dan agensi negeri yang bertanggungjawab bagi urusan memproses kelulusan kebenaran merancang dan apa-apa pembangunan yang mengandungi komponen perumahan. Dasar RMMK juga sebagai asas dan teras dalam pelaksanaan Program RMMK di negeri Kelantan. Sasaran projek di bawah Dasar RMMK adalah menyedia dan menawarkan 5,000 unit rumah dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 melalui penyelarasan kawalan pembangunan dan kelulusan kebenaran merancang.

1.3. Dasar RMMK direalisasikan dengan beberapa langkah strategik di bawah kawalan Kerajaan Negeri selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara. Langkah strategik di bawah dasar ini menetapkan pelaksanaan paras harga jualan, ciri-ciri rumah, kuota, moratorium, levi, insentif, syarat-syarat kelayakan memiliki rumah dan kawalan am lain yang berkaitan.

1.4. Bahagian Perumahan Pejabat SUK telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri sebagai urus setia dalam melaksanakan Program RMMK di seluruh negeri Kelantan. Faktor utama yang perlu diambil kira dalam menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi kepada rakyat ialah tanah yang berpotensi dan strategik dengan kos yang minimum untuk dibangunkan. Kaedah pelaksanaan RMMK adalah seperti berikut:

- i. pembangunan di atas tanah Kerajaan yang dimajukan melalui agensi Kerajaan iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)/Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) atau secara usaha sama dengan swasta;
- ii. pembangunan di atas tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi negeri (PKINK dan PMBK) yang dimajukan secara sendiri atau usaha sama dengan pihak swasta; dan
- iii. pembangunan di atas tanah milik persendirian atau swasta.

1.5. Program RMMK dilaksanakan melalui peruntukan tahunan perbelanjaan pembangunan iaitu Rancangan Rumah Awam Mampu Milik. Peruntukan ini disalurkan sebagai subsidi kewangan kepada pemaju/pelaksana dalam pelaksanaan Program RMMK. Pemaju/pelaksana hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Perumahan Pejabat SUK untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM5.07 juta atau 18.8% telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan Rancangan Rumah Awam Mampu Milik berjumlah RM27 juta.

1.6. Harga RMMK ditetapkan tidak melebihi RM130,000 seunit dengan ciri-ciri tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. RMMK dikategorikan kepada tiga (3) jenis seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
KATEGORI RMMK DITETAPKAN DI BAWAH DASAR RMMK

JENIS	HARGA JUALAN (RM)	LUAS LANTAI MINIMA (Kaki Persegi)	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)
Rumah Harga Rendah	45,000	750	1,000 – 2,500
Rumah Harga Sederhana Rendah	85,000	800	2,501 – 4,000
Rumah Harga Sederhana	130,000	850	4,001 – 5,500

Sumber: Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan

1.7. Syarat-syarat kelayakan memiliki RMMK ialah:

- i. pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan Anak Kelantan;
- ii. telah berkahwin dan berumur tidak melebihi 50 tahun pada tarikh permohonan;
- iii. pendapatan isi rumah di antara RM1,000 hingga RM5,500;
- iv. suami/isteri, ibu/bapa tunggal atau pemohon yang belum berkahwin yang mempunyai tanggungan dan belum memiliki rumah RAKR/RMMK di negeri Kelantan; dan

- v. pendaftaran hanya dibenar dibuat sekali sahaja di Bahagian Perumahan Pejabat SUK Kelantan dan tempoh sah laku pendaftaran adalah lima (5) tahun.

1.8. Berdasarkan Data Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program RMMK oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK bagi tempoh bulan Januari 2013 hingga Disember 2018, bilangan rumah dalam perancangan, pembinaan dan siap dibina yang dilaksanakan oleh agensi negeri dan pihak swasta ialah sebanyak 4,950 unit rumah. Maklumat lanjut seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
DATA INDUK PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM
RMMK BAGI TEMPOH BULAN JANUARI 2013 HINGGA DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	DALAM PERANCANGAN (Unit)	DALAM PEMBINAAN (Unit)	SIAP DIBINA (Unit)	JUMLAH KESELURUHAN (Unit)
1.	Bahagian Perumahan Pejabat SUK	82	568	230	880
2.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	0	0	48	48
3.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	708	121	128	957
4.	Majlis Daerah Tumpat	80	0	887	967
5.	Majlis Daerah Kuala Krai	0	0	40	40
6.	Majlis Daerah Gua Musang	1,104	0	954	2,058
JUMLAH KESELURUHAN		1,974	689	2,287	4,950

Sumber: Data Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program RMMK, Bahagian Perumahan Pejabat SUK

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Rumah Mampu Milik Kelantan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif program untuk menyedia dan menawarkan 5,000 unit rumah yang mampu dimiliki dan berkualiti dalam tempoh yang ditetapkan.

3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi Program RMMK dinilai berdasarkan elemen pencapaian output iaitu bilangan fizikal RMMK yang terikat sepenuhnya dengan terma Dasar RMMK dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018. Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan penawaran RMMK oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018, status rumah diduduki/tidak diduduki serta kepuasan pelanggan terhadap kualiti rumah yang disediakan. Manakala pengurusan program pula meliputi prestasi kewangan, pematuhan dan kuat kuasa terma Dasar RMMK, kualiti pembinaan dan pemantauan bagi projek di bawah Dasar RMMK.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan Program RMMK di Bahagian Perumahan Pejabat SUK, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Pejabat Tanah dan Jajahan yang berkaitan. Di samping itu, lawatan fizikal dilaksanakan di RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas, RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah dan RMMK Badang. Penjelasan dan maklum balas juga turut diperolehi melalui temu bual dengan pegawai dan pemilik rumah yang terlibat.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2018 hingga Mac 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

5.1.1. Prestasi Program RMMK

Secara keseluruhannya, Program RMMK tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana sasaran bagi menyediakan dan menawarkan 5,000 unit RMMK dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018 tidak tercapai. Didapati prestasi program dari segi pencapaian output fizikal dan pencapaian *outcome* hanya 160 unit (3.2%) RMMK yang dapat disedia dan ditawarkan. Penilaian kepuasan pengguna melibatkan 30 responden yang menduduki RMMK mendapati penilaian dari segi kualiti rumah adalah pada tahap memuaskan.

5.1.2. Pengurusan Program RMMK

Pengurusan Program RMMK adalah kurang cekap kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program. Kelemahan yang dikenal pasti adalah peruntukan kewangan RMMK tidak dibelanjakan secara optimum, terma dalam Dasar RMMK iaitu syarat kuota dan levi bagi projek perumahan/bercampur tidak dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang, syarat sekatan/moratorium tidak dikenakan dan projek yang sudah siap tidak dapat dijual kerana masih belum mendapat *Certificate of Completion and Compliance* (CCC). Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. sebanyak 160 unit (3.2%) RMMK dapat disedia/disiapkan berbanding sasaran 5,000 unit dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018;

- ii. sebanyak 160 unit (3.2%) RMMK dapat ditawarkan kepada pemohon berbanding sasaran 5,000 unit dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018. Kajian kepuasan terhadap kualiti rumah berdasarkan soal selidik adalah memuaskan;
- iii. peruntukan RMMK tidak dibelanjakan sepenuhnya di mana sejumlah RM5.07 juta (18.8%) dibelanjakan berbanding RM27 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2016 hingga 2018;
- iv. syarat kuota dan levi bagi projek perumahan/bercampur tidak dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang melibatkan 77 unit rumah iaitu 40 unit rumah di kawasan Majlis Daerah Pasir Puteh dan 37 unit rumah di kawasan Majlis Daerah Kuala Krai;
- v. syarat sekatan/moratorium 10 tahun tidak dikenakan terhadap dua (2) projek yang tertakluk sepenuhnya dalam Dasar RMMK iaitu RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas dan RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah; dan
- vi. projek yang sudah siap iaitu 64 unit RMMK di Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah tidak dapat dijual kerana CCC masih belum dikeluarkan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 11 April 2019 manakala maklum balas diterima pada 17 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program RMMK

6.1.1. Pencapaian Output

- a. Menurut Dasar RMMK, Kerajaan Negeri menetapkan sasaran bagi menyediakan 5,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018. Sasaran tersebut perlu dinilai semula semasa pertengahan dan akhir tahun pelaksanaan Program RMMK bagi tujuan pengemaskinian dan penilaian semula keberkesanan program. Dasar RMMK juga menetapkan pembinaan RMMK ini hendaklah dimasukkan sebagai salah satu syarat dalam kelulusan kebenaran merancang oleh PBT.
- b. Semakan Audit mendapati Data Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program RMMK di Bahagian Perumahan Pejabat SUK menyatakan output

Program RMMK adalah sebanyak 4,950 unit rumah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati data ini termasuk 2,408 unit rumah yang merupakan projek rumah kos rendah yang dilaksana sebelum Dasar RMMK diluluskan. Berdasarkan semakan Audit, bilangan unit rumah di bawah Program RMMK bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah 2,542 unit sahaja berbanding 5,000 unit yang disasarkan. Dari jumlah tersebut pencapaian output Program RMMK hanya 160 unit (3.2%) rumah telah siap dibina melibatkan dua (2) projek manakala 2,048 unit masih dalam perancangan dan 334 unit dalam pembinaan. Kemajuan kerja bagi RMMK Badang yang melibatkan 334 unit rumah yang sedang dibina adalah 60% setakat akhir bulan Mac 2019. Bagi lapan (8) projek RMMK yang belum dibina melibatkan 2,048 unit terdiri daripada empat (4) projek telah diluluskan kebenaran merancang bagi pelan susun atur dan empat (4) projek lagi pada peringkat perancangan awal, proses pengambilan tanah dan rancangan zon pembangunan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3** dan **Jadual 4** serta **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

JADUAL 3
PECAHAN PROJEK BAGI DATA INDUK BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SUK

PECAHAN PROJEK BAGI DATA INDIK BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SUK					
BIL.	PECAHAN PROJEK	TAHAP PELAKSANAAN PROJEK			JUMLAH (Unit Rumah)
		DALAM PERANCANGAN (Unit Rumah)	DALAM PEMBINAAN (Unit Rumah)	SIAP DIBINA (Unit Rumah)	
PROJEK YANG DIAMBIL KIRA DI BAWAH DASAR RMMK					
1.	Projek RMMK	2,048	334	160	2,542
JUMLAH		2,048	334	160	2,542
PROJEK YANG TIDAK DIAMBIL KIRA SEBAGAI RMMK					
2.	Projek rumah kos rendah sebelum Dasar RMMK yang ditawarkan oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK	0	0	564	564
3.	Projek rumah kos rendah sebelum Dasar RMMK yang tidak ditawarkan oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK	0	281	1,563	1,844
JUMLAH		0	281	2,127	2,408
JUMLAH KESELURUHAN		2,048	615	2,287	4,950

Sumber: Data Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program RMMK, Bahagian Perumahan Pejabat SUK


JADUAL 4
PROJEK RMMK MENGIKUT STATUS PEMBINAAN

PROJEK RMMK MENGIKUT STATUS PEMBINAAN					
BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH UNIT RUMAH MENGIKUT KATEGORI			JUMLAH RUMAH (Unit)
		HARGA RENDAH	HARGA SEDERHANA RENDAH	HARGA SEDERHANA	
PROJEK YANG SIAP DIBINA					
1.	RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah	64	0	0	64
2.	RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas	0	96	0	96
JUMLAH		64	96	0	160

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH UNIT RUMAH MENGIKUT KATEGORI			JUMLAH RUMAH (Unit)
		HARGA RENDAH	HARGA SEDERHANA RENDAH	HARGA SEDERHANA	
PROJEK DALAM PEMBINAAN					
1.	RMMK Badang, Kota Bharu	162	108	64	334
JUMLAH		162	108	64	334
PROJEK DALAM PERANCANGAN					
1.	RMMK Taman Kebun Raja, Meranti, Pasir Mas	0	16	43	59
2.	RMMK Bunut Susu, Mukim Kiat, Pasir Mas (Fasa 2)	0	0	74	74
3.	RMMK Kg. Pohon Tanjong, Pasir Pekan, Tumpat	0	80	0	80
4.	RMMK Bandar Chiku, Chiku 3, Gua Musang	0	40	64	104
5.	RMMK Bandar Utama Gua Musang Fasa 3	400	0	600	1,000
6.	RMMK Kadok Kota Bharu	16	7	0	23
7.	RMMK Mukim Pek Daerah Panyit, Machang	0	32	88	120
8.	RMMK Kampung Pulau Gajah, Mukim Panchor Kota Bharu	0	0	588	588
JUMLAH		416	175	1,457	2,048
JUMLAH KESELURUHAN		642	379	1,521	2,542

Sumber: Data Induk Perancangan dan Pelaksanaan Program RMMK, Bahagian Perumahan Pejabat SUK

GAMBAR 1



RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah
- Projek Siap Dibina
(28.1.2019)

GAMBAR 2



RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah
- Projek Siap Dibina
(28.1.2019)

GAMBAR 3



RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas
- Projek Siap Dibina
(10.1.2019)

GAMBAR 4



RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas
- Projek Siap Dibina
(10.1.2019)

- c. Semakan Audit mendapati sasaran output projek tidak tercapai antaranya disebabkan perkara seperti berikut:
- i. lapan (8) projek melibatkan 2,048 unit RMMK masih dalam perancangan dan proses kelulusan kebenaran merancang bagi pelan susun atur;
 - ii. Bahagian Perumahan Pejabat SUK mengambil kira 2,408 unit rumah kos rendah sebelum Dasar RMMK sebagai pencapaian sasaran Program RMMK;
 - iii. Bahagian Perumahan Pejabat SUK mengambil kira 1,150 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang siap dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018 sebagai pencapaian sasaran Program RMMK. Projek PPR adalah program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
 - iv. kuota RMMK bagi projek perumahan/bercampur tidak ditetapkan sebagaimana Dasar RMMK di mana syarat kuota tidak dimasukkan dalam kelulusan kebenaran merancang oleh PBT. Ia melibatkan dua (2) projek perumahan/bercampur di dua (2) PBT yang diluluskan kebenaran merancang antara tarikh kuat kuasa Dasar RMMK pada 22 November 2015 hingga tahun 2018. Kedua-dua projek ini sepatutnya ditetapkan kuota RMMK oleh PBT sebanyak 77 unit rumah melibatkan 33 unit rumah harga rendah, 22 unit rumah harga sederhana rendah dan 22 unit rumah harga sederhana.

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019 dan 24 Jun 2019

Bahagian Perumahan Pejabat SUK berpendapat 564 daripada 2,408 unit unit rumah kos rendah sebelum Dasar RMMK dan 1,150 unit rumah di bawah PPR yang disiapkan dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018 perlu diambil kira sebagai pencapaian sasaran Program RMMK. Bagi rumah kos rendah, sebahagian kriteria utama seperti penetapan paras harga, keluasan rumah, proses penawaran dan kelayakan pembeli adalah menepati Dasar RMMK. Bagi rumah di bawah program PPR pula matlamatnya adalah sama iaitu rumah yang disediakan kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan, warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan belum memiliki rumah. Walaupun pihak Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam proses pembinaan, namun Bahagian Perumahan Pejabat SUK telah

mengendalikan urusan penjualan borang, hebahan mengenai projek PPR, pemilihan peserta dan saringan peringkat awal yang dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih RMMK.

Sasaran 5,000 unit tidak dapat dicapai antaranya disebabkan isu perundangan dan teknikal pada projek RMMK Bunut Susu dan RMMK Meranti.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) kali ke 13/2019 yang bersidang pada 24 Jun 2019 bersetuju menetapkan pengiraan Rumah Mampu Milik Kelantan dalam tempoh dasar sehingga tahun 2018 adalah sebanyak 4,287 unit (85.74%) iaitu merangkumi:

- i. projek dalam tempoh dasar – 160 unit;
- ii. projek sebelum dasar yang disiapkan dalam tempoh dasar – 564 unit;
- iii. projek sebelum dasar – 1,563 unit; dan
- iv. 1,000 unit PPR Gua Musang yang disiapkan sebelum dasar dan 1,000 unit PPR Kota Bharu yang disiapkan dalam tempoh dasar.

MMK juga bersetuju mana-mana rumah yang dibina sama ada oleh pihak Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Kerajaan Persekutuan, Agensi Kerajaan Persekutuan, Syarikat-syarikat swasta/korporat serta pemaju-pemaju yang membina rumah berharga di bawah RM130,000 diambil kira sebagai Rumah Mampu Milik Negeri.

Pada pendapat Audit, pencapaian output program adalah tidak memuaskan kerana hanya 3.2% RMMK dapat disediakan dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- a. Pencapaian *outcome* dikira berdasarkan pencapaian sasaran program bagi menawarkan sebanyak 5,000 unit rumah yang mampu dimiliki dan berkualiti dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar RMMK. Surat tawaran daripada Bahagian

Perumahan Pejabat SUK kepada pemohon yang berjaya dijadikan sebagai asas perkiraan dalam menentukan unit yang telah ditawarkan.

b. Pencapaian *outcome* Program RMMK adalah seperti berikut:

i. RMMK Ditawarkan dan Diduduki

- Semakan Audit mendapati sasaran program RMMK untuk menawarkan sebanyak 5,000 unit rumah yang mampu dimiliki masih tidak tercapai sepenuhnya kerana hanya 160 unit (3.2%) dapat ditawarkan.
- Didapati kesemua 160 unit RMMK yang sudah siap dibina telah selesai proses penawaran oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK. Daripada 160 unit rumah, 96 unit telah selesai proses serah milik pada bulan April 2018 iaitu RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas dan baki 64 unit masih belum selesai proses jualan iaitu di RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah. Lawatan Audit yang telah dijalankan terhadap RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas pada 9 Februari 2019 mendapati 82 daripada 96 unit rumah telah diduduki dan baki 14 unit rumah belum diduduki berdasarkan meter elektrik yang belum dipasang. Maklumat lanjut seperti **Jadual 5** serta **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

JADUAL 5
STATUS DIDUDUKI BAGI DUA PROJEK RMMK YANG
TELAH SELESAI PENAWARAN OLEH BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SUK

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SERAH KUNCI	SELESAI PROSES SERAH MILIK			BELUM SELESAI PROSES JUALAN	JUMLAH (Unit Rumah)
			DIDUDUKI		BELUM DIDUDUKI (Unit Rumah)		
			(Unit Rumah)	(%)			
1.	RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah	Tidak Berkaitan	0	0	0	64	64
2.	RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas	April 2018	82	85.4	14	0	96
	JUMLAH		82	85.4	14	64	160

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 5



**PT 4237, RMMK Taman Wadi Iman
Fasa 3A Kok Lanas
- RMMK Belum Diduduki Berdasarkan
Meter Elektrik Belum Dipasang
(9.2.2019)**

GAMBAR 6



**RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas
- RMMK Masih Belum Diduduki Sepenuhnya
(9.2.2019)**

ii. Rumah yang Dibina Berkualiti

- Pihak Audit telah menjalankan soal selidik pada bulan Mac 2019 terhadap 30 penghuni rumah di RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas bagi menilai kepuasan pelanggan terhadap kualiti rumah. Hasil soal selidik mendapati kesemua 30 penghuni (100%) berpuas hati terhadap kualiti rumah yang disediakan.

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019

Bagi 64 unit RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah, proses jualan belum dapat diselesaikan kerana CCC bagi projek tersebut masih belum diperolehi disebabkan beberapa syarat *Sewerage Treatment Plant* (STP) daripada pihak Syarikat Majaari Services Sdn. Bhd. masih belum dipenuhi.

Pada pendapat Audit, *outcome* Program RMMK tidak tercapai kerana hanya 3.2% RMMK dapat ditawarkan dalam tempoh tahun 2014 hingga 2018.

6.2. Pengurusan Program RMMK

Pengurusan Program RMMK terdiri daripada empat (4) perkara iaitu pencapaian kewangan, pematuhan dan kuat kuasa terma dalam Dasar RMMK, kualiti pembinaan dan pemantauan. Semakan Audit mendapati proses penawaran, syarat kelayakan pemohon dan harga jualan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dari aspek pencapaian kewangan dan kuat kuasa terma dalam Dasar RMMK seperti perenggan berikut:

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Mengikut klausa 1.3.3 Dasar RMMK, peruntukan tahunan pembangunan perumahan akan digunakan bagi menampung beban kewangan (subsidi) kepada pemaju/pelaksana. Jumlah dan agihan peruntukan ini akan ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa berdasarkan kewangan Kerajaan. Peruntukan ini diberi dalam bentuk sumbangan terus kepada pemaju/pelaksana. Bagi mendapat peruntukan ini, pemaju/pelaksana hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Perumahan Pejabat SUK dan akan dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap Peruntukan Rancangan Rumah Awam Mampu Milik bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati sejumlah RM27 juta dengan purata RM9 juta setahun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk Program RMMK. Bagaimanapun, hanya RM5.07 juta (18.8%) sahaja telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN RANCANGAN RUMAH
AWAM MAMPU MILIK BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		BUTIRAN PERBELANJAAN
		JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	
2016	9.0	4.05	45.0	Sumbangan kepada PKINK untuk projek RMMK Badang Kota Baharu.
2017	9.0	0.00	0	Tiada Perbelanjaan.
2018	9.0	1.02	11.3	Sumbangan kepada PKINK untuk projek RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah.
JUMLAH	27.0	5.07	18.8	

Sumber: Bahagian Perumahan Pejabat SUK

- c. Peruntukan kewangan RMMK tidak dibelanjakan kerana tiada permohonan daripada pemaju/pelaksana menyebabkan peruntukan yang boleh digunakan untuk membantu kewangan agensi pelaksana untuk Program RMMK tidak digunakan secara optimum.

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019

Peruntukan Rancangan Rumah Awam Mampu Milik tidak dibelanjakan mengikut peruntukan sebenar kerana bayaran hanya dibuat berdasarkan tuntutan dari pihak pemaju dan tahap kemajuan kerja di tapak.

Peruntukan RM9 juta pada tahun 2017 adalah bagi persediaan tuntutan oleh PKINK untuk projek RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah. Walau bagaimanapun, tiada tuntutan dibuat pada tahun tersebut.

Pada tahun 2018, hanya tuntutan kemajuan projek berjumlah RM1.02 juta bagi RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah telah dibuat pembayaran, manakala baki tuntutan projek bagi RMMK Badang masih belum dibuat permohonan pada tahun tersebut.

Pada pendapat Audit, permohonan daripada pemaju/pelaksana memberi kesan kepada peratusan peruntukan dibelanjakan.

6.2.2. Dasar RMMK Tidak Dipatuhi

Secara umumnya Dasar RMMK yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dijadikan sebagai garis panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), PBT, agensi-agensi teknikal dan pemaju di dalam merancang dan mengawal projek pembangunan perumahan mampu milik di negeri Kelantan serta menjadi asas dan teras dalam pelaksanaan Program RMMK.

a. Kelulusan Kebenaran Merancang Tanpa Syarat Kuota dan Levi

- i. Berdasarkan klausa 1.4.3 dan 1.4.5 Dasar RMMK, syarat kuota hendaklah dimasukkan sebagai salah satu syarat dalam kelulusan kebenaran merancang oleh PBT. Bagi pembangunan yang tidak memenuhi kuota RMMK yang telah ditetapkan dan juga jika diberi pengecualian maka bayaran/sumbangan/levi yang dikenakan adalah mengikut harga minima setiap rumah yang tidak dibina iaitu RM45,000 seunit bagi harga rendah, RM85,000 seunit bagi harga sederhana rendah dan RM130,000 seunit bagi harga sederhana. Levi ini hendaklah dimasukkan sebagai salah satu syarat kelulusan kebenaran merancang oleh PBT.
- ii. Klausa 1.4.3 (c)(i) dan (ii) Dasar RMMK menetapkan projek yang dilaksanakan atas tanah milik kerajaan/agensi/PBT atau tanah milik persendirian/swasta tertakluk kepada kuota minima pembinaan RMMK seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUOTA RMMK BAGI TANAH MILIK
KERAJAAN/AGENSI/PBT DAN PERSENDIRIAN/SWASTA

KATEGORI KELUASAN PROJEK	PERATUSAN (%) DARIPADA JUMLAH UNIT DARI KESELURUHAN PROJEK		PERATUSAN (%) MENGIKUT HARGA RUMAH					
			HARGA RENDAH		HARGA SEDERHANA RENDAH		HARGA SEDERHANA	
	a	b	a	b	a	b	a	b
Melebihi 1.21 hektar (3 ekar) atau melebihi 250 unit (untuk rumah bertingkat sahaja)	25	20	10	10	10	5	5	5
2 hingga 4 hektar (5 hingga 10 ekar)	30	TB	10	TB	10	TB	10	TB
4.1 hingga 19.9 hektar (11-50 ekar)	40	30	20	10	10	10	10	10
Melebihi 20 hektar (melebihi 51 ekar)	45	40	25	20	10	10	10	10

Sumber: Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan

Nota: a – Tanah milik Kerajaan/agensi/PBT

b – Tanah milik persendirian/swasta

TB – Tidak berkenaan kerana tanah milik persendirian/swasta tidak terlibat

iii. Semakan Audit di dua (2) PBT mendapati satu (1) projek yang dilaksanakan di atas tanah PBT dan satu (1) projek yang dilaksanakan di atas tanah swasta telah diluluskan kebenaran merancang oleh PBT tanpa menetapkan syarat kuota RMMK dan levi. Kedua-dua projek ini tidak dibuat permohonan bagi mendapatkan pengecualian dari Majlis Mesyuarat Kerajaan. Projek di atas tanah PBT merujuk kepada projek pembangunan bercampur di atas tanah lot PT9398 seluas 28.998 ekar di Mukim Kuala Pahi Daerah Batu Mengkebang Kuala Krai. Manakala projek di atas tanah persendirian/swasta merujuk kepada projek pembangunan bercampur di atas tanah lot 398 seluas 20.171 ekar di Kg. Bukit Abal, Mukim Bukit Abal *East* (Timur) Pasir Puteh. Semakan Audit sehingga akhir bulan Mac 2019 mendapati kedua-dua projek masih belum dimulakan pembinaan.

iv. Mengikut pengiraan Audit, kedua-dua projek tersebut sepatutnya ditetapkan kuota RMMK sebanyak 77 unit rumah yang melibatkan 33 unit rumah harga rendah, 22 unit rumah harga sederhana rendah dan 22 unit rumah harga sederhana. Sekiranya pengecualian dipohon, levi berjumlah RM6.22 juta bagi 77 unit RMMK sepatutnya dikenakan kepada pemaju yang tidak menyediakan kuota RMMK. Maklumat lanjut seperti **Jadual 8.**

JADUAL 8
PROJEK KEDIAMAN DI ATAS TANAH PBT DAN
PERSENDIRIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT SWASTA

BIL.	NAMA PROJEK	AGENSI	TARIKH KM DILULUSKAN	KELUASAN TAPAK PROJEK (Ekar)	KELUASAN TAPAK KEDIAMAN (Ekar)	BILANGAN RMMK YANG SEPATUT DIBINA (Unit)	BILANGAN RMMK DAN KUOTA MENGIKUT KATEGORI SEPATUTNYA DIBINA (Unit)		
							HR	HSR	HS
KAEDAH PELAKSANAAN BAGI TANAH PBT YANG DIMAJUKAN SECARA USAHA SAMA									
1.	Pembangunan Bercampur di Atas Tanah Lot PT9398 di Mukim Kuala Pahi Daerah Batu Mengkebang, Kuala Krai	MDKK dan BBGM Dev. (KK) Sdn. Bhd.	18.09.2018	28.998	5.313	37	13 (10%)	12 (10%)	12 (10%)
JUMLAH UNIT						37	13	12	12
JUMLAH LEVI						RM3.17 juta	RM0.59 juta	RM1.02 juta	RM1.56 juta
KAEDAH PELAKSANAAN BAGI TANAH MILIK PERSENDIRIAN/SWASTA									
2.	Pembangunan Bercampur di Atas Tanah Lot 398, Kg. Bukit Abal, Mukim Bukit Abal <i>East</i> (Timur)	MDPP	27.06.2017	20.171	7.141	40	20 (10%)	10 (5%)	10 (5%)
JUMLAH UNIT						40	20	10	10
JUMLAH LEVI						RM3.05 juta	RM0.90 juta	RM0.85 juta	RM1.30 juta
JUMLAH UNIT KESELURUHAN						77	33	22	22
JUMLAH LEVI KESELURUHAN						RM6.22 juta	RM1.49 juta	RM1.87 juta	RM2.86 juta

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: HR : Harga Rendah
 HSR : Harga Sederhana Rendah
 HS : Harga Sederhana

- v. Perkara ini berlaku disebabkan PBT tidak memahami sepenuhnya Dasar RMMK yang ditetapkan di mana syarat kuota RMMK dan levi perlu dinyatakan dengan jelas dalam proses kelulusan kebenaran merancang. Keadaan ini menyebabkan 77 unit RMMK yang sepatutnya dibina tidak disediakan. Kerajaan Negeri juga tidak dapat mengenakan levi berjumlah RM6.22 juta.

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019

Bagi projek pembangunan bercampur di atas tanah lot 398 Kg. Bukit Abal, Mukim Bukit Abal *East* (Timur), pihak MDPP akur ketidakpatuhan Dasar RMMK yang telah dikuatkuasakan oleh PBN. Bagaimanapun, dalam projek tersebut terdapat 97 unit rumah jenis harga sederhana yang berharga RM122,000 dengan keluasan 1,400 kaki persegi yang

telah disediakan oleh pihak pemaju. Ianya melebihi syarat 40 unit RMMK yang sepatutnya dibina mengikut Dasar RMMK. Pihak MDPP akur ianya tidak mengikut tiga (3) kategori rumah sebagaimana dalam Dasar RMMK.

Bagi projek pembangunan bercampur di atas tanah lot PT9398, seluas 28.998 ekar di Mukim Kuala Pahi Daerah Batu Mengkebang, Kuala Krai, adalah merupakan projek usaha sama antara MDKK dan pemaju swasta dan telah mendapat kelulusan cadangan pelaksanaan projek melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 9 Disember 2015. Pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan telah bertindak sebagai urusetia *One Stop Centre* (OSC) bagi penyelarasan ulasan teknikal kelulusan pelan tata atur. Kelulusan pelan tata atur projek ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada 20 Jun 2018. Kebenaran merancang telah diluluskan dalam Mesyuarat OSC Khas pada 14 Ogos 2018.

Pada pendapat Audit pelaksanaan kuota RMMK bagi projek perumahan/bercampur dapat membantu untuk meningkatkan bilangan RMMK dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian output program.

b. Syarat Sekatan/Moratorium Tidak Dikenakan

- i. Menurut klausa 1.4.4 Dasar RMMK, moratorium ialah sekatan ke atas pemilikan penjualan semula (*subsequent-sale*) bagi mengelakkan spekulasi harga rumah mampu milik. Ia dikenakan selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara bagi menentukan mekanisme moratorium pemilikan penjualan semula (*subsequent-sale*) semua rumah mampu milik. Moratorium yang dikenakan adalah selama 10 tahun dan dimasukkan di bawah sekatan kepentingan di dalam hak milik tanah/hak milik strata seperti berikut:
 - tanah yang terkandung dalam hak milik ini tidak boleh dibuat sebarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan PBN terlebih dahulu;
 - tidak boleh membuat pindah milik dalam tempoh 10 tahun daripada pendaftaran hak milik pertama;

- tempoh sekatan pindah milik selama 10 tahun yang dikenakan ini dikecualikan bagi pindah milik kepada waris terdekat. Pengecualian ini berdasarkan takrifan seperti mana Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Bilangan 4 Tahun 1994 dan dalam keadaan-keadaan tertentu (*Exceptional Circumstances*) yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan; dan
 - tanah yang terkandung dalam hak milik ini dikecualikan bagi gadaian kepada bank atau institusi kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri.
- ii. Semakan Audit mendapati dua (2) projek yang tertakluk sepenuhnya dengan Dasar RMMK tidak mengenakan syarat sekatan/moratorium 10 tahun iaitu projek RMMK Taman Wadi Iman Fasa 3A Kok Lanas dan RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah. Namun, terdapat sekatan kepentingan sedia ada iaitu tanah yang terkandung di dalam hak milik tersebut tidak boleh dibuat sebarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan PBN terlebih dahulu.
 - iii. Perkara ini berlaku disebabkan tiada permohonan oleh Bahagian Perumahan Pejabat SUK atau agensi pelaksana kepada PBN untuk membatalkan sekatan kepentingan yang telah termaktub di dalam geran hak milik asal untuk memasukkan syarat sekatan/moratorium 10 tahun.
 - iv. Perkara ini menyebabkan urusan pindah milik tidak terikat dengan tempoh tertentu dan memerlukan kelulusan PBN berbanding syarat moratorium 10 tahun di mana urusan pindah milik selepas 10 tahun hanya memerlukan kelulusan di peringkat pentadbir tanah sahaja.

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019

Sekatan hak milik bagi kedua-dua projek tersebut hanya boleh dimasukkan pada pengeluaran pertama hak milik. Disebabkan pengeluaran hak milik bagi setiap unit rumah telah dikeluarkan selepas dijual tanpa memasukkan sekatan/moratorium, maka bagi memasukkan sekatan/moratorium perlu mendapat permohonan oleh pemilik. Bagi mengelakkan jualan semula RMMK yang masih belum dijual, satu keputusan telah dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Pemilih RMMK Kelantan Bilangan 2 Tahun 2018 untuk memasukkan Kaviet Pendaftar.

Pejabat SUK Kelantan melalui surat bertarikh 14 April 2019 telah mengarahkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk mengenakan syarat moratorium 10 tahun ke atas hak milik tanah/hak milik strata bagi pembinaan rumah-rumah di bawah Program RMMK.

Pada pendapat Audit, ketiadaan syarat sekatan/moratorium 10 tahun boleh menyebabkan risiko penjualan semula unit RMMK bagi mendapatkan keuntungan.

6.2.3. Projek Siap Belum Dapat Dijual

- a. Mengikut perjanjian projek antara Kerajaan Negeri Kelantan dan PKINK yang telah dimeterai pada 10 Mac 2017, projek menyiapkan 64 unit RMMK di Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah patut disiapkan selewat-lewatnya pada 15 Mei 2017 atau pada mana-mana tarikh lanjutan yang telah dipersetujui bersama antara pihak Kerajaan Negeri dan Perbadanan.
- b. Semakan Audit mendapati Projek RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah telah siap dibina dan telah dikeluarkan *Certificate Of Practical Completion* pada 26 Mac 2018 selepas tiga (3) kali *Extension Of Time* dibenarkan. Bahagian Perumahan Pejabat SUK telah mengeluarkan surat tawaran RMMK kepada pemohon yang layak untuk diteruskan proses pembiayaan perumahan secara berperingkat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 9 Ogos 2017 dan 21 Februari 2018. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada akhir bulan Mac 2019, proses permohonan pembiayaan perumahan masih belum dapat diteruskan kerana *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) belum diperolehi.
- c. CCC masih belum dikeluarkan kerana *sewerage treatment plant* (STP) yang dibina belum mendapat kelulusan daripada pihak Syarikat Majaari Services Sdn. Bhd. (Majaari) yang merupakan pihak yang bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara semua loji rawatan kumbahan awam di seluruh negeri Kelantan. Pemeriksaan Pertengahan kali pertama oleh pihak Majaari terhadap STP telah dibuat pada 25 November 2018 dan berdasarkan surat oleh pihak Majaari bertarikh 29 November 2018 terdapat teguran terhadap keperluan dokumentasi, fi dan keperluan teknikal yang perlu

dipatuhi sebelum STP dapat diluluskan. Antara keperluan teknikal yang perlu dipatuhi oleh PKINK adalah berkaitan pagar loji awam, pengujian hidraulik, pengujian elektrik, proses pengudaraan, pemasangan papan tanda dan kerja-kerja luaran serta dalaman. STP tersebut seperti **Gambar 7**.



GAMBAR 7

**STP di RMMK Taman Wadi Iman Pasir
Genda Tanah Merah
- STP Masih Belum Mendapat Kelulusan Majaari
(28.1.2019)**

- d. Perkara ini menyebabkan 64 unit RMMK yang sudah siap dibina belum dapat dijual kepada pembeli dan dimanfaatkan oleh golongan sasar. Lawatan Audit pada 6 Mac 2019 mendapati kesan daripada rumah yang belum dapat dijual menyebabkan berlaku kerosakan akibat perbuatan vandalisme dan kecurian seperti kerosakan pintu, tombol pintu, tingkap, pendawaian elektrik dan kehilangan kotak fuis. Maklumat lanjut seperti **Gambar 8** hingga **Gambar 14**.

GAMBAR 8



**RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah
Merah
- Pintu Rumah yang Dirosakkan
(6.3.2019)**

GAMBAR 9



**RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah
Merah
- Pintu Rumah yang Dirosakkan
(6.3.2019)**

GAMBAR 10



**RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah
Merah
- Pendawaian Elektrik yang Dirosakkan
(6.3.2019)**

GAMBAR 11



**RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah
Merah
- Pendawaian Elektrik yang Dirosakkan
(6.3.2019)**

GAMBAR 12




RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah
- Tombol Pintu yang Ditanggalkan
(6.3.2019)

GAMBAR 13



RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah
- Pintu dan Cermin Tingkap yang Dirosakkan
(6.3.2019)



GAMBAR 14

RMMK Taman Wadi Iman Pasir Genda Tanah Merah
- Kehilangan Kotak Fius
(6.3.2019)

Maklum Balas Bahagian Perumahan Pejabat SUK yang Diterima pada 17 April 2019

Pihak Majaari telah melakukan pemeriksaan pada 31 Mac 2019, bagaimanapun CCC masih belum dapat dikeluarkan memandangkan beberapa syarat masih belum dipenuhi yang melibatkan keperluan dokumentasi, fi dan teknikal.

Pada pendapat Audit kelemahan pihak pemaju menyelesaikan teguran Majaari berkaitan STP telah menyebabkan selama setahun CCC masih belum dapat dikeluarkan. Ini mengakibatkan rumah tidak dapat dijual dan berlaku kerosakan terhadap rumah yang siap dibina.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, Program Rumah Mampu Milik Kelantan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 gagal mencapai sasaran untuk menyediakan dan menawarkan 5,000 unit rumah mampu milik seperti ditetapkan di dalam Dasar RMMK. Di samping terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program yang menjejaskan pencapaiannya.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program RMMK ini dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, beberapa syor dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Pejabat SUK untuk penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. kuota RMMK bagi projek swasta perlu dilaksanakan bagi membantu mencapai sasaran output dan *outcome* program;
- 8.2. penilaian semula tahap keberkesanan dan sasaran RMMK perlu dilakukan bagi memastikan objektif program dapat dicapai;
- 8.3. pengurusan Program RMMK perlu dilaksanakan dengan cekap di mana peruntukan kewangan untuk RMMK digunakan secara optimum bagi memastikan lebih banyak RMMK dapat dibina; pelaksanaan kuota dan levi perlu diberi pendedahan kepada agensi pelaksana; dan syarat moratorium perlu dilaksanakan sebagaimana dasar;
- 8.4. syarat untuk mendapatkan CCC perlu dipatuhi segera bagi membolehkan RMMK dapat dijual dan diduduki; dan
- 8.5. sasaran dan Dasar RMMK dikaji semula dengan mengambil kira penemuan Audit yang dibangkitkan dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan prestasi dan pengurusan Program RMMK.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN

2 PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM AL-MUSA'ADAH

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelaksanaan bantuan kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMNK) adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Perundangan, Senarai III. Selaras dengan itu, JKMNK diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

1.2. Skim bantuan JKMNK terdiri daripada Skim Bantuan Negeri dan Skim Bantuan Persekutuan. Skim Bantuan Negeri terdiri daripada Skim Bantuan Pelancaran (Projek Jaya Diri), Bantuan Kelompok, Bantuan Sekolah, Bantuan Bencana (Pemulihan), Bantuan Bencana (Bekalan), Bantuan Latihan Sambil Belajar, Bantuan Armalah, Bantuan Khas dan Bantuan Am Al-Musa'adah. Manakala Skim Bantuan Persekutuan adalah terdiri daripada Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar. Skim Bantuan Persekutuan adalah seragam di semua negeri manakala Skim Bantuan Negeri adalah berbeza di mana syarat kelayakan dan kadar bantuan antara negeri-negeri bergantung kepada dasar dan peruntukan Kerajaan Negeri masing-masing. Setiap permohonan bantuan diserahkan kepada JKMNK untuk ditentukan jenis bantuan yang layak diterima selepas memenuhi syarat ditetapkan.

1.3. Konsep bantuan kebajikan JKMNK adalah bersifat sementara bagi membantu individu yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti. Objektif pemberian bantuan kebajikan JKMNK antaranya adalah untuk memenuhi keperluan asas bagi meringankan beban penerima bantuan dan sebagai sumber kewangan sementara bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Pada tahun 2016 hingga 2018, peruntukan bagi tujuan agihan Skim Bantuan Negeri Kelantan masing-masing berjumlah RM17.66 juta, RM19.31 juta dan RM26.47 juta. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Skim Bantuan Am Al-Musa'adah (SBA Al-Musa'adah) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM10.66 juta, RM10.88 juta dan RM17.33 juta.

1.4. Objektif SBA Al-Musa'adah adalah untuk membantu menampung perbelanjaan harian penerima bantuan. SBA Al-Musa'adah diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak memenuhi syarat di bawah bantuan lain. Kadar bulanan SBA Al-Musa'adah yang diberi adalah berjumlah RM120 sebulan dan kadar tersebut telah dinaikkan kepada RM150 sebulan mulai bulan Januari 2018.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan SBA Al-Musa'adah telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan untuk membantu menampung perbelanjaan harian penerima bantuan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi pengurusan SBA Al-Musa'adah yang dijalankan di JKMNK sepanjang tahun 2016 hingga 2018. Pengauditan dijalankan adalah meliputi dua (2) bidang utama (*key areas*), iaitu prestasi dan pengurusan SBA Al-Musa'adah. Prestasi output dinilai berdasarkan pencapaian sasaran dan agihan bantuan. Prestasi *outcome* pula disemak berdasarkan kemampuan berdikari penerima bantuan. Manakala pengurusan pula meliputi pencapaian kewangan, proses siasatan dan kelulusan, proses pemberhentian bayaran kepada penerima yang meninggal dunia, penukaran skim dan proses permohonan serta agihan bayaran SBA Al-Musa'adah.

3.2. Pengauditan SBA Al-Musa'adah dijalankan di JKMNK dan tiga (3) Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan (PKMJ) iaitu PKMJ Tanah Merah, PKMJ Machang dan PKMJ Tumpat. Semakan Audit dijalankan terhadap 450 (5.7%) daripada 7,918 fail penerima bantuan, 1,053 penerima bantuan yang telah ditamatkan, 67 borang permohonan pendaftaran Kad OKU dan 260 baucar bayaran bagi tahun 2016 hingga bulan Oktober 2018. Semakan juga dijalankan terhadap 1,258 permohonan baru bagi mengenal pasti kategori penerima bantuan. Sebanyak 34 penyata pemungut di JKMNK telah disemak bagi menilai tatacara pulangan balik wang bantuan yang tidak dapat diagihkan dan telah dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod bantuan dan bayaran, fail, data serta dokumen berkaitan SBA Al-Musa'adah. Lawatan fizikal telah dijalankan terhadap 135 penerima bantuan bagi tujuan pengesahan penerimaan dan 10 penerima yang ditamatkan melibatkan tiga (3) jajahan

iaitu Jajahan Tanah Merah, Machang dan Tumpat. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Pengesahan maklumat penerima bantuan dibuat dalam sistem e-Bantuan JKM melalui pautan sistem my*IDENTITY* Jabatan Pendaftaran Negara bagi menentukan status penerima bantuan sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan dijalankan pada bulan Oktober 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

5.1.1. Prestasi SBA Al-Musa'adah

Secara keseluruhannya, prestasi SBA Al-Musa'adah telah mencapai objektif ditetapkan untuk membantu individu yang tidak berkemampuan mendapatkan keperluan asas mereka. JKMNK telah berjaya mengagihkan bantuan kepada penerima bantuan masing-masing seramai 7,529, 7,641 dan 7,911 bagi tahun 2016 hingga 2018. Bantuan yang diagihkan ini telah mencapai 82.2% hingga 101.7% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, penerima bantuan yang mampu berdikari bagi ketiga-tiga jajahan tersebut adalah 0.8% daripada jumlah penerima bantuan. Penerima bantuan yang telah ditamatkan mampu berdikari selepas menerima bantuan antara satu (1) hingga 17 tahun daripada kelulusan SBA Al-Musa'adah diberikan sehingga bantuan ditamatkan. Penerima SBA Al-Musa'adah tidak mampu menjana pendapatan tanpa suntikan modal. Pada tahun 2016 hingga 2018, sejumlah 31 penerima bantuan SBA Al-Musa'adah telah menerima bantuan *2 Years Exit Programme* (2YEP) sebagai suntikan modal untuk menjana pendapatan. Sejumlah lapan (8) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2016 dan satu (1) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2017 telah berjaya mendapat pendapatan sejumlah RM930 hingga RM13,000 sebulan, melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pencapaian yang rendah bagi penerima bantuan yang mampu berdikari disebabkan penerima bantuan adalah di kalangan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas, penerima OKU, penerima yang sakit dan tidak mampu bekerja. Kadar bantuan yang rendah juga menyumbang kepada kemampuan berdikari penerima bantuan kerana penerima tidak boleh terus bergantung kepada bantuan yang sedikit untuk terus hidup.

5.1.2. Pengurusan SBA Al-Musa'adah

Pengurusan SBA Al-Musa'adah belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana berlaku kelewatan penamatan bayaran kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Penukaran skim yang ditamatkan tidak disambung kepada skim yang baru juga boleh menjejaskan kelangsungan hidup penerima bantuan. Selain itu, ketidaktepatan data dan maklumat dalam sistem e-Bantuan telah menyebabkan berlaku lebihan bayaran. Kelemahan proses siasatan dan kelulusan serta penyediaan garis panduan agihan bayaran bantuan kepada penerima juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penerima bantuan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian oleh JKMNK adalah seperti berikut:

- i. 167 (45.6%) kes bayaran SBA Al-Musa'adah lewat diberhentikan antara satu (1) hingga tujuh (7) bulan dari tarikh kematian menyebabkan berlakunya lebihan bayaran berjumlah RM26,640. Daripada jumlah tersebut, 69 kes berjumlah RM10,740 di PKMJ Tanah Merah, 44 kes berjumlah RM6,960 di PKMJ Machang dan 54 kes berjumlah RM8,940 di PKMJ Tumpat;
- ii. berdasarkan semakan terhadap 50 penerima bantuan yang ditukar skim, 22 penerima bantuan (44.0%) telah diberi kelulusan skim baru dan bayaran dibuat sebaik sahaja SBA Al-Musa'adah ditamatkan. Bagaimanapun, 12 penerima bantuan (24.0%) tidak diberikan kelulusan skim baru secara serentak selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan. Sementara itu, 16 penerima bantuan (32.0%) masih belum diberi bantuan skim baru walaupun telah ditamatkan bantuan SBA Al-Musa'adah. Keadaan ini menyebabkan 28 penerima bantuan (56.0%) tidak mendapat sebarang bantuan dalam tempoh satu (1) bulan hingga 35 bulan;
- iii. berlaku perbezaan bilangan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah antara senarai dalam sistem e-Bantuan dengan senarai penerima bantuan pada baucar bayaran. Perbezaan ini disebabkan kelemahan sistem e-Bantuan. Ini memberi kesan kepada 89 penerima bantuan yang telah diluluskan dalam sistem e-Bantuan tetapi tidak menerima bayaran berjumlah RM12,450 manakala dua (2) penerima telah menerima bayaran dua (2) kali melalui bank dan tunai berjumlah RM300; dan
- iv. daripada 450 sampel, tempoh siasatan bagi 49 (10.9%) permohonan mengambil masa antara 15 hingga 374 hari yang sepatutnya diselesaikan

dalam 14 hari. Tempoh kelulusan pula sepatutnya diselesaikan dalam 30 hari tidak dapat dicapai bagi 122 (27.1%) permohonan yang diluluskan dalam tempoh antara 31 hingga 390 hari. Garis panduan norma kerja untuk agihan bayaran juga tidak disediakan bagi SBA Al-Musa'adah dalam menentukan ketetapan bayaran dibuat.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 11 April 2019 manakala maklum balas telah diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019. Perkara yang ditemui dan penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

6.1. Prestasi SBA Al-Musa'adah

6.1.1. Pencapaian Output Agihan SBA Al-Musa'adah

a. Pencapaian Sasaran SBA Al-Musa'adah

- i. JKMNK telah menetapkan sasaran bilangan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah berdasarkan unjuran peruntukan diluluskan di dalam Bajet Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun. Pada tahun 2016 hingga 2018, JKMNK telah mensasarkan purata penerima bantuan SBA Al-Musa'adah setiap bulan seramai 7,404 (2016), 7,559 (2017) dan 9,627 (2018).
- ii. Semakan Audit mendapati JKMNK telah memberi kelulusan dan melanjutkan pemberian bantuan SBA Al-Musa'adah antara 82.2% hingga 101.7% daripada sasaran ditetapkan. Pencapaian bilangan penerima bantuan bagi tahun 2016 dan 2017 mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, pada tahun 2018 menurun kepada 82.2%. Sasaran dan pencapaian penerima SBA Al-Musa'adah adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENERIMA
SBA AL-MUSA'ADAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN (Bil. Orang)	PENCAPAIAN	
		PENERIMA BANTUAN (Bil. Orang)	(%)
2016	7,404	7,529	101.7
2017	7,559	7,641	101.1
2018	9,627	7,911	82.2
JUMLAH	24,590	23,081	93.9

Sumber: JKMNK

b. Prestasi Agihan

- i. Buku Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Tahun 2009 telah menetapkan SBA Al-Musa'adah diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah jenis bantuan lain. Garis panduan yang telah dikemas kini pada bulan Julai 2018 meletakkan kriteria kelayakan untuk SBA Al-Musa'adah adalah seperti berikut:
 - pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah iaitu RM930 sebulan atau PGK Purata Miskin Per Kapita Semasa iaitu RM230 sebulan;
 - golongan miskin yang memerlukan atau tidak diliputi di bawah skim bantuan bulanan JKMNK lain; atau
 - mana-mana kes yang berkeperluan adalah layak dipertimbangkan dengan kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 9,225 permohonan baru telah diterima oleh PKMJ Tanah Merah, Machang dan Tumpat. Permohonan ini melibatkan permohonan baru bagi semua skim yang ditawarkan oleh ketiga-tiga PKMJ. Sebanyak 1,258 daripada permohonan tersebut telah diluluskan dan memenuhi kriteria kelayakan SBA Al-Musa'adah. Manakala sejumlah 6,663 kes SBA Al-Musa'adah telah dilanjutkan pada tahun 2016 hingga 2018. Semakan Audit terhadap jumlah penerima bantuan mendapati pertambahan bilangan penerima bantuan bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu seramai tujuh (7) penerima (0.3%) bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. Manakala pertambahan seramai 128 penerima (4.9%) tahun 2018 berbanding tahun 2017.
- iii. Pertambahan ini disebabkan bilangan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah yang dilanjutkan bertambah sebanyak 55 penerima bantuan bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pada tahun 2018, bilangan penerima bantuan telah bertambah sebanyak 19 penerima berbanding tahun 2017. Penerima bantuan yang dilanjutkan terdiri daripada kalangan warga emas dan pesakit yang tiada punca pendapatan. Penerima bantuan yang dilanjutkan ini mengakibatkan pengurangan bilangan penerima SBA Al-Musa'adah yang baru sebanyak 48 penerima bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. Bagi tahun 2018, jumlah penerima baru bertambah sebanyak 109 penerima berbanding tahun 2017 kerana pertambahan peruntukan pada tahun tersebut.

- iv. Bagi tahun 2016 hingga 2018 sebanyak 2,846 permohonan baru tidak diluluskan antaranya disebabkan oleh pemohon mempunyai anak yang telah dewasa dan berkerja, pemohon masih sihat dan berupaya bekerja, pendapatan keluarga melebihi syarat ditetapkan dan pemohon mempunyai harta yang mengeluarkan hasil. Maklumat permohonan dan kelulusan SBA Al-Musa'adah adalah seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

JAJAHAN	PERMOHONAN BARU				KES LANJUTAN	JUMLAH PENERIMA BANTUAN AM (Bil. Kes)
	DITERIMA (Bil. Kes)	LULUS (Bil. Kes)	DITOLAK (Bil. Kes)	LULUS SKIM BANTUAN PERSEKUTUAN DAN LAIN-LAIN BANTUAN NEGERI (Bil. Kes)	KELULUSAN (Bil. Kes)	
	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f) = (b) + (e)
TAHUN 2016						
T. Merah	1,227	156	386	685	741	897
Machang	704	108	196	400	623	731
Tumpat	1,022	151	227	644	814	965
JUMLAH KECIL	2,953	415	809	1,729	2,178	2,593
TAHUN 2017						
T. Merah	1,135	86	409	640	684	770
Machang	904	117	307	480	684	801
Tumpat	1,140	164	271	705	865	1,029
JUMLAH KECIL	3,179	367	987	1,825	2,233	2,600
TAHUN 2018						
T. Merah	1,115	89	475	551	661	750
Machang	948	194	406	348	715	909
Tumpat	1,030	193	169	668	876	1,069
JUMLAH KECIL	3,093	476	1,050	1,567	2,252	2,728
JUMLAH KESELURUHAN	9,225	1,258	2,846	5,121	6,663	7,921

Sumber: JKMNK

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

JKMNK memaklumkan jumlah kes yang diluluskan bergantung kepada jumlah permohonan dan kelayakan. Sebanyak 10,218 permohonan baru telah diterima pada tahun 2018 bagi keseluruhan jajahan dan diluluskan mengikut skim bantuan yang bersesuaian. Sejumlah 1,443 kes daripadanya adalah layak diluluskan SBA Al-Musa'adah.

Pada pendapat Audit, permohonan bantuan SBA Al-Musa'adah hendaklah diproses dan diluluskan kepada penerima yang layak secara optimum bagi membantu kos perbelanjaan harian.

6.1.2. Pencapaian *Outcome* SBA Al-Musa'adah

- a. Selaras dengan Garis Panduan Bantuan Kewangan Persekutuan, SBA Al-Musa'adah diberikan untuk tempoh setahun dan dilanjutkan jika penerima bantuan masih belum mampu berdikari. Bagi penerima yang telah mampu berdikari, bantuan tersebut ditamatkan.
- b. Berdasarkan siasatan JKMNK terhadap kes yang ditamatkan pemberian SBA Al-Musa'adah mendapati sebab utama penerima ditamatkan bantuan apabila mampu berdikari, berpindah daerah, meninggal dunia dan ditukar skim bantuan. Semakan Audit mendapati 64 (0.8%) daripada 7,921 penerima bantuan yang mampu berdikari bagi Jajahan Tanah Merah, Machang dan Tumpat bagi tahun 2016 hingga 2018. Analisa Audit mendapati, tempoh masa penerima mampu berdikari adalah antara satu (1) hingga 17 tahun daripada tempoh kelulusan SBA Al-Musa'adah diberikan sehingga bantuan ditamatkan. Bilangan penerima yang mampu berdikari ini rendah disebabkan majoriti penerima bantuan terdiri daripada pesakit yang tidak mampu bekerja, warga emas yang tidak mampu bekerja dan penerima OKU. Bilangan penerima bantuan yang mampu berdikari bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH MAMPU BERDIKARI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN/ JAJAHAN	PENERIMA BANTUAN (Bil. Kes)	KES DITAMATKAN		MAMPU BERDIKARI	
		(Bil. Kes)	(%)	(Bil. Kes)	(%)
TAHUN 2016					
T. Merah	897	156	17.4	6	0.7
Machang	731	67	9.2	1	0.1
Tumpat	965	117	12.1	7	0.7
JUMLAH KECIL	2,593	340	13.1	14	0.5
TAHUN 2017					
T. Merah	770	202	26.2	25	3.2
Machang	801	71	8.9	4	0.5
Tumpat	1,029	151	14.7	5	0.5
JUMLAH KECIL	2,600	424	16.3	34	1.3
TAHUN 2018					
T. Merah	750	90	12.0	7	0.9
Machang	909	73	8.0	5	0.6
Tumpat	1,069	126	11.8	4	0.4
JUMLAH KECIL	2,728	289	10.6	16	0.6
JUMLAH KESELURUHAN	7,921	1,053	13.3	64	0.8

Sumber: JKMNK

- c. Semakan lanjut Audit mendapati kemampuan berdikari penerima bantuan SBA Al-Musa'adah adalah juga disumbangkan melalui 2 *Years Exit Programme* (2YEP). 2YEP adalah pendekatan JKM bagi mengurangkan peningkatan penerima bantuan JKMNK melalui platform penjana pendapatan kepada penerima bantuan yang produktif. Program ini mensasarkan penerima bantuan Bantuan Kanak-kanak (BKK), Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Am yang produktif. Program bantuan ini diberikan secara *one-off* sebanyak RM2,700 melalui tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun.
- d. Daripada bilangan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah di Kelantan pada tahun 2016, sejumlah 13 orang menerima bantuan 2YEP. Pada tahun 2017 dan 2018 pula, masing-masing seramai lapan (8) dan 10 orang menerima bantuan yang sama. Berdasarkan Laporan 2YEP, sebanyak lapan (8) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2016 dan satu (1) penerima SBA Al-Musa'adah pada tahun 2017 telah berjaya mendapat pendapatan sejumlah RM930 hingga RM13,000 sebulan, melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Manakala 22 penerima SBA Al-Musa'adah masih belum berjaya disebabkan penerima sakit dan berpindah ke luar daerah. Maklumat mengenai pencapaian peserta 2YEP yang berjaya berdikari adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENERIMA BANTUAN 2YEP BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	JUMLAH SBA MENERIMA BANTUAN 2YEP	JUMLAH SBA BELUM BERJAYA	JUMLAH SBA BERJAYA	
	(Bilangan)	(Bilangan)	(Bilangan)	(%)
2016	13	5	8	61.5
2017	8	7	1	12.5
2018	10	10	0	0
JUMLAH	31	22	9	29.0

Sumber:JKMNK

- e. SBA Al-Musa'adah perlu disokong oleh suntikan modal bagi membantu penerima bantuan menjana punca pendapatan. Kerjasama melalui Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan untuk program 2YEP telah membantu ke arah penerima bantuan lebih berdikari. Ini juga telah memberi kesan kepada peningkatan jumlah penerima yang berjaya ditamatkan SBA Al-Musa'adah kerana berjaya keluar dari garis kemiskinan.
- f. Bilangan penerima SBA Al-Musa'adah mampu berdikari adalah rendah disebabkan penerima tersebut adalah di kalangan warga emas, orang sakit dan OKU. Analisis Audit selanjutnya terhadap 1,258 kelulusan permohonan

baru bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati kemampuan berdikari yang rendah disebabkan penerima bantuan SBA Al-Musa'adah adalah terdiri daripada:

- i. 367 (29.2%) warga emas berumur 60 tahun dan ke atas;
- ii. 461 (36.6%) penerima yang sakit dan tidak mampu bekerja; dan
- iii. 35 (2.8%) penerima yang mempunyai kad OKU.

Maklumat penerima SBA Al-Musa'adah di kalangan warga emas, OKU dan pesakit adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH WARGA EMAS,
OKU DAN PESAKIT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN/ JAJAHAN	KELULUSAN BANTUAN AM	WARGA EMAS		SAKIT		OKU		LAIN-LAIN	
	(Bilangan)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
TAHUN 2016									
T. Merah	156	23	14.7	50	32.1	3	1.9	80	51.3
Machang	108	43	39.8	32	29.6	2	1.9	31	28.7
Tumpat	151	48	31.8	49	32.5	2	1.3	52	34.4
JUMLAH KECIL	415	114	27.5	131	31.6	7	1.7	163	39.3
TAHUN 2017									
T. Merah	86	12	14.0	37	43.0	2	2.3	35	40.7
Machang	117	38	32.5	54	46.2	4	3.4	21	18.0
Tumpat	164	51	31.1	55	33.5	5	3.0	53	32.3
JUMLAH KECIL	367	101	27.5	146	39.8	11	3.0	109	29.7
TAHUN 2018									
T. Merah	89	17	19.1	36	40.4	4	4.5	32	36.0
Machang	194	67	34.5	76	39.2	11	5.7	40	20.6
Tumpat	193	68	35.2	72	37.3	2	1.0	51	26.4
JUMLAH KECIL	476	152	31.9	184	38.7	17	3.6	123	25.8
JUMLAH KESELURUHAN	1,258	367	29.2	461	36.6	35	2.8	395	31.4

Sumber: JKMNK

Jumlah yang signifikan di kalangan penerima warga emas, sakit dan tidak mampu bekerja juga memberi kesan kepada kemampuan penerima untuk berdikari kerana tidak mampu mencari pendapatan sendiri.

- g. Kadar SBA Al-Musa'adah Berbanding Perbelanjaan Penerima Bantuan.
- i. Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan Skim Bantuan Kebajikan menetapkan tujuan bantuan kewangan kebajikan

diberikan adalah untuk memenuhi keperluan asas kehidupan dan meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Kadar SBA Al-Musa'adah adalah berjumlah RM120 sebulan telah diberikan bagi membantu penerima bantuan dan kadar tersebut telah dinaikkan kepada RM150 sebulan pada bulan Januari 2018.

- ii. Semakan Audit terhadap 450 Borang Permohonan Bantuan (JKM 18), Borang Siasatan (JKM19), Borang Kaji Semula (JKM20) dan Borang Siasatan Kaji Semula (JKM21) mendapati penerima SBA Al-Musa'adah yang mempunyai pendapatan kurang atau sama dengan perbelanjaan adalah sejumlah 96 penerima pada tahun 2016, 96 penerima pada tahun 2017 dan 81 penerima pada tahun 2018. Ini menunjukkan 273 (60.7%) penerima SBA Al-Musa'adah tidak mampu menampung perbelanjaan keperluan asas dan perbelanjaan kecemasan. Ini adalah disebabkan kadar bantuan yang rendah dan memberi kesan kepada bilangan penerima yang mampu berdikari. Maklumat pendapatan berbanding perbelanjaan penerima SBA Al-Musa'adah adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH

JAJAHAN	PENDAPATAN MELEBIHI PERBELANJAAN	PENDAPATAN SAMA DENGAN PERBELANJAAN	PENDAPATAN KURANG DARIPADA PERBELANJAAN
	(Bil. Penerima)	(Bil. Penerima)	(Bil. Penerima)
TAHUN 2016			
Tanah Merah	27	7	16
Machang	15	4	31
Tumpat	12	11	27
JUMLAH KECIL	54	22	74
TAHUN 2017			
Tanah Merah	28	12	10
Machang	14	6	30
Tumpat	12	7	31
JUMLAH KECIL	54	25	71
TAHUN 2018			
Tanah Merah	24	10	16
Machang	23	2	25
Tumpat	22	5	23
JUMLAH KECIL	69	17	64
JUMLAH KESELURUHAN	177	64	209

Sumber: JKMNK

- iii. Perbandingan Audit terhadap kadar bantuan Skim Bantuan Am yang diberi oleh JKM Negeri lain mendapati 10 negeri menetapkan kadar bantuan terendah dan tertinggi antara RM100 hingga RM770. Manakala satu (1) negeri menetapkan kadar tetap sebanyak RM200 setiap penerima bantuan.

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

JKMNK memaklumkan penerima bantuan yang dikenal pasti sebagai produktif dimasukkan ke dalam program 2YEP bagi membolehkan mereka berdikari dan dikeluarkan dari senarai penerima bantuan Jabatan. Penerima bantuan yang tidak produktif pula dibuat penilaian dan kaji semula pada setiap tahun untuk diberikan bantuan selagi memerlukan.

Kerajaan Negeri Kelantan sangat mengambil berat akan perkara ini. Oleh yang demikian, kadar Bantuan Am sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa iaitu sebelum tahun 2013 pada kadar RM60 hingga RM90 sebulan, tahun 2013 hingga 2017 pada kadar RM120 sebulan dan tahun 2018 pada kadar RM150 sebulan.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* SBA Al-Musa'adah tidak berjaya sepenuhnya disebabkan faktor penerima bantuan adalah warga emas, sakit dan OKU. Penerima bantuan tersebut sewajarnya dipindahkan ke skim bantuan lain yang memenuhi kelayakan ditetapkan bergantung kepada peruntukan kewangan bagi skim berkaitan. Program 2YEP sesuai untuk diperluaskan bagi penerima bantuan yang produktif kerana dapat menyumbang kepada kemampuan berdikari. Tertakluk kepada sumber kewangan, kadar bantuan SBA Al-Musa'adah disesuaikan dengan kos sara hidup semasa bagi meringankan beban kewangan penerima bantuan.

6.2. Pengurusan SBA Al-Musa'adah

6.2.1. Pencapaian Kewangan SBA Al-Musa'adah

- a. Pada tahun 2016 hingga 2018 Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM39.81 juta iaitu RM10.60 juta bagi tahun 2016, RM10.80 juta bagi tahun 2017 dan RM18.41 juta bagi tahun 2018. Bagi tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM35.52 juta iaitu 80.7% hingga 100.0% daripada peruntukan

tahunan telah dibelanjakan dan diagihkan kepada penerima bantuan SBA Al-Musa'adah. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
SBA AL-MUSA'ADAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERUNTUKAN KEMAS KINI	PERBELANJAAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2016	10.60	10.66	10.65	99.9
2017	10.80	10.88	10.88	100.0
2018	18.41	17.33	13.99	80.7
JUMLAH	39.81	38.87	35.52	91.4

Sumber: JKMNK

- b. Penerima bantuan SBA Al-Musa'adah sebahagiannya adalah terdiri daripada warga emas dan OKU. Berdasarkan Senarai Penerima Bantuan SBA Al-Musa'adah Ditamatkan, didapati sebanyak 178 penerima telah ditukar skim kepada Skim Bantuan Orang Tua (BOT) iaitu 35 penerima bantuan tahun 2016, 104 penerima bantuan tahun 2017 dan 39 penerima bantuan tahun 2018.
- c. Semakan Audit terhadap 1,258 permohonan baru yang diluluskan mendapati sebanyak 367 (29.2%) penerima SBA Al-Musa'adah berumur 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan kertas siasatan JKM 19, penerima bantuan ini merupakan golongan warga emas yang tidak bekerja atau tidak berupaya bekerja untuk menyara kehidupan hariannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati penerima bantuan SBA Al-Musa'adah ini tidak diberikan bantuan Skim BOT kerana peruntukan Skim BOT telah diagihkan sepenuhnya. Pihak Audit dimaklumkan JKMNK telah memulangkan semula peruntukan Skim BOT dan OKU kerana terdapat lebih peruntukan masing-masing sejumlah RM404,950 dan RM158,400. Kesan daripada keadaan ini menyebabkan 367 penerima warga emas hanya menerima bantuan sejumlah RM150 sebulan berbanding RM350 sebulan bagi Skim BOT. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan Skim BOT adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SKIM BOT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2016	33.24	33.22	99.9
2017	33.44	33.43	99.9
2018	33.55	33.55	100.0
JUMLAH	100.23	100.20	100.0

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan JKMNK Tahun 2016 Hingga 2018

- d. Berdasarkan Senarai Penerima Bantuan SBA Al-Musa'adah Ditamatkan juga didapati seramai 95 penerima yang ditamatkan telah ditukarkan kepada Skim Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) di Jajahan Tumpat, Machang dan Tanah Merah sepanjang tahun 2016 hingga 2018. Skim OKU yang diberikan adalah Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) dan Elaun Pekerja Cacat (EPC). Maklumat senarai penerima SBA Al-Musa'adah yang ditamatkan dan ditukarkan kepada bantuan OKU adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
BILANGAN PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH
DITAMATKAN DAN DITUKARKAN KEPADA SKIM BANTUAN OKU

BIL.	JAJAHAN	BILANGAN OKU						JUMLAH
		2016		2017		2018		
		BTB	EPC	BTB	EPC	BTB	EPC	
1.	Tumpat	9	5	7	2	7	3	33
2.	Machang	7	2	4	4	6	3	26
3.	Tanah Merah	3	3	12	4	6	8	36
JUMLAH		19	10	23	10	19	14	95

Sumber: JKMNK

- e. Semakan Audit terhadap Senarai Pendaftaran Permohonan Kad OKU tahun 2016 hingga 2018 mendapati seramai 30 orang telah mendapat status OKU dan disahkan tidak berupaya bekerja daripada JKM. Mereka ini tidak diberi bantuan BTB atau EPC dan masih menerima SBA Al-Musa'adah. Akibatnya 30 penerima SBA Al-Musa'adah ini hanya menerima bantuan RM150 sebulan berbanding RM250 hingga RM400 sebulan jika menerima BTB atau EPC. Senarai OKU yang masih menerima SBA Al-Musa'adah adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
BILANGAN OKU YANG MENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH

BIL.	JAJAHAN	BILANGAN OKU MENGIKUT TAHUN			JUMLAH
		2016	2017	2018	
1.	Tanah Merah	4	3	6	13
2.	Machang	3	4	2	9
3.	Tumpat	4	2	2	8
JUMLAH		11	9	10	30

Sumber: JKMNK

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

JKMNK akan membuat analisis dan mengkaji semula keperluan peruntukan bagi semua skim termasuk BOT dan OKU. Pada kebiasaannya, JKMNK akan membuat unjuran keperluan dengan


peningkatan sebanyak 2% berbanding perbelanjaan pada tahun sebelumnya. Peruntukan yang telah dimohon akan sentiasa dibuat *review* sebanyak tiga (3) bulan sekali melalui Mesyuarat Bajet yang diadakan di peringkat JKMM.

Pada pendapat Audit, pencapaian perbelanjaan SBA Al-Musa'adah adalah baik. Penerima bantuan SBA Al- Musa'adah yang berumur 60 tahun dan ke atas serta OKU yang berdaftar dengan JKMNK boleh dipertimbangkan kepada skim yang khusus. Dengan itu, bantuan SBA Al-Musa'adah dapat diberikan kepada penerima bantuan lain yang layak secara optimum.

6.2.2. Kelewatan Menghentikan Bayaran Kepada Penerima SBA Al-Musa'adah yang Meninggal Dunia

- a. SBA Al-Musa'adah hendaklah diberikan kepada penerima bantuan yang layak dan masih hidup. Sistem my*IDENTITY* Jabatan Pendaftaran Negara telah diguna pakai bersama sistem e-Bantuan JKM bagi memastikan hanya penerima bantuan yang masih hidup diberikan bantuan. Sebelum proses bayaran, semakan antara Penyata Penerima Bantuan dan maklumat penerima pada sistem e-Bantuan bagi menentukan status kematian dijalankan secara manual sebelum kelulusan dibuat oleh Pegawai Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan (PPKMJ). Penamatan kepada penerima yang telah meninggal dunia hendaklah dibuat pada bulan berikutnya. **Carta 1** menunjukkan proses kerja permohonan sehingga pembayaran SBA Al-Musa'adah.

CARTA 1
PROSES KERJA PERMOHONAN
SEHINGGA PEMBAYARAN SBA AL-MUSA'ADAH



Sumber: JKMNK

- b. Berdasarkan data sistem e-Bantuan bagi tempoh tahun 2016 hingga September 2018 di tiga (3) Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan (PKMJ) mendapati 366 penerima SBA Al-Musa'adah telah ditamatkan bantuan kerana telah meninggal dunia. Ia melibatkan 111 kes di PKMJ Tanah Merah, 89 kes di PKMJ Machang dan 166 kes di PKMJ Tumpat.
- c. Semakan Audit terhadap 260 baucar bayaran bagi tahun 2016 hingga bulan Oktober 2018 mendapati 167 (45.6%) kes bayaran SBA Al-Musa'adah lewat diberhentikan antara satu (1) hingga tujuh (7) bulan dari tarikh kematian melibatkan 69 kes berjumlah RM10,740 di PKMJ Tanah Merah, 44 kes berjumlah RM6,960 di PKMJ Machang dan 54 kes berjumlah RM8,940 di PKMJ Tumpat adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
KELEWATAN MENGHENTIKAN BAYARAN
KEPADA PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH YANG MENINGGAL DUNIA

BIL. KES PENERIMA SBA YANG MENINGGAL DUNIA	TEMPOH BAYARAN LEWAT DIHENTIKAN								JUMLAH	
	1 BULAN		2 HINGGA 3 BULAN		4 HINGGA 5 BULAN		6 HINGGA 7 BULAN			
	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)
JAJAHAN TANAH MERAH										
111	62	7,770	5	1,650	1	600	1	720	69	10,740
JAJAHAN MACHANG										
89	41	5,760	1	360	0	0	2	840	44	6,960
JAJAHAN TUMPAT										
166	45	5,430	6	1,680	2	1,110	1	720	54	8,940
366	148	18,960	12	3,690	3	1,710	4	2,280	167	26,640

Sumber: Jabatan Audit Negara

- d. Semakan Audit terhadap penyata bayaran mendapati 160 kes (95.8%) diproses bayaran sebelum tarikh kematian pada sistem myIDENTITY dikemas kini. Sementara itu, tujuh (7) kes (4.2%) yang diproses bayaran selepas tarikh kematian pada sistem myIDENTITY dikemas kini tetapi semakan oleh PKMJ tidak dibuat dengan teliti dan gagal mengenal pasti penerima telah meninggal dunia. Dengan mengambil kira perbandingan antara tarikh sistem myIDENTITY dikemas kini dan tarikh baucar bayaran terakhir disemak untuk bayaran mendapati tujuh (7) kes yang berkenaan telah terlebih dibayar sejumlah RM2,820, walaupun myIDENTITY telah dikemas kini. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 12**.

JADUAL 12
STATUS KEMATIAN PENYATA
BAYARAN BERBEZA DENGAN STATUS SISTEM e-BANTUAN

BIL.	NO. FAIL	TARIKH KEMATIAN	TARIKH KEMAS KINI SISTEM myIDENTITY	TARIKH SEMAKAN PENYATA BAYARAN	BULAN TERAKHIR BAYARAN	TEMPOH HENTIKAN BAYARAN (BULAN)	JUMLAH YANG TERLEBIH BAYAR (RM)
		(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(d)-(b)	
JAHAHAN TUMPAT							
1.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/26/2010	28.07.2016	31.07.2016	03.08.2016	09/2016	2	240
2.	PKMJ.KEL06/600/04/ 01/315-2002	07.12.2016	08.12.2016	07.03.2017	03/2017	3	360
3.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/190-2008	18.05.2017	24.05.2017	03.08.2017	08/2017	3	360
4.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/226-2008	30.03.2017	02.04.2017	03.08.2017	08/2017	4	480
5.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/600-2009	03.01.2017	04.01.2017	03.08.2017	08/2017	6	720
6.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/65- 2009	10.12.2017	11.12.2017	11.01.2018	01/2018	1	150
7.	PKMJ.KEL06/EB600/ 04/1/12/2010	19.09.2017	27.09.2017	11.01.2018	01/2018	4	510
JUMLAH KESELURUHAN							2,820

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Sistem e-Bantuan telah dihubungkan secara *online* dengan sistem my*IDENTITY*. Bagaimanapun, status kematian masih perlu disemak dengan sistem my*IDENTITY* bagi tujuan bayaran kerana ia tidak dikemas kini secara automatik pada modul bayaran sistem e-Bantuan. PKMJ perlu membuat semakan secara manual sebelum mengemas kini status penyata bayaran bagi setiap penerima bantuan sebelum bayaran bantuan diproses. Ini juga menjadi faktor kelewatan memberhentikan bayaran dan berlaku lebihan bayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia. Maklumat pengesahan penyata bayaran di PKMJ adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
MAKLUMAT PENGESAHAN PADA PENYATA BAYARAN DI PKMJ

JAJAHAN	PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH		
	SEMAKAN SEBELUM PENGEMASKINIAN PADA SISTEM MY <i>IDENTITY</i>	STATUS KEMATIAN BERBEZA DENGAN STATUS PADA SISTEM	JUMLAH
Tanah Merah	69	0	69
Machang	44	0	44
Tumpat	47	7	54
JUMLAH	160	7	167

Sumber: Jabatan Audit Negara

- f. Kesan daripada bayaran yang telah dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia menyebabkan berlaku lebihan bayaran berjumlah RM26,640 dan hanya sejumlah RM4,650 daripada bayaran tersebut telah dibayar balik oleh waris penerima bantuan seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
BAYARAN BALIK BANTUAN AM OLEH PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH YANG MENINGGAL DUNIA

PKMJ	TAHUN	JUMLAH BAYARAN YANG TELAH DIBUAT (RM)	BAYARAN BALIK OLEH WARIS PENERIMA MENINGGAL (RM)	BAYARAN YANG BELUM DIBUAT BAYARAN BALIK (RM)
		(a)	(b)	(c) = (a)-(b)
Tanah Merah	2016	5,640	240	5,400
	2017	3,000	360	2,640
	2018	2,100	0	2,100
	JUMLAH	10,740	600	10,140
Machang	2016	3,840	1,440	2,400
	2017	1,920	360	1,560
	2018	1,200	150	1,050
	JUMLAH	6,960	1,950	5,010
Tumpat	2016	5,040	720	4,320
	2017	3,600	1080	2,520
	2018	300	300	0
	JUMLAH	8,940	2,100	6,840
JUMLAH KESELURUHAN		26,640	4,650	21,990

Sumber: JKMNK

- g. Kelemahan pada proses penamatan bagi penerima bantuan yang meninggal dunia menyebabkan 142 kes (85.0%) penerima yang telah meninggal dunia lewat ditamatkan bayaran dengan tempoh antara satu (1) hingga enam (6) bulan dari tarikh kemas kini pada sistem my*IDENTITY* seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
TEMPOH PENAMATAN BAYARAN BAGI SBA
AL-MUSA'ADAH DARI TARIKH KEMAS KINI DI SISTEM MY *IDENTITY*

JAJAHAN	KELEWATAN PENAMATAN BAYARAN (Penerima SBA)				JUMLAH (Penerima Sba)
	TIADA KELEWATAN	1 HINGGA 2 BULAN	3 HINGGA 4 BULAN	5 HINGGA 6 BULAN	
Tanah Merah	18	50	1	69	69
Machang	1	43	0	44	44
Tumpat	6	43	4	1	54
JUMLAH	25	136	5	1	167

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April, 15 April dan 24 Jun 2019

JKMNK memaklumkan punca bayaran lambat dihentikan adalah disebabkan sistem e-Bantuan tetap mengeluarkan arahan supaya penyata bayaran dicetak dan waris lambat melaporkan kematian.

Semakan juga telah dibuat ke atas kes yang dilaporkan. Adalah didapati bahawa kesemua kes ini adalah di bawah seliaan pegawai kes yang sama, yang telah dihantar namanya kepada Lembaga Tatatertib JKMM Putrajaya untuk kesalahan yang telah dilakukan sebelum ini dan Lembaga ini akan bersidang pada 16 April 2019 untuk membuat keputusan. Penemuan oleh pihak Audit juga telah dikemukakan kepada Lembaga sebagai dokumen sokongan. Pada 24 April 2019, dua pegawai kanan telah dihantar oleh JKMM ke PKMJ Tumpat untuk menyemak dokumen berkaitan, membuat lawatan serta temubual bersama penerima bantuan terlibat.

Pada pendapat Audit, kelewatan melaporkan kematian, kelemahan sistem e-Bantuan dan proses semakan bagi mengenal pasti status kematian penerima bantuan SBA Al-Musa'adah telah menyebabkan berlakunya lebihan bayaran.

6.2.3. Penukaran SBA Al-Musa'adah yang Ditamatkan Tidak Disambung Kepada Skim Bantuan Lain

- a. Merujuk kepada Prosedur Kaji Semula Bantuan Bulanan menetapkan kajian semula perlu dilaksanakan oleh PKMJ ke atas penerima bantuan tiga (3)

bulan sebelum berakhirnya tempoh bantuan diberikan. Kajian semula dilaksanakan bagi menentukan SBA Al-Musa'adah dipertimbangkan untuk ditamatkan apabila berlakunya penukaran skim bantuan, penerima bantuan meninggal dunia dan berpindah ke luar daerah. Pertukaran skim akan dibuat penilaian dan pengesyoran oleh Pegawai Kes di PKMJ serta dikemukakan untuk pertimbangan kepada PPKMJ pada hari yang sama. PPKMJ akan mempertimbangkan berdasarkan pengesyoran oleh Pegawai Kes bagi skim baru serta menetapkan jenis skim, kadar dan tempoh mula bayaran dibuat.

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Kes SBA Al-Musa'adah Yang Ditamatkan dan Borang JKM 21 mendapati sejumlah 295 daripada 326 penerima SBA Al-Musa'adah telah mendapat pengesyoran penukaran skim kepada skim bantuan lain seperti Skim Bantuan Orang Tua (BOT), Bantuan Pesakit Terlantar (BPT), Bantuan Kanak-kanak (BKK), Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB). Semakan Audit selanjutnya terhadap 50 sampel penerima tersebut mendapati 22 penerima bantuan (44.0%) telah diberi kelulusan skim baru dan bayaran dibuat sebaik sahaja SBA Al-Musa'adah ditamatkan. Bagaimanapun, 12 penerima bantuan (24.0%) tidak diberikan kelulusan skim baru secara serentak selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan dan 16 penerima bantuan (32.0%) masih belum diberi bantuan skim baru walaupun telah ditamatkan bantuan SBA Al-Musa'adah. Semakan Audit terhadap 28 fail penerima bantuan yang ditamatkan SBA Al-Musa'adah tetapi tidak diberikan kelulusan dengan segera kepada skim baru mendapati pengesyoran oleh Pegawai Kes dibuat tanpa menetapkan jenis skim yang ditukar, kadar bayaran dan tempoh mula bayaran. Maklumat kelulusan penerima bantuan ditukarkan skim adalah seperti **Jadual 16**.

JADUAL 16
MAKLUMAT KELULUSAN PENERIMA BANTUAN
DITUKARKAN SKIM SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

BIL.	PERIHAL	JAJAHAN			JUMLAH
		TUMPAT	TANAH MERAH	MACHANG	
1.	Kelulusan skim baru diperoleh sebelum SBA Al-Musa'adah ditamatkan dan bayaran skim baru diteruskan dengan segera.	17	4	1	22
2.	Kelulusan skim baru tidak diberikan dengan segera selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan.	7	5	0	12
3.	Tiada kelulusan skim baru selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan.	10	6	0	16
JUMLAH KESELURUHAN		34	15	1	50

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Kelulusan bantuan selepas SBA Al-Musa'adah ditamatkan memberi kesan kepada 28 penerima bantuan (56.0%) tidak mendapat sebarang bantuan

dalam tempoh satu (1) bulan hingga 35 bulan. Tambahan pula, empat (4) daripada penerima bantuan tersebut telah meninggal dunia selepas bantuan ditamatkan. Tempoh masa bantuan tidak diberikan seperti **Jadual 17**.

JADUAL 17
TEMPOH MASA PENERIMA TIDAK MENERIMA
BANTUAN SELEPAS DITAMATKAN SBA AL-MUSA'ADAH

BIL.	JAJAHAN	TEMPOH MASA TIDAK MENERIMA BANTUAN SELEPAS DITAMATKAN SBA AL-MUSA'ADAH					JUMLAH PENERIMA BANTUAN
		SATU BULAN	2 HINGGA 6 BULAN	7 HINGGA 12 BULAN	13 HINGGA 24 BULAN	MELEBIHI 24 BULAN SEHINGGA 35 BULAN	
1.	Tanah Merah	0	3	1	2	5	11
2.	Tumpat	6	8	2	1	0	17
3.	Machang	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		6	11	3	3	5	28

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

Pihak JKMNK memaklumkan 10 daripada 16 penerima bantuan telah disambung bantuan manakala empat (4) penerima telah meninggal dunia dan dua (2) tidak layak menerima bantuan. JKMNK telah mengenal pasti punca perkara ini berlaku kerana kurang pemahaman tentang penggunaan sistem e-Bantuan oleh pegawai yang membuat kelulusan dan tindakan penstrukturan semula kakitangan serta taklimat mengenai kaedah untuk tukar skim bantuan akan dibuat pada bulan Jun 2019.

Pada pendapat Audit, kelulusan skim baru perlu selari dengan penamatan bayaran SBA Al-Musa'adah bagi memastikan bantuan yang diberi dapat disalurkan secara berterusan kepada penerima bantuan yang sangat memerlukan.

6.2.4. Perbezaan Senarai Penerima SBA Al-Musa'adah pada Sistem e-Bantuan dan Baucar Bayaran

- a. JKMNK menetapkan semua jenis bantuan hendaklah diluluskan dan dijana melalui sistem e-Bantuan. Manakala pembayaran SBA Al-Musa'adah adalah menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Senarai penerima SBA Al-Musa'adah pada baucar bayaran hendaklah sama dengan senarai penerima bantuan yang diluluskan pada

sistem e-Bantuan dengan menyemak secara manual dan meluluskan senarai tersebut sebelum bayaran dibuat.

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Penerima Bantuan SBA Al-Musa'adah dalam sistem e-Bantuan dan 260 baucar bayaran mendapati berlaku perbezaan bilangan antara senarai penerima bantuan dalam sistem e-Bantuan dan senarai penerima bantuan pada baucar bayaran. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sejumlah 96 bulan meliputi tiga (3) jajahan menunjukkan bilangan penerima mengikut sistem e-Bantuan melebihi bilangan pada baucar bayaran dengan perbezaan tertinggi sebanyak 111 penerima pada bulan November 2017 di Jajahan Tanah Merah. Bagi tempoh yang sama, enam (6) bulan menunjukkan bilangan penerima pada baucar bayaran melebihi pada sistem e-Bantuan dengan perbezaan tertinggi sebanyak 64 penerima pada bulan Disember 2017 di Jajahan Tumpat. Senarai perbezaan adalah seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBEZAAN SENARAI PENERIMA BAYARAN SBA AL-MUSA'ADAH NEGERI

TAHUN	PERIHAL	BULAN (Penerima Bantuan)											
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS
JAJAHAN TUMPAT													
2016	e-Bantuan	1038	1036	1046	1043	1039	1045	1052	1049	1048	1056	1060	1061
	Baucar Bayaran	996	988	995	1005	996	1001	1000	1004	1010	1016	1023	1028
	BEZA	42	48	51	38	43	44	52	45	38	40	37	33
2017	e-Bantuan	1061	1075	1093	1089	1103	1114	1103	1097	1066	1040	993	967
	Baucar Bayaran	1018	1031	1042	1032	1042	1047	1046	1038	1007	1027	1022	1031
	BEZA	43	44	51	57	61	67	57	59	59	13	-29	-64
2018	e-Bantuan	1002	1011	1035	1048	1079	1089	1100	1127	1133	1130	TB	TB
	Baucar Bayaran	1005	1020	1018	1024	1046	1046	1057	1068	1069	1069	TB	TB
	BEZA	-3	-9	17	24	33	43	43	59	64	61	TB	TB
JAJAHAN MACHANG													
2016	e-Bantuan	738	754	755	755	760	771	785	780	789	788	788	789
	Baucar Bayaran	705	723	726	721	724	746	770	764	773	768	760	763
	BEZA	33	31	29	34	36	25	15	16	16	20	28	26
2017	e-Bantuan	788	787	787	800	802	808	817	821	824	827	831	826
	Baucar Bayaran	762	764	758	770	772	781	789	796	799	795	798	801
	BEZA	26	23	29	30	30	27	28	25	25	32	33	25
2018	e-Bantuan	791	807	829	843	858	873	897	912	919	934	TB	TB
	Baucar Bayaran	789	802	825	837	849	862	887	899	900	908	TB	TB
	BEZA	2	5	4	6	9	11	10	13	19	26	TB	TB

TAHUN	PERIHAL	BULAN (Penerima Bantuan)											
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS
JAJAHAN TANAH MERAH													
2016	e-Bantuan	937	888	894	917	935	921	929	942	953	956	950	950
	Baucar Bayaran	887	857	861	863	883	856	867	885	896	893	897	883
	BEZA	50	31	33	54	52	65	62	57	57	63	53	67
2017	e-Bantuan	940	907	920	923	926	910	899	894	890	897	887	869
	Baucar Bayaran	889	888	880	895	886	878	866	856	846	854	776	770
	BEZA	51	19	40	28	40	32	33	38	44	43	111	99
2018	e-Bantuan	757	756	757	763	763	773	781	778	785	784	TB	TB
	Baucar Bayaran	760	759	755	759	757	772	768	760	755	750	TB	TB
	BEZA	-3	-3	2	4	6	1	13	18	30	34	TB	TB

Sumber:JKMNK

Nota : (TB) – Semakan Audit Terhadap Senarai Penerima Bayaran Sehingga Oktober 2018

- c. Semakan selanjutnya terhadap bayaran SBA Al-Musa'adah bagi sembilan (9) bulan untuk tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati perbezaan tersebut disebabkan kelemahan sistem e-Bantuan. Sistem ini gagal untuk menjana senarai lengkap penerima bantuan setiap bulan sebelum bayaran dibuat. Semakan pelarasan oleh PKMJ juga tidak dilaksanakan bagi menyesuaikan perbezaan tersebut.
- d. Kesan kepada perbezaan senarai penerima bantuan pada sistem e-Bantuan dan Baucar bayaran adalah seperti berikut:
 - i. 89 penerima bantuan yang telah diluluskan atau dilanjutkan dalam sistem e-Bantuan tidak dibuat bayaran berjumlah RM12,450; dan
 - ii. 19 penerima bantuan yang telah dibatalkan dalam sistem e-Bantuan dibuat bayaran berjumlah RM2,430. Sebanyak 13 daripada 19 penerima bantuan yang dibatalkan telah dibuat bayaran disebabkan cetakan penyata bayaran dibuat awal dan enam (6) bayaran melibatkan empat (4) penerima adalah disebabkan kelemahan sistem. Butiran adalah seperti di **Jadual 19**.

JADUAL 19
ANALISIS BILANGAN PENERIMA SBA
AL-MUSA'ADAH DI SISTEM e-BANTUAN DAN BAUCAR BAYARAN

TAHUN	PERIHAL	PENERIMA BANTUAN DILULUSKAN PADA SISTEM e-BANTUAN		PENERIMA BANTUAN DIBATALKAN DI SISTEM e- BANTUAN*		JUMLAH PENERIMA BANTUAN DI SISTEM e- BANTUAN
		DIBAYAR	TIDAK DIBAYAR	DIBAYAR	TIDAK DIBAYAR	
		(a)	(b)	(c)	(d)	
JAJAHAN TUMPAT						
2017	Jumlah Penerima	1,796	30	14	120	1,960
	Bayaran (RM)	215,520	3,600	1,680	14,400	235,200
2018	Jumlah Penerima	3,026	56	2	59	3,143
	Bayaran (RM)	453,900	8,400	300	8,850	471,450
JAJAHAN MACHANG						
2018	Jumlah Penerima	907	1	1	25	934
	Bayaran (RM)	136,050	150	150	3,750	140,100
JAJAHAN TANAH MERAH						
2018	Jumlah Penerima	2,261	2	2	32	2,297
	Bayaran (RM)	339,150	300	300	4,800	344,550
JUMLAH KESELURUHAN		7,990	89	19	236	8,334
JUMLAH BAYARAN (RM)		1,144,620	12,450	2,430	31,800	1,191,300

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Disebabkan meninggal dunia atau tukar skim

- iii. 315 penerima bantuan yang tiada dalam Senarai Penerima Bayaran Bulanan di sistem e-Bantuan tetapi dibuat bayaran berjumlah RM39,960. Daripada 315 penerima tersebut, 21 bayaran berjumlah RM2,850 adalah bayaran tunggakan dan 292 bayaran berjumlah RM36,810 adalah penerima yang telah diluluskan dalam sistem e-Bantuan tetapi tidak dijana dalam senarai tersebut. Bagaimanapun, terdapat dua (2) penerima telah menerima bayaran dua (2) kali dengan lebih bayaran berjumlah RM300. Butiran adalah seperti di **Jadual 20**.

JADUAL 20
ANALISIS BAYARAN PENERIMA SBA AL-MUSA'ADAH

TAHUN	PERIHAL	BAYARAN TUNGGAKAN	DILULUSKAN DI SISTEM TETAPI TIDAK DIJANA PADA SENARAI PENERIMA BAYARAN	BAYARAN DUA KALI	JUMLAH
		(a)	(b)	(c)	(d)=a+b+c
JAHAHAN TUMPAT					
2017	Jumlah Penerima	10	233	0	243
	Bayaran (RM)	1,200	27,960	0	29,160
2018	Jumlah Penerima	11	53	2	66
	Bayaran (RM)	1,650	7,950	300	9,900

TAHUN	PERIHAL	BAYARAN TUNGGAKAN	DILULUSKAN DI SISTEM TETAPI TIDAK DIJANA PADA SENARAI PENERIMA BAYARAN	BAYARAN DUA KALI	JUMLAH
		(a)	(b)	(c)	(d)=a+b+c
JAHAHAN TANAH MERAH					
2018	Jumlah Penerima	0	6	0	6
	Bayaran (RM)	0	900	0	900
JUMLAH KESELURUHAN		21	292	2	315
BAYARAN (RM)		2,850	36,810	300	39,960

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April, 15 April, dan 24 Jun 2019

JKMM telah melantik *vendor* untuk menaik taraf sistem e-Bantuan. Projek menaik taraf sistem e-Bantuan telah dimulakan pada bulan April 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2019.

JKMNK juga telah menguatkuasakan proses kerja baru yang memberi penekanan kepada proses semakan secara manual di kalangan kakitangan yang terlibat.

Sejumlah RM1,560 telah diambil tindakan oleh pegawai kes yang terlibat dengan membayar jumlah yang tertunggak kepada penerima bantuan. Manakala sejumlah RM10,890 dan bayaran dua (2) kali belum diambil tindakan. Kesemua kes tersebut adalah di bawah seliaan pegawai kes yang sama, yang telah diangkat kepada pihak JKMM Putrajaya untuk tindakan tatatertib. Dari aspek pencegahan, penstrukturan semula kakitangan seramai 30 orang akan dijalankan mulai Julai 2019. Bengkel membangunkan SOP dan Persidangan Pengurusan Bantuan Peringkat Negeri Kelantan akan diadakan pada bulan Ogos dan September 2019 untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan kakitangan.

Pada pendapat Audit, kelemahan sistem e-Bantuan dan pemantauan semakan mengakibatkan terdapat penerima bantuan yang tidak menerima bayaran berjumlah RM12,450 serta berlaku lebih bayaran dua (2) kali berjumlah RM300.

6.2.5. Proses Permohonan dan Agihan Bayaran SBA Al-Musa'adah

a. Siasatan dan Kelulusan Permohonan Bantuan Tidak Mematuhi Tempoh Ditetapkan

- i. Piagam pelanggan JKM menetapkan semua permohonan hendaklah siap disiasat dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh permohonan lengkap diterima. Setiap permohonan hendaklah diproses dalam tempoh sebulan selepas permohonan lengkap diterima. Sekiranya permohonan diluluskan atau ditolak hendaklah dimaklumkan kepada pemohon.
- ii. Semakan Audit terhadap 450 permohonan SBA Al-Musa'adah mendapati sejumlah 401 (89.1%) permohonan disiasat dalam tempoh ditetapkan manakala 49 (10.9%) permohonan mengambil masa 15 hingga 374 hari untuk disiasat. Semakan seterusnya terhadap 450 permohonan SBA Al-Musa'adah mendapati 328 (72.9%) permohonan telah diluluskan dalam tempoh ditetapkan. Walau bagaimanapun, sebanyak 122 (27.1%) permohonan mengambil masa 31 hingga 390 hari untuk diluluskan. Maklumat tempoh masa diambil untuk siasatan dan kelulusan permohonan SBA Al-Musa'adah adalah seperti **Jadual 21**.

JADUAL 21
TEMPOH MASA SIASATAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN SBA AL-MUSA'ADAH

STATUS PERMOHONAN	BIL. SAMPEL FAIL	TANAH MERAH	MACHANG	TUMPAT	JUMLAH
Tempoh Siasatan	450				
1 Hingga 14 Hari	-	143	114	144	401
15 Hingga 44 Hari	-	4	27	3	34
45 Hingga 134 Hari	-	3	5	3	11
135 Hingga 254 Hari	-	0	2	0	2
255 Hingga 374 Hari	-	0	2	0	2
JUMLAH KECIL		150	150	150	450
Tempoh Kelulusan	450				
1 Hingga 30 Hari	-	82	104	142	328
31 Hingga 60 Hari	-	54	30	6	90
61 Hingga 150 Hari	-	14	12	2	28
151 Hingga 270 Hari	-	0	2	0	2
271 Hingga 390 Hari	-	0	2	0	2
JUMLAH KECIL		150	150	150	450

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara sebab siasatan lewat dijalankan dan permohonan lewat diluluskan adalah kerana PPKMJ terpaksa membuat lawatan berulang kali disebabkan pemohon tiada di rumah semasa lawatan. Kelewatan ini juga disebabkan kelewatan pemohon bantuan mengemukakan dokumen

sokongan bagi tujuan siasatan lanjut. Semakan Audit mendapati seorang pegawai bertanggungjawab menguruskan purata sejumlah 476 hingga 641 kes. Kelewatan ini mengakibatkan pemohon yang layak lewat menerima bantuan antara 31 hingga 390 hari dan piagam pelanggan JKMNK tidak dapat dicapai. Perbandingan beban kerja setiap pegawai berbanding beban kerja adalah seperti **Jadual 22**.

JADUAL 22
BILANGAN KES SETIAP PEGAWAI BERDASARKAN JAJAHAN

BIL.	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT JAJAHAN	NISBAH PEGAWAI KES BERBANDING KES BANTUAN
1.	Tanah Merah	1:553 hingga 1:595
2.	Machang	1:387 hingga 1:473
3.	Tumpat	1:498 hingga 1:858
JUMLAH		1:476 hingga 1:641

Sumber: JKMNK

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

JKMNK mengakui terdapat kelewatan di dalam proses siasatan dan kelulusan kes bantuan disebabkan faktor pendaftaran dokumen tidak lengkap dan beban tugas pegawai PKMJ yang tinggi. Semua kakitangan ini bukan semata-mata memberi tumpuan kepada kerja pengurusan bantuan tetapi turut terlibat dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan yang lain seperti perkhidmatan Taska, warga emas, OKU, komuniti, penguatkuasaan dan sebagainya. JKMNK telah membuat permohonan pengisian kekosongan perjawatan kepada Kerajaan Negeri pada 14 Jun 2017, 2 Oktober 2017, 2 November 2017, 4 Februari 2018 dan 13 Februari 2019.

Pada pendapat Audit, kelewatan proses siasatan dan kelulusan permohonan mengakibatkan SBA Al-Musa'adah tidak dapat disalurkan kepada penerima yang layak dan sangat memerlukan.

b. Penyediaan Garis Panduan Agihan Bayaran SBA Al-Musa'adah

- i. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 menetapkan bayaran bantuan hendaklah dibuat sebelum atau pada 1 haribulan setiap bulan. Dua (2) kaedah pembayaran yang digunakan melalui tunai dan bank. PKMJ hendaklah mendapatkan perakuan terimaan penerima bantuan dalam bentuk tandatangan atau cap ibu jari tangan untuk pembayaran melalui tunai.

Manakala pengesahan penyata bank hendaklah diperolehi untuk pembayaran melalui bank bagi menunjukkan wang telah dikreditkan ke akaun penerima bantuan.

- ii. Berdasarkan surat edaran Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bertarikh 5 Mei 2017 menetapkan semua kes bantuan hendaklah dibayar melalui bank sebelum atau selewatnya pada 30 September 2017. Analisis Audit mendapati kaedah pengagihan wang SBA Al-Musa'adah melalui bank telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2018 di Jajahan Tanah Merah. Manakala pembayaran bagi tahun 2018 bagi Jajahan Machang dan Tumpat masih terdapat pembayaran dibuat secara tunai iaitu masing-masing 10 kes berjumlah RM1,500 dan 67 kes berjumlah RM9,720. Butiran kaedah pengagihan wang bantuan adalah seperti **Jadual 23**.

JADUAL 23
AGIHAN WANG BANTUAN SBA AL-MUSA'ADAH
MELALUI BANK DAN TUNAI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BANK		TUNAI		JUMLAH		PERATUS BAYARAN MELALUI BANK (%)
	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)	
JAJAHAN TANAH MERAH							
2016	8,885	1,066,200	1,645	197,640	10,530	1,263,840	84.4
2017	8,734	1,048,120	1,550	186,000	10,284	1,234,120	84.9
2018	7,595	1,139,100	0	0	7,595	1,139,100	100.0
JAJAHAN MACHANG							
2016	6,268	752,160	2,675	321,810	8,943	1,073,970	70.0
2017	7,614	913,920	1,771	212,640	9,385	1,126,560	81.1
2018	9,450	1,418,100	10	1,500	9,460	1,419,600	99.9
JAJAHAN TUMPAT							
2016	10,823	1,298,760	1,239	149,400	12,062	1,448,160	89.7
2017	10,169	1,220,080	2,214	267,360	12,383	1,487,440	82.0
2018	10,355	1,554,300	67	9,720	10,422	1,564,020	99.4

Sumber: JKMNK

- iii. Semakan Audit terhadap 106 sampel baucar bayaran bagi tahun 2016 hingga bulan Oktober 2018 mendapati bayaran berjumlah RM7.02 juta kepada 52,508 penerima SBA Al-Musa'adah telah lewat diagihkan antara satu (1) hingga 30 hari daripada tarikh 1 haribulan hingga tarikh cek diserahkan ke bank. Walau bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar bayaran tersebut dikreditkan ke akaun penerima kerana pengesahan penyata bank tidak dibuat oleh PKMJ bagi mengesahkan wang bantuan telah dikreditkan ke akaun penerima.

- iv. Pihak Audit dimaklumkan JKMNK tidak dapat melaksanakan bayaran bantuan sebelum atau pada 1 haribulan ke atas SBA Al-Musa'adah kerana ia memerlukan penggunaan wang dari Akaun Amanah bagi pembayaran bantuan bulan Januari setiap tahun. Bagaimanapun, JKMNK tidak menyediakan garis panduan norma kerja bagi menentukan ketetapan agihan bayaran SBA Al-Musa'adah.

Maklum Balas JKMNK yang Diterima pada 4 April, 9 April dan 15 April 2019

JKMNK bercadang membuat penambahbaikan kepada semua skim bantuan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri melalui Bengkel Penyediaan Garis Panduan. Kertas kerja bengkel ini telah diserahkan kepada Exco Kebajikan dan Pegawai Kewangan Negeri untuk memohon peruntukan masing-masing pada 8 Januari dan 28 Februari 2019. Permohonan tersebut akan dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, Garis Panduan Agihan Bayaran SBA Al-Musa'adah hendaklah disediakan untuk kelulusan Kerajaan Negeri bagi memantapkan pengurusan SBA Al-Musa'adah.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pengurusan SBA Al-Musa'adah telah mencapai objektif ditetapkan untuk membantu individu yang tidak berkemampuan mendapatkan keperluan asas. Bagi membolehkan penerima bantuan berdikari, program 2YEP diperlukan untuk meningkatkan sumber pendapatan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan SBA Al-Musa'adah dari segi kelewatan penamatan bayaran kepada penerima yang meninggal dunia, penukaran skim yang ditamatkan tidak disambung ke skim yang baru, proses siasatan dan kelulusan melebihi tempoh ditetapkan piagam pelanggan serta garis panduan norma kerja agihan bayaran tidak disediakan. Selain itu, Sistem e-Bantuan perlu dibuat penambahbaikan supaya data dan maklumat penerima bantuan adalah tepat serta dapat membantu pengurusan bantuan secara cekap, berhemat dan berkesan.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, adalah disyorkan JKMNK untuk mengambil tindakan seperti berikut:

8.1. kerjasama antara Jabatan/agensi perlu ditingkatkan dalam menyediakan program atau suntikan modal untuk membantu penerima bantuan. Bagi penerima bantuan SBA Al-Musa'adah yang dikenal pasti mempunyai potensi untuk berdikari, program atau suntikan modal hendaklah diperuntukkan bagi membantu penerima bantuan meningkatkan sumber pendapatan dan seterusnya mampu berdikari;

8.2. kajian semula terhadap kadar bantuan yang diberikan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa supaya dapat disesuaikan dengan kos sara hidup dan mengambil kira kadar bantuan negeri lain serta kemampuan kewangan kerajaan negeri;

8.3. proses bayaran kepada penerima yang ditukarkan skim dan diberhentikan SBA Al-Musa'adah perlu dilaksanakan secara serentak bagi memastikan kesinambungan bantuan diberikan kepada penerima. Peruntukan kewangan BOT, BTB dan EPC yang dimohon hendaklah mengambil kira warga emas berumur 60 tahun ke atas dan OKU yang berdaftar dengan JKM bagi memastikan warga emas dan OKU mendapat bantuan mengikut skim yang sepatutnya;

8.4. penyelarasan kepada sistem e-Bantuan bagi penerima bantuan yang meninggal dunia melalui maklumat sistem my*IDENTITY* Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah dibuat penambahbaikan modul. Penambahbaikan yang dimaksudkan apabila status kematian pada sistem my*IDENTITY* dikemas kini, modul e-Bantuan turut mengemas kini senarai penerima bantuan bagi proses bayaran pada bulan berikutnya secara automatik. Bagi tujuan tersebut, modifikasi modul dan pelaporan sistem e-Bantuan perlu ditambah baik; dan

8.5. garis panduan, proses kerja dan beban tugas setiap pegawai kes perlu dikaji semula bagi memastikan pengurusan bantuan dapat dilaksanakan lebih cekap. Pengesahan bayaran oleh pihak bank juga perlu dibuat bagi memastikan bantuan disalurkan kepada penerima.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

3

PMBK SAWIT SDN. BHD.


1. LATAR BELAKANG

1.1. PMBK Sawit Sdn. Bhd. (PMBKSSB) adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). PMBKSSB ditubuhkan pada 28 Mac 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM21.50 juta. Objektif utama penubuhan PMBKSSB adalah bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk meneroka sektor perladangan yang dapat menjana pendapatan kepada Kerajaan, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Kelantan dan membantu mengembangkan industri perladangan dan komoditi di Negeri Kelantan.

1.2. Aktiviti utama PMBKSSB adalah dalam sektor perladangan khasnya kelapa sawit dan getah. Selain itu, PMBKSSB juga mempunyai ladang karas (gaharu). Selepas penubuhan PMBKSSB pada tahun 2007, PMBKSSB mempunyai ladang berkeluasan 5,878.76 hektar. Pada tahun 2011, keluasan ladang telah bertambah kepada 9,116.06 hektar dengan pembelian Ladang Hijau. Seterusnya pada tahun 2018, iaitu setelah sebahagian ladang diambil semula oleh PMBK, keluasan ladang PMBKSSB telah berkurang menjadi 6,150.28 hektar yang terdiri daripada 5,635.13 hektar telah diusahakan dan 515.15 hektar yang belum diusahakan.


1.3. Kawasan perladangan yang diusahakan oleh PMBKSSB sehingga 31 Januari 2019 terbahagi kepada tiga (3) kategori ladang iaitu Ladang Hijau (3,237.30 hektar), Ladang Blau (1,454.35 hektar) dan Ladang Ex-Felcra (943.48 hektar). Kesemua ladang ini terletak di Daerah Gua Musang. Ladang Hijau adalah ladang yang dipajak oleh PMBKSSB daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ladang Blau dan Ladang Ex-Felcra pula adalah ladang milik PMBK yang diuruskan oleh PMBKSSB. Ladang Ex-Felcra adalah ladang yang diambil alih oleh PMBK daripada Felcra. Pada 31 Januari 2019, Ladang Hijau dan Ladang Ex-Felcra diusahakan dengan tanaman kelapa sawit dan Ladang Blau pula dengan tanaman getah dan karas. Maklumat terperinci keluasan dan lokasi ladang yang diusahakan oleh PMBKSSB adalah seperti **Carta 1** dan **Rajah 1**.

CARTA 1
LADANG DIUSAHAKAN OLEH PMBKSSB SEHINGGA 31 JANUARI 2019



Sumber: PMBKSSB


RAJAH 1
LOKASI LADANG YANG DIURUSKAN OLEH PMBKSSB



Sumber: PMBKSSB

1.4. Pendapatan utama PMBKSSB adalah daripada aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah. Keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh daripada Ladang Ex-Felcra perlu diagihkan sebanyak 50% kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan 25% kepada PMBK manakala bayaran pajakan tahunan bagi Ladang Hijau perlu dijelaskan kepada Yayasan Islam Kelantan. Model perniagaan PMBKSSB adalah seperti **Rajah 2**.

RAJAH 2
MODEL PERNIAGAAN PMBKSSB



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.5. Sehingga 31 Disember 2018, PMBKSSB tidak menerima sebarang geran dan pinjaman daripada Kerajaan Negeri Kelantan. PMBKSSB hanya menerima pendahuluan daripada syarikat induk sebagai modal bagi melaksanakan aktiviti dan kemudiannya pendahuluan dan tunggakan bayaran agihan keuntungan akan dipermodalkan. Pada tahun 2007, jumlah modal yang diterima adalah berjumlah RM100,000 dan meningkat kepada sejumlah RM21.50 juta pada tahun 2017. Sejak tahun 2008 hingga 2017, sejumlah RM21.08 juta pendahuluan yang diterima telah dipermodalkan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai pencapaian objektif syarikat PMBKSSB dalam aspek:

- i. tadbir urus korporat adalah baik selaras dengan amalan terbaik;
- ii. kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh dan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi kewangan syarikat; dan
- iii. pengurusan aktiviti perladangan telah dilaksanakan secara cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif penubuhan syarikat iaitu untuk meneroka sektor perladangan yang dapat menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri Kelantan,

menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Kelantan dan membantu mengembangkan industri perladangan dan komoditi di negeri Kelantan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga 2018. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2015, 2016 dan 2017. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti perladangan yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga bulan September 2018. Pihak Audit juga mengambil kira maklumat tahun-tahun sebelumnya sebagai mengukuhkan bukti Audit. Berdasarkan penilaian risiko, aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah diaudit kerana telah menyumbang antara 92.7% hingga 99.5% daripada jumlah pendapatan syarikat bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Aktiviti penanaman pokok karas pula diaudit kerana sejumlah RM2.56 juta telah dibelanjakan namun sehingga tahun 2017 tiada hasil diperoleh.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi aktiviti perladangan dan pelaksanaan aktiviti perladangan. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala tiga (3) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah pengurusan pembelian Ladang Hijau, pengurusan penanaman baharu dan pengurusan penanaman semula.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PMBKSSB yang terletak di Bandar Utama, Gua Musang dan lawatan fizikal ke dua (2) ladang kelapa sawit iaitu Kuala Betis dan Aring, satu (1) ladang getah dan karas di Blau yang terletak di daerah Gua Musang.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PMBKSSB serta menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PMBKSSB yang telah diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. bagi penyata kewangan tahun 2015 dan Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) bagi penyata kewangan tahun 2016 dan 2017. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti perladangan juga telah dijalankan pada bulan November 2018 untuk menentukan sama ada aktiviti perladangan yang dilaksanakan

adalah selaras dengan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ditetapkan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2018 hingga Januari 2019 terhadap PMBKSSB merumuskan perkara seperti berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara umumnya, amalan tadbir urus PMBKSSB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan penambahbaikan berkaitan peranan dan fungsi Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Pengurus Besar, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman, pelaksanaan Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta SOP.

b. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhan, kedudukan kewangan PMBKSSB adalah lemah. PMBKSSB mengalami kerugian berterusan sejak tahun 2012 dan kerugian bersih sejumlah RM5.66 juta pada tahun 2015, RM3.24 juta pada tahun 2016 dan RM5.52 juta pada tahun 2017. Sehingga 31 Disember 2017, kerugian terkumpul syarikat adalah berjumlah RM21.30 juta. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.04:1 menunjukkan syarikat tidak berupaya menampung obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Pada akhir tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai PMBKSSB adalah defisit berjumlah RM1.45 juta. Analisis yang dijalankan juga menunjukkan wujudnya risiko *going concern*.

c. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti Perladangan

Pengeluaran sebenar kelapa sawit mengikut berat timbangan hanya mencapai antara 59.2% hingga 65.6% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tiga (3) tahun yang dinilai. Manakala jualan hasil kelapa sawit dan getah hanya mencapai antara 58.2% hingga 78.1% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh yang sama. Penilaian terhadap *outcome* aktiviti PMBKSSB mendapati objektif untuk menambah pendapatan Kerajaan Negeri Kelantan, menyediakan peluang pekerjaan dan mengembangkan industri perladangan serta komoditi tidak dapat dicapai sepenuhnya.

ii. Pelaksanaan Aktiviti Perladangan

Secara umumnya, aspek pengurusan perladangan bagi aktiviti ladang kelapa sawit dan getah Ex-Felcra telah dilaksanakan dengan cekap kerana terdapat lebih pendapatan ladang bagi tiga (3) tahun berjumlah RM6.25 juta. Bagaimanapun, perkara melibatkan pelaburan dalam pembelian Ladang Hijau, pengurusan penanaman baru dan program penanaman semula perlu diberi perhatian oleh PMBKSSB.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- i. pelaburan terhadap pembelian Ladang Hijau berjumlah RM56.50 juta adalah tidak menguntungkan dan keputusan pembelian dibuat sebelum penilaian serta *due diligence* dilaksanakan;
- ii. penanaman baru kelapa sawit, getah dan karas yang melibatkan kos berjumlah RM22.68 juta masih belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil walaupun tanaman telah mencapai tempoh matang; dan
- iii. program penanaman semula yang telah dirancang untuk dilaksanakan mulai tahun 2010 namun tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan kewangan. Usia pokok kelapa sawit dan getah sedia ada telah melebihi 25 tahun serta tidak lagi mengeluarkan hasil yang optimum.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam mesyuarat *Exit Conference* pada 11 April 2019 manakala maklum balas PMBKSSB telah diterima pada 16 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan, PMBKSSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A), *Standard Operating Procedures* (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara amalan tadbir urus yang boleh diterima pakai bagi menambah baik pengurusan syarikat adalah *Malaysian Code on Corporate*

Governance 2017 (MCCG 2017), *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* dan *Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan* (MKD *Handbook*).

6.1.2. Pengurusan PMBKSSB diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 34 kakitangan termasuk empat (4) kakitangan kontrak. PMBKSSB mempunyai dua (2) bahagian iaitu Bahagian Kewangan dan Pentadbiran serta Bahagian Operasi yang masing-masing diketuai oleh pengurus kanan. Struktur organisasi PMBKSSB pada 31 Januari 2019 adalah seperti **Carta 2** manakala peranan setiap bahagian adalah seperti **Jadual 1**.

CARTA 2
CARTA ORGANISASI PMBKSSB PADA 31 JANUARI 2019



Sumber: PMBKSSB

Nota: (*) - Jawatan Pengurus Besar tidak diisi mulai 1 Januari 2019

JADUAL 1
PERANAN SETIAP BAHAGIAN PMBKSSB

NAMA BAHAGIAN	FUNGSI / PERANAN
Kewangan dan Pentadbiran	Merancang, melaksana dan memantau aktiviti pentadbiran am, pengurusan kewangan dan sumber manusia.
Operasi	Menyediakan perancangan, melaksana dan mengawal selia semua aktiviti kerja ladang, menyediakan anggaran hasil/belanja ladang dan seterusnya mengawal selia operasi pengeluaran hasil selaras dengan anggaran serta memantau pelaksanaan kerja harian pekerja ladang.

Sumber: PMBKSSB

6.1.3. PMBKSSB mempunyai seramai enam (6) orang Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan lima (5) ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili sektor Kerajaan dan swasta. Komposisi Lembaga Pengarah PMBKSSB terdiri daripada lima (5) orang Pengarah berstatus bebas manakala seorang lagi berstatus bukan bebas.

6.1.4. Semakan Audit mendapati PMBKSSB telah mengamalkan satu (1) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu aspek

Pengerusi. Bagaimanapun, tujuh (7) amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, SOP, Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit, Audit Dalaman dan Setiausaha Syarikat. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh PMBKSSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Lembaga Pengarah

- i. Berdasarkan *Malaysian Code On Corporate Governance* (MCCG) 2017 *practice* 4.2, tempoh perkhidmatan seseorang pengarah bebas adalah tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan (9) tahun. Sekiranya Lembaga Pengarah bercadang untuk mengekalkan seseorang pengarah bebas selepas tempoh sembilan (9) tahun berakhir, ia hendaklah memberi alasan yang kukuh dan mendapat kelulusan daripada mesyuarat agung tahunan pemegang saham. Pihak Audit mendapati tempoh perkhidmatan seorang ahli Lembaga Pengarah PMBKSSB telah melebihi sembilan (9) tahun dan tiada kelulusan daripada mesyuarat agung tahunan pemegang saham iaitu PMBK berhubung penyambungan khidmat Lembaga Pengarah tersebut.
- ii. MCCG 2017 *practice* 3.1 pula menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk PMBKSSB. Ini boleh menyebabkan risiko berlakunya konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan tingkah laku tidak beretika dalam persekitaran budaya syarikat. Mengikut MCCG 2017 *guidance* 2.1 dan *Green Book* perenggan 1.2.2, Lembaga Pengarah hendaklah menyediakan dan meluluskan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah mewujudkan empat (4) jawatankuasa antaranya Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Khas, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Tender. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah tidak menyediakan dan meluluskan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah.
- iii. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* perenggan 1.4.4, Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. Semakan Audit

mendapati ahli Lembaga Pengarah tidak menghadiri program pembelajaran berterusan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 kerana syarikat tidak membuat sebarang ketetapan tentang pembelajaran berterusan.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa pengarah berkenaan diperlukan berdasarkan pengalaman beliau manakala kali terakhir kursus bagi ahli Lembaga Pengarah diadakan adalah pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, seorang pengarah telah berkhidmat melebihi had sepatutnya boleh menyebabkan status pengarah tersebut tidak bebas dan berisiko berlakunya konflik kepentingan yang memberi kesan kepada keputusan mesyuarat.

b. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab seperti mana disarankan oleh MKD *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1* dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah ditentukan dengan jelas dan secara bertulis.
- ii. Semakan Audit mendapati PMBKSSB tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif dan hanya diketuai oleh Pengurus Besar yang dilantik secara kontrak bermula 1 Mac 2017 sehingga 31 Disember 2018. Surat pelantikan Pengurus Besar yang dikeluarkan oleh PMBK hanya mengandungi status jawatan, tempoh perkhidmatan dan emolumen, namun tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar tidak dinyatakan secara jelas. Semakan Audit juga mendapati mulai 1 Januari 2019, tiada Pengurus Besar dilantik dan Pengarah Eksekutif dipertanggungjawabkan untuk memantau operasi syarikat serta pengurusan kewangan syarikat.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB mengambil maklum teguran Audit berkenaan surat pelantikan Pengurus Besar yang tidak menyatakan tugas dan tanggungjawab.

Pada pendapat Audit, keputusan untuk tidak melantik Pengurus Besar dan peranannya dipertanggungjawabkan kepada Pengarah Eksekutif adalah munasabah memandangkan kedudukan terkini PMBKSSB yang sedang mengalami masalah kewangan dan kebanyakan ladang yang diusahakan telah diambil semula oleh PMBK.

c. Standard Operating Procedures

- i. *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik MKD *Handbook* perenggan 1.9 (c), perenggan 2.2 (f) dan perenggan 3.25 hingga 3.28, syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan dan aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP Perladangan Sawit, Perladangan Getah, Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Bahagian Kewangan dan Bahagian Perolehan ada disediakan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2012 pada 9 Ogos 2012. Bagaimanapun, SOP tersebut masih belum mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah kerana SOP yang disediakan perlu ditambah baik melalui Jawatankuasa Teknikal untuk dibincang dan dikaji dengan lebih terperinci berserta dengan semakan bajet. Sehingga tarikh pengauditan, SOP tersebut masih belum dimuktamadkan untuk dibentangkan bagi mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Audit mendapati hanya SOP Perolehan Kontrak sahaja telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2014 pada 3 November 2014.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa semakan semula akan dibuat terhadap SOP sedia ada dan akan memastikan setiap SOP mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek penyediaan SOP adalah kurang memuaskan kerana masih belum diluluskan sepenuhnya oleh ahli Lembaga Pengarah.

d. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama

- i. MCCG 2017 *practice* 1.1 *guidance* 1.1 dan amalan terbaik MKD *Handbook* perenggan 2.2 (b) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, syarikat Kerajaan juga perlu menyediakan dan mengemas kini rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat yang baik dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.
- ii. Semakan Audit mendapati PMBKSSB telah menyediakan pelan strategik jangka panjang iaitu Pelan Perniagaan 10 Tahun PMBKSSB bagi tempoh tahun 2017 hingga 2026. Antara strategi pelan 10 tahun ialah cadangan pengurusan ladang kumpulan dan pengurusan ladang baru, cadangan tanam semula dan pembangunan ladang kumpulan, unjuran kos tanam semula dan pembangunan untuk tempoh 10 tahun, unjuran harta modal, kedudukan hutang tertunggak semasa syarikat dan cadangan pembayaran balik hutang, profil tanaman penghasilan dan pendapatan, rumusan perbelanjaan ladang dan keperluan dana kumpulan. Pelan strategik tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 3 Tahun 2016 pada 10 Oktober 2016. Bagaimanapun, ianya masih belum dilaksanakan kerana kekangan kewangan yang dihadapi oleh PMBKSSB.

- iii. Mengikut *Green Book* bahagian 1, perenggan 3.2 dan MKD *Handbook* perenggan 3.33 hingga 3.35, sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi utama perlu disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati PMBKSSB menetapkan sasaran KPI melalui bajet tahunan. Objektif penyediaan bajet tahunan adalah memastikan perjalanan aktiviti operasi mengikut perancangan bajet yang telah disediakan, memastikan pencapaian pengeluaran hasil sawit yang maksimum dan menjimatkan kos operasi serta kos pentadbiran, memastikan syarikat dapat menjual hasil kelapa sawit yang berkualiti kepada pembeli, mengembangkan aktiviti perladangan syarikat dan pelan pembangunan yang dicadangkan dilaksanakan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengukuran KPI dikira berdasarkan pengeluaran sebenar kelapa sawit dan getah mengikut berat timbangan berbanding sasaran, pendapatan sebenar hasil jualan kelapa sawit dan getah berbanding sasaran dan pencapaian prestasi kewangan di mana pendapatan dan perbelanjaan diukur berbanding sasaran yang ditetapkan.
- iv. Sasaran KPI tahun 2016 dan 2017 yang ditetapkan melalui bajet telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2015 pada 14 Disember 2015 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2016 pada 5 Januari 2017. Bagaimanapun, sasaran KPI bagi tahun 2018 yang ditetapkan melalui bajet tahun 2018 tidak diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2017 pada 14 Januari 2018 kerana bajet yang dibentangkan tidak mengambil kira cadangan penjualan ladang. Seterusnya, berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2018 pada 18 April 2018, pihak pengurusan PMBKSSB telah membentangkan semula bajet yang dipinda, namun tiada sebarang keputusan dibuat.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa pembangunan semula tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang disediakan disebabkan oleh isu kewangan dan kegagalan projek-projek lepas. Selain itu, bajet tahun 2018 tidak diluluskan kerana perlu mengambil kira cadangan penjualan ladang.

Lembaga Pengarah juga telah memutuskan agar Ladang Ex-Felcra dan Blau diserahkan semula kepada PMBK untuk dibangunkan semula manakala Ladang Hijau akan dijual bagi menyelesaikan masalah kewangan.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Rancangan Korporat dan KPI adalah kurang memuaskan kerana Pelan Perniagaan 10 Tahun PMBKSSB tidak dilaksanakan dan bajet tahun 2018 tidak diluluskan menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan.

e. Jawatankuasa Audit

- i. Mengikut MCCG 2017 *intended outcome* 8.0 dan *Green Book* perenggan 1.2.1, Jawatankuasa Audit (JKA) perlu ditubuhkan untuk menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati JKA telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 5 Tahun 2011 pada 9 Ogos 2011. Ahli JKA dianggotai oleh dua (2) orang Pengarah bebas dan seorang juruaudit dalaman PMBK. Bagaimanapun, mesyuarat JKA tidak pernah diadakan sejak penubuhannya. Selain itu, perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman seperti disarankan oleh *Chartered Institute of Internal Auditors* juga tidak pernah diadakan.
- iii. Pihak Audit mendapati JKA tidak pernah bermesyuarat disebabkan oleh pihak PMBKSSB tidak jelas mengenai fungsi dan peranan sebenar jawatankuasa. Surat pelantikan juga tidak dikeluarkan kepada ahli selepas penubuhan JKA yang diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB. Ketiadaan perbincangan terhadap laporan juruaudit dalaman dan luaran menyebabkan sebarang kelemahan yang ditemui dalam pengurusan terutamanya pengurusan kewangan tidak dapat dikenal pasti dan diatasi dengan lebih awal.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB bersetuju dengan teguran Audit bahawa Jawatankuasa Audit tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak ditubuhkan.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Jawatankuasa Audit adalah tidak memuaskan kerana mesyuarat tidak pernah diadakan sejak ia ditubuhkan. Ketiadaan perbincangan terhadap laporan juruaudit dalaman dan luaran menyebabkan sebarang kelemahan yang ditemui dalam pengurusan terutamanya pengurusan kewangan tidak dapat dikenal pasti dan diatasi dengan lebih awal.

f. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Audit Dalaman (UAD) ialah untuk menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi. Berdasarkan MCCG 2017 *guidance* 10.1, UAD hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati UAD tidak ditubuhkan di PMBKSSB kerana fungsi Audit Dalaman dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman PMBK. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, hanya tiga (3) pengauditan berkaitan PMBKSSB telah dilaksanakan. Bagaimanapun pengauditan tersebut tidak meliputi pengurusan tadbir urus dan prestasi kewangan syarikat secara keseluruhan, sebaliknya hanya tertumpu kepada keselamatan pekerja, pengurusan aset dan pentadbiran.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB mengambil maklum teguran Audit berkenaan pengauditan yang dijalankan oleh Audit Dalaman.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Audit Dalaman adalah kurang memuaskan kerana pengauditan yang dilaksanakan tidak menyeluruh.

g. Setiausaha Syarikat

- i. Menurut Seksyen 236 Akta Syarikat 2016, Lembaga Pengarah hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang Setiausaha Syarikat yang bertauliah di dalam tempoh 30 hari daripada syarikatnya didaftarkan. Pengarah syarikat hendaklah menentukan terma dan syarat bagi

pelantikannya dan perlu memberikan persetujuan secara bertulis sebelum ianya boleh dilantik. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 1.4, antara peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat adalah memantau perkembangan tadbir urus korporat dan membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan amalan tadbir urus untuk memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan jangkaan pihak berkepentingan.

- ii. Semakan Audit mendapati pelantikan Setiausaha Syarikat telah dibuat dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Bagaimanapun, semakan terhadap minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB mendapati Setiausaha Syarikat tidak melaksanakan tanggungjawab dalam menasihati Lembaga Pengarah berkaitan amalan tadbir urus korporat. Ini menyebabkan wujud amalan terbaik tadbir urus korporat yang tidak diamalkan antaranya SOP syarikat tidak diluluskan dan kod tatalaku dan etika syarikat tidak diwujudkan.

Pada pendapat Audit, Setiausaha Syarikat yang dilantik perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dalam menasihati Lembaga Pengarah seperti mana yang dinyatakan dalam surat pelantikan.

6.2. Kedudukan Kewangan

6.2.1. Penyata kewangan PMBKSSB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. dan Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS). Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat PMBKSSB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan	12.29	11.05	9.51
Lain-lain Pendapatan	0.07	0.86	0.03
JUMLAH PENDAPATAN	12.36	11.91	9.54
Kos Jualan	(12.40)	(8.61)	(8.79)
Belanja pentadbiran	(2.79)	(2.49)	(2.20)
Kos Pekerja	(0.36)	(0.99)	(0.71)
Kos Kewangan	(2.47)	(3.06)	(3.36)
JUMLAH PERBELANJAAN	(18.02)	(15.15)	(15.06)
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(5.66)	(3.24)	(5.52)
KERUGIAN TERKUMPUL	(12.54)	(15.78)	(21.30)
JUMLAH ASET	74.41	72.22	70.91
JUMLAH LIABILITI	70.95	72.00	70.71
JUMLAH EKUITI	3.46	0.22	0.20
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	74.41	72.22	70.91
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	(1.14)	(1.33)	(1.45)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017


6.2.2. Pendapatan utama PMBKSSB diperoleh melalui jualan dan pajakan kelapa sawit dan getah. PMBKSSB juga menerima lain-lain pendapatan antaranya perolehan daripada hibah, keuntungan atas pelupusan aset, rebat dan jualan borang tender. Pendapatan utama PMBKSSB bagi tahun 2017 berjumlah RM9.51 juta iaitu menurun sejumlah RM1.54 juta (13.9%) berbanding tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016, pendapatan utama berjumlah RM11.05 juta menurun sejumlah RM1.24 juta (10.1%) berbanding RM12.29 juta pada tahun 2015. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan hasil pengeluaran kelapa sawit. Lain-lain pendapatan PMBKSSB bagi tahun 2017 berjumlah RM33,471 menunjukkan penurunan sejumlah RM0.83 juta (96.1%) berbanding tahun 2016. Manakala lain-lain pendapatan bagi tahun 2016 berjumlah RM0.86 juta pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.79 juta (1,147%) berbanding RM69,271 pada tahun 2015. Peningkatan ketara pada tahun 2016 disebabkan oleh keuntungan pelupusan aset iaitu jualan tapak pejabat sejumlah RM0.86 juta pada tahun 2016. Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 3 Tahun 2016 pada 10 Oktober 2016 telah meluluskan pelan perancangan strategik bagi program penanaman semula untuk meningkatkan pendapatan PMBKSSB. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, penanaman semula belum dilaksanakan. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 2** dan **Carta 3**.

6.2.3. Perbelanjaan PMBKSSB terdiri daripada kos jualan, belanja pentadbiran, kos pekerja dan kos kewangan. Bagi tahun 2017, jumlah perbelanjaan adalah


RM15.06 juta iaitu menurun sejumlah RM93,074 (0.6%) berbanding tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016, jumlah perbelanjaan menurun sejumlah RM2.87 juta (15.9%) kepada RM15.15 juta berbanding RM18.02 juta bagi tahun 2015. Penurunan perbelanjaan bagi tahun 2017 berjumlah RM93,074 (0.6%) disebabkan kos pekerja yang menurun kerana berlaku pengurangan bilangan pekerja. Selain itu, belanja pentadbiran menurun disebabkan penurunan elaun pengarah, keraian, denda/penalti dan pampasan. Bagi tahun 2016 pula, antara faktor penurunan jumlah perbelanjaan yang agak ketara adalah penurunan kos jualan terdiri daripada kos operasi getah kerana telah diserahkan kepada pemajak untuk diusahakan secara pajakan. Selain itu, belanja pentadbiran juga mengalami penurunan terdiri daripada belanja percetakan, elaun pengarah dan sewa pejabat. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 2** dan **Carta 3**.

6.2.4. Analisis terhadap trend pendapatan dan perbelanjaan mendapati PMBKSSB mencatatkan trend kerugian sebelum cukai berjumlah RM5.52 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan kerugian sejumlah RM2.28 juta (70.4%) berbanding pada tahun 2016 yang berjumlah RM3.24 juta. Manakala bagi tahun 2016, kerugian sebelum cukai menurun sejumlah RM2.42 juta (42.8%) berbanding RM5.66 juta pada tahun 2015. Peningkatan kerugian pada tahun 2017 adalah disebabkan penurunan pendapatan daripada penjualan getah dan kelapa sawit. Manakala penurunan kerugian pada tahun 2016 adalah disebabkan penurunan perbelanjaan bagi kos jualan dan belanja pentadbiran. Sehingga 31 Disember 2017, kerugian terkumpul PMBKSSB berjumlah RM21.30 juta. Selain itu, pendapatan operasi PMBKSSB juga didapati tidak lagi dapat menampung perbelanjaan operasi bagi tahun 2015 hingga 2017 di mana kerugian operasi dicatatkan berjumlah RM3.19 juta pada tahun 2015, RM176,346 pada tahun 2016 dan RM2.16 juta pada tahun 2017. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2015 pada 29 Mac 2015, mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan untuk menjual ladang yang kurang produktif bagi mengatasi masalah perbelanjaan yang tinggi dan kerugian yang berterusan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, penjualan ladang berkenaan masih dalam proses rundingan harga dengan pembeli. Trend kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul adalah seperti **Jadual 2** dan **Carta 4**.

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017



CARTA 4
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI DAN
KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2015,
2016 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

6.2.5. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati PMBKSSB tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasa bagi tempoh tiga (3) tahun. Bagi tahun 2017, aset PMBKSSB berjumlah RM70.91 juta iaitu menurun sejumlah RM1.31 juta (1.8%) berbanding tahun 2016. Manakala liabiliti PMBKSSB bagi tahun 2017 berjumlah RM70.71 juta iaitu menurun sejumlah RM1.29 juta (1.8%) berbanding tahun 2016. Melalui analisis nisbah kewangan, didapati tahap kecairan syarikat pada tahun 2017 adalah pada kadar 0.04:1 menunjukkan bahawa syarikat tidak mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya. Berdasarkan rekod kewangan PMBKSSB, syarikat induk perlu menyuntik dana tambahan kepada PMBKSSB bagi menjelaskan bayaran pinjaman bank mulai bulan Julai 2018. Analisis terhadap hutang PMBKSSB pula menunjukkan syarikat terlalu bergantung kepada liabiliti dan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan aktivitinya. Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2016 pada 1 April 2016 bersetuju supaya penstrukturan semula dibuat dengan pihak bank bagi mengatasi masalah bebanan bayaran bulanan pinjaman yang tinggi.

6.2.6. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap aliran tunai PMBKSSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai PMBKSSB adalah defisit

berjumlah RM1.45 juta iaitu meningkat sejumlah RM0.12 juta (9%) berbanding pada tahun 2016 kesan daripada defisit aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Defisit aliran tunai bersih daripada operasi pada tahun 2017 berjumlah RM251,737 menunjukkan PMBKSSB kurang berupaya memenuhi keperluan perbelanjaan operasi dengan sumber dalaman syarikat. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2015 pada 29 Mac 2015, ahli Lembaga Pengarah mengambil maklum berkenaan kedudukan aliran tunai semasa syarikat yang berbaki defisit.

6.2.7. Berdasarkan analisis terhadap kedudukan kewangan, pihak Audit mendapati bahawa PMBKSSB berdepan dengan risiko *going concern* disebabkan keadaan berikut:

- a. liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasa bagi tempoh tiga (3) tahun;
- b. pendapatan utama iaitu jualan kelapa sawit mengalami penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;
- c. nisbah kewangan PMBKSSB bagi tempoh tiga (3) tahun berada pada tahap yang kurang memuaskan;
- d. ketidakupayaan PMBKSSB menjelaskan liabiliti semasa seperti tunggakan kepada Kerajaan Negeri, PMBK dan YIK;
- e. aliran tunai operasi PMBKSSB yang negatif bagi tahun 2017;
- f. ketidakmampuan PMBKSSB menjelaskan bayaran pinjaman berjangka sehingga perlu dibantu oleh syarikat induk; dan
- g. kerugian operasi yang dialami PMBKSSB adalah tinggi dan berterusan menyebabkan kerugian terkumpul berjumlah RM21.30 juta.

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa pendapatan hasil jualan kelapa sawit semakin berkurangan disebabkan pembajaan tidak dilaksanakan sejak tahun 2015, usia pokok yang telah mencapai tahap penghasilan hasil yang minima dan harga komoditi kelapa sawit yang semakin menurun.

PMBK telah memutuskan untuk menjual Ladang Hijau dengan segera dan hasil jualan akan digunakan untuk menjelaskan semua liabiliti PMBKSSB, Ladang Ex-Felcra dan Ladang Blau diserahkan semula kepada PMBK dan operasi syarikat akan dihentikan sementara setelah penjualan ladang.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan PMBKSSB adalah lemah. Analisis kewangan yang dijalankan juga menunjukkan wujudnya risiko *going concern* yang boleh menjejaskan kelangsungan operasi syarikat pada masa hadapan.

6.3. Pengurusan Aktiviti

6.3.1. Aktiviti utama PMBKSSB adalah dalam sektor perladangan kelapa sawit dan getah yang menjadi penyumbang utama kepada pendapatan syarikat. PMBKSSB telah dipertanggungjawabkan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) untuk mengusahakan dua (2) ladang milik PMBK iaitu Ladang Blau dan Ladang Ex-Felcra. Ladang Blau telah dibangunkan oleh PMBKSSB dengan penanaman getah dan karas. Ladang Ex-Felcra pula pada asalnya terdiri daripada 12 ladang getah dan kelapa sawit yang telah dibangunkan oleh pihak Felcra, telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 daripada Felcra. Ladang tersebut kemudiannya diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada PMBK sebelum diserahkan kepada PMBKSSB untuk diusahakan. Bagaimanapun, pada bulan April 2018, kesemua tujuh (7) ladang getah dan tiga (3) daripada lima (5) ladang kelapa sawit telah diambil semula oleh PMBK bagi tujuan penanaman semula kerana usia tanaman getah dan kelapa sawit yang telah tua iaitu berumur melebihi 25 tahun. Ini menjadikan Ladang Ex-Felcra yang diusahakan PMBKSSB hanya terdiri daripada tanaman kelapa sawit bermula bulan Mei 2018.

6.3.2. Selain itu, bagi mengembangkan lagi perniagaannya, PMBKSSB juga telah mengambil alih ladang kelapa sawit daripada syarikat swasta yang dipajak daripada YIK pada tahun 2010 untuk diusahakan dan dimajukan. Sehingga tahun 2017, secara keseluruhannya keluasan ladang yang dikendalikan oleh PMBKSSB adalah seluas 9,116.06 hektar iaitu 4,914.73 hektar ladang kelapa sawit, 3,514.12 hektar ladang getah, 172.06 hektar ladang karas dan 515.15 hektar masih kosong untuk diusahakan pada masa akan datang. Kawasan bertanam adalah seluas 6,750.06 hektar dan 4,072.90 hektar merupakan kawasan berhasi. Daripada keseluruhan kawasan bertanam, 3,801.93 hektar adalah bagi tanaman kelapa sawit, 2,868.63 hektar bagi tanaman getah dan

79.50 hektar bagi tanaman karas. Kawasan berhasil pula adalah seluas 4,072.90 hektar yang terdiri daripada tanaman kelapa sawit dan getah sahaja iaitu masing-masing dengan keluasan 2,598.18 dan 1,474.72 hektar. Sehingga tarikh pengauditan pada 31 Januari 2019, PMBKSSB bertanggungjawab untuk mengendalikan ladang seluas 6,150.28 hektar (5,635.13 hektar yang telah diusahakan dan 515.15 hektar yang belum diusahakan) berbanding 9,116.06 hektar pada tahun sebelumnya. Maklumat lanjut mengenai kedudukan ladang sebelum pengambilan semula oleh PMBK pada bulan April 2018 adalah seperti di **Jadual 3**. Lokasi ladang yang diuruskan oleh PMBKSSB sebelum pengambilan semula adalah seperti di **Rajah 3**, manakala **Rajah 4** menunjukkan lokasi ladang yang diuruskan PMBKSSB selepas pengambilan semula oleh PMBK.

JADUAL 3
KEDUDUKAN LADANG DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PMBKSSB
SEBELUM PENGAMBILAN SEMULA OLEH PMBK PADA BULAN APRIL 2018


KATEGORI LADANG	LADANG	TANAMAN	PEMILIK	KELUASAN LADANG (Hektar)		
				KESELURUHAN	BERTANAM	BERHASIL
Ex-Felcra	Panggong Lalat**	Kelapa Sawit	PMBK	341.94	341.94	238.22
	Panggong Lalat*	Getah	PMBK	725.10	725.10	601.74
	Paket**	Kelapa Sawit	PMBK	601.54	601.54	452.66
	Kuala Gris*	Getah	PMBK	308.40	308.40	248.83
	Gual Tambun*	Kelapa Sawit	PMBK	161.88	161.88	161.88
	Jedok*	Kelapa Sawit	PMBK	433.52	433.52	395.65
	Sungai Pelor*	Kelapa Sawit	PMBK	138.55	138.55	118.27
	Berdang*	Getah	PMBK	764.84	764.84	408.38
	Air Piau*	Getah	PMBK	184.39	184.39	145.84
	Air Degong*	Getah	PMBK	116.66	116.66	21.39
	Gemang*	Getah	PMBK	48.54	48.54	48.54
	Sg. Perabong*	Getah	PMBK	83.90	83.90	0
JUMLAH				3,909.26	3,909.26	2,841.40
Ladang Hijau	Aring	Kelapa Sawit	PMBKSSB	935.30	485.00	94.00
	Kuala Betis	Kelapa Sawit	PMBKSSB	2,302.00	1,639.50	1,137.50
JUMLAH				3,237.30	2,124.50	1,231.50
Blau	Blau 1	Getah	PMBK	607.29	513.00	0
	Blau 2	Getah	PMBK	675.00	123.80	0
	Blau 3	Karas	PMBK	172.06	79.50	0
	Blau 4, 5, 6	Belum diusahakan	PMBK	515.15	0	0
JUMLAH				1,969.50	716.30	0
JUMLAH KESELURUHAN				9,116.06	6,750.06	4,072.90

Sumber: Laporan Keluasan Ladang PMBKSSB

Nota: (*) - Ladang yang telah diambil semula oleh PMBK pada bulan April 2018


(**) - Ladang dalam proses pengambilan semula oleh PMBK

RAJAH 3
LOKASI LADANG YANG DIURUSKAN
OLEH PMBKSSB SEBELUM PENGAMBILAN
SEMULA



Sumber: PMBKSSB

RAJAH 4
LOKASI LADANG YANG DIURUSKAN
SELEPAS PENGAMBILAN SEMULA
PADA BULAN APRIL 2018



6.3.3. Hasil semakan Audit terhadap aktiviti PMBKSSB adalah seperti berikut:

a. Prestasi Aktiviti

i. Pencapaian Output

Pencapaian output diukur berdasarkan pencapaian pengeluaran kelapa sawit dan getah mengikut berat timbangan serta hasil jualan berbanding sasaran yang ditetapkan. Maklumat lanjut seperti berikut:

- **Pengeluaran Sebenar Kelapa Sawit dan Getah Mengikut Berat Timbangan Berbanding Sasaran yang Ditetapkan**

- PMBKSSB telah menetapkan sasaran jumlah pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) dalam bajet tahunan syarikat dan sasaran ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB setiap tahun. Sasaran yang ditetapkan oleh syarikat adalah berdasarkan kepada prestasi pencapaian pada tahun sebelumnya. Sasaran yang ditetapkan dalam bajet tahunan dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur pencapaian output syarikat.
- Semakan Audit mendapati hanya Ladang Ex-Felcra dan Ladang Hijau yang telah mengeluarkan hasil, manakala Ladang Blau masih belum mengeluarkan hasil sehingga kini. Pengeluaran hasil getah bagi Ladang Ex-Felcra telah dibuat secara pajakan menggantikan kaedah kontrak upah mulai bulan Oktober 2015.

Keputusan tersebut dibuat dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2015 pada 18 Januari 2015 bagi menjimatkan kos pengeluaran seperti upah pekerja dan kos penyenggaraan ladang. Dengan menggunakan kaedah pajakan, PMBKSSB menerima bayaran pajakan mengikut kadar bayaran yang ditetapkan berdasarkan harga pasaran semasa dan keluasan ladang yang dipajak. Pengeluaran hasil getah bagi bulan Januari hingga September 2015 iaitu sebelum kaedah pajakan dilaksanakan adalah sebanyak 743,743 kilogram getah kering (kgk). Nilai keluaran tersebut adalah 54% atau 872,532 kgk lebih rendah daripada sasaran yang ditetapkan dalam bajet bagi tempoh yang sama iaitu sebanyak 1,616,275 kgk kerana faktor usia pokok yang telah tua iaitu melebihi 25 tahun. Laporan pengeluaran hasil sebenar mengikut berat timbangan yang direkodkan oleh PMBKSSB bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah melibatkan pengeluaran hasil BTS yang diusahakan sendiri oleh PMBKSSB.

- Semakan Audit terhadap Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang mendapati secara keseluruhannya pengeluaran hasil BTS bagi Ladang Ex-Felcra dan Ladang Hijau bagi tahun 2015 hingga 2017 tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Pengeluaran hasil BTS bagi kedua-dua ladang tersebut hanya mencapai 46,944 tan metrik (63.2%) sahaja berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 74,306 tan metrik. Bagi Ladang Ex-Felcra, pengeluaran hasil BTS untuk tempoh yang sama adalah sebanyak 23,608 tan metrik (76.7%) berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak 30,793 tan metrik. Manakala bagi Ladang Hijau pula pengeluaran hasil BTS hanya 23,336 tan metrik (53.6%) sahaja berbanding sasaran 43,513 tan metrik. Selain itu, prestasi pengeluaran hasil BTS bagi Ladang Ex-Felcra dan Ladang Hijau juga semakin berkurang daripada 9,826 dan 9,583 tan metrik masing-masing pada tahun 2015 kepada 6,386 dan 5,619 tan metrik masing-masing pada tahun 2017.
- Keadaan tersebut berlaku disebabkan sasaran pengeluaran hasil bagi Ladang Hijau adalah terlalu tinggi berbanding hasil sebenar yang diperolehi pada tahun sebelumnya. Selain itu, pengeluaran sebenar adalah rendah kerana pokok kelapa sawit dan getah di Ladang Ex-Felcra telah melebihi usia 25 tahun serta sudah tidak dapat mengeluarkan hasil secara optimum. Manakala, faktor

kekurangan pekerja ladang dan dirian pokok yang tidak mencapai sasaran di Ladang Hijau juga telah menyebabkan pengeluaran hasil yang rendah. Ladang Kuala Betis hanya mempunyai dirian 101 pokok sehektar dan Ladang Aring hanya mempunyai dirian 71 pokok sahaja sehektar berbanding sasaran yang sepatutnya bagi setiap ladang iaitu 136 dirian pokok sehektar. Selain itu, pengeluaran hasil ladang turut terjejas disebabkan PMBKSSB tidak melaksanakan program pembajaan di kesemua ladang sejak tahun 2015 kerana masalah kewangan yang dihadapi.

- Pengeluaran hasil yang rendah serta tidak mencapai sasaran telah menjejaskan pendapatan dan tidak dapat menampung perbelanjaan menyebabkan PMBKSSB menanggung kerugian. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran hasil BTS berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI PENCAPAIAN PENGELUARAN HASIL BTS
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KATEGORI LADANG	TAHUN	PENGELUARAN BTS SETAHUN (MT)			
		SASARAN	SEBENAR	(KURANGAN)	PENCAPAIAN (%)
Ladang Ex-Felcra	2015	12,693	9,826	(2,867)	77.4
	2016	10,800	7,396	(3,404)	68.5
	2017	7,300	6,386	(914)	87.5
JUMLAH		30,793	23,608	(7,185)	76.7
Ladang Hijau	2015	17,063	9,583	(7,480)	56.2
	2016	15,450	8,134	(7,316)	52.6
	2017	11,000	5,619	(5,381)	51.1
JUMLAH		43,513	23,336	(20,177)	53.6
JUMLAH KESELURUHAN		74,306	46,944	(27,362)	63.2

Sumber: Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang PMBKSSB

- **Pendapatan Sebenar Jualan Kelapa Sawit dan Getah Berbanding Sasaran**
 - PMBKSSB juga telah menetapkan KPI dalam bajet tahunan bagi jualan hasil kelapa sawit dan getah di semua ladang yang mengeluarkan hasil. Dengan cara ini PMBKSSB dapat menganggarkan jumlah pendapatan tahunan dan mengukur prestasi jualan sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan.
 - Semakan Audit mendapati pencapaian hasil jualan kelapa sawit dan getah di dua (2) ladang bagi tahun 2015 hingga 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Jualan hasil kelapa sawit dan getah PMBKSSB hanya mencapai sejumlah RM32.85 juta (68.6%)

daripada sasaran yang ditetapkan berjumlah RM47.92 juta. Pencapaian jualan hasil kelapa sawit dan getah bagi Ladang Ex-Felcra hanya mencapai RM20.64 juta (73.1%) daripada sasaran berjumlah RM28.22 juta. Manakala jualan hasil kelapa sawit di Ladang Hijau pula hanya mencapai sejumlah RM12.21 juta (62.0%) berbanding sasaran berjumlah RM19.70 juta. Bagi Ladang Ex-Felcra, pencapaian jualan hasil kelapa sawit dan getah telah meningkat setiap tahun iaitu 55.1% pada tahun 2015 kepada 100.3% pada tahun 2017.

- Semakan Audit mendapati pencapaian jualan hasil kelapa sawit di Ladang Hijau telah meningkat daripada 65.6% pada tahun 2015 kepada 68.4% pada tahun 2016 dan kemudiannya menurun kepada 52% pada tahun 2017. Jualan hasil getah bagi Ladang Ex-Felcra pada tahun 2017 adalah melebihi sasaran sejumlah RM0.42 juta kerana perubahan harga getah semasa. Jualan hasil PMBKSSB tidak mencapai sasaran ditetapkan kerana faktor hasil pengeluaran yang semakin berkurangan dan perubahan harga pasaran. Ini menyebabkan PMBKSSB mengalami kerugian kerana pendapatan daripada hasil jualan kelapa sawit dan getah adalah lebih rendah berbanding kos operasi dan belanja pentadbiran. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI PENCAPAIAN JUALAN HASIL KELAPA SAWIT
DAN GETAH BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KATEGORI LADANG	TAHUN	TANAMAN	JUALAN HASIL SETAHUN (RM Juta)			PENCAPAIAN (%)
			SASARAN	SEBENAR	LEBIHAN / (KURANGAN)	
Ladang Ex-Felcra	2015	Kelapa Sawit	7.41	3.68	(3.73)	49.7
		Getah	7.40	4.48	(2.92)	60.5
		JUMLAH	14.81	8.16	(6.65)	55.1
	2016	Kelapa Sawit	4.75	4.32	(0.43)	91.0
		Getah	2.60	2.08	(0.52)	80.0
		JUMLAH	7.35	6.40	(0.95)	87.1
	2017	Kelapa Sawit	4.30	3.90	(0.40)	90.7
		Getah	1.76	2.18	0.42	123.9
		JUMLAH	6.06	6.08	0.02	100.3
	JUMLAH		28.22	20.64	(7.58)	73.1
Ladang Hijau	2015	Kelapa Sawit	6.30	4.13	(2.17)	65.6
	2016	Kelapa Sawit	6.80	4.65	(2.15)	68.4
	2017	Kelapa Sawit	6.60	3.43	(3.17)	52.0
	JUMLAH		19.70	12.21	(7.49)	62.0
	JUMLAH KESELURUHAN		47.92	32.85	(15.07)	68.6

Sumber: Lejar Am dan Laporan Bajet PMBKSSB

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa sasaran pengeluaran hasil kelapa sawit dan getah disediakan berdasarkan kaedah penurunan hasil daripada pencapaian sebenar ladang.

Manakala sasaran pencapaian hasil jualan disediakan oleh PMBKSSB berdasarkan andaian harga kelapa sawit pada RM550 per tan dan getah pada RM7 per kilogram. Harga andaian ditetapkan dengan merujuk harga pasaran semasa pada ketika itu. Bagaimanapun, harga pasaran komoditi sebenar adalah antara RM400 hingga RM450 per tan bagi kelapa sawit dan RM3 hingga RM4.50 per kilogram bagi getah.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian output bagi pengeluaran BTS dan pendapatan jualan kelapa sawit dan getah adalah tidak cekap kerana masing-masing hanya mencapai 63.2% dan 68.6% berbanding sasaran yang ditetapkan.

ii. Pencapaian *Outcome*

Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan kemampuan syarikat dalam mencapai objektif penubuhannya. Objektif penubuhan syarikat yang dinyatakan dalam M&A adalah untuk menjalankan aktiviti perladangan. Berdasarkan Profil Syarikat, objektif penubuhan PMBKSSB adalah bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri untuk meneroka sektor perladangan yang dipercayai mampu membantu menjana ekonomi negeri Kelantan dengan lebih pesat. Melalui sektor perladangan ini, PMBKSSB dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Kelantan, menyumbang pendapatan tambahan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan membantu secara langsung bagi mengembangkan industri perladangan dan komoditi di negeri Kelantan. Penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

- **Objektif Menyumbang Pendapatan Tambahan kepada Kerajaan Negeri Kelantan**

Berdasarkan surat daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) yang bertarikh 11 Jun 2009, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bersetuju meluluskan kadar agihan pendapatan yang perlu

disumbangkan oleh PMBKSSB kepada Kerajaan Negeri Kelantan iaitu sebanyak 25% daripada pendapatan bersih yang diperolehi melalui Ladang Ex-Felcra bagi tahun 2008 hingga 2011. Mulai tahun 2012, kadar agihan pendapatan meningkat kepada 50% daripada pendapatan bersih Ladang Ex-Felcra. Semakan Audit mendapati objektif menyumbang pendapatan tambahan kepada Kerajaan Negeri Kelantan telah dicapai. Bagaimanapun, PMBKSSB tidak mampu untuk menyumbangkan keseluruhan jumlah yang sepatutnya dibayar berjumlah RM35.64 juta. Bagi tahun 2008 hingga 2018, sumbangan pendapatan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan daripada PMBKSSB hanya berjumlah RM13.56 juta (38%). Keadaan ini menyebabkan berlaku tunggakan yang perlu dibayar oleh PMBKSSB berjumlah RM22.08 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan, seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
SUMBANGAN PMBKSSB KEPADA KERAJAAN
NEGERI BAGI TAHUN 2008 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2018

TAHUN	SUMBANGAN SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN DIJELASKAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)
2008	5.93	4.20	1.73	70.8
2009	3.27	4.37	(1.10)	133.6
2010	4.35	2.00	2.35	46.0
2011	5.88	0	5.88	0
2012	6.20	2.99	3.21	48.2
2013	4.32	0	4.32	0
2014	1.81	0	1.81	0
2015	0.81	0	0.81	0
2016	1.29	0	1.29	0
2017	1.58	0	1.58	0
2018	0.20	0	0.20	0
JUMLAH	35.64	13.56	22.08	38.0

Sumber: Penyata Kewangan dan Lejar Am PMBKSSB

- **Objektif Menyediakan Peluang Pekerjaan kepada Rakyat Negeri Kelantan**
 - SOP PMBKSSB mengenai tenaga kerja ladang menyatakan asas pengiraan nisbah pekerja adalah berdasarkan luas ladang mengikut jenis tanaman. Bagi tanaman kelapa sawit, asas pengiraan ialah satu (1) orang nisbah 20 hektar dan bagi tanaman getah satu (1) orang nisbah enam (6) hektar keluasan ladang.

- Berdasarkan rekod ladang bagi tahun 2015 hingga 2017, tanaman kelapa sawit meliputi kawasan seluas 4,914.73 hektar, tanaman getah seluas 3,514.12 hektar dan tanaman karas seluas 172.06 hektar. Analisis Audit mendapati keperluan pekerja di ladang kelapa sawit, getah dan karas mengikut keluasan ladang sepatutnya dianggarkan seramai 849 orang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, bilangan pekerja bagi ladang yang dikendalikan oleh PMBKSSB semakin berkurangan dan tidak mencapai sasaran pekerja ladang yang diperlukan. Secara keseluruhannya ladang berkenaan hanya mempunyai 354 orang pekerja (41.7%) bagi tahun 2015, 278 orang pekerja (32.7%) bagi tahun 2016 dan 241 orang pekerja (28.4%) bagi tahun 2017 berbanding dengan anggaran bilangan pekerja sepatutnya. Bagi tahun 2018 selepas pengambilan balik Ladang Ex-Felcra oleh PMBK, keluasan ladang yang diusahakan telah berkurang kepada 5,635.13 hektar sahaja iaitu ladang kelapa sawit seluas 4,180.78 hektar, ladang getah seluas 1,282.29 hektar dan ladang karas seluas 172.06 hektar. Dengan pengambilan balik tersebut, anggaran keperluan pekerja ladang bagi tahun 2018 adalah seramai 440 orang pekerja iaitu 209 orang pekerja bagi ladang kelapa sawit, 214 orang pekerja bagi ladang getah dan 17 orang bagi ladang karas. Bagaimanapun, bagi tahun 2018 PMBKSSB hanya mempunyai 62 orang pekerja ladang (14.1%) iaitu 59 orang pekerja bagi ladang kelapa sawit dan tiga (3) orang pekerja bagi ladang getah. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
PEKERJA LADANG PMBKSSB BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

TAHUN	PERKARA	LADANG			JUMLAH
		KELAPA SAWIT	GETAH	KARAS	
2015 - 2017	Keluasan (Hektar)	4,914.73	3,514.12	172.06	8,600.91
	Keperluan Pekerja (Bil. Orang)	246	586	17	849
2015	Pekerja Tempatan (Bil. Orang)	31	20	0	51
	Pekerja Asing (Bil. Orang)	93	210	0	303
	JUMLAH PEKERJA (Bil. Orang)	124	230	0	354
2016	Pekerja Tempatan (Bil. Orang)	12	11	0	23
	Pekerja Asing (Bil. Orang)	51	204	0	255
	JUMLAH PEKERJA (Bil. Orang)	63	215	0	278
2017	Pekerja Tempatan (Bil. Orang)	18	10	0	28
	Pekerja Asing (Bil. Orang)	49	164	0	213
	JUMLAH PEKERJA (Bil. Orang)	67	174	0	241

TAHUN	PERKARA	LADANG			JUMLAH
		KELAPA SAWIT	GETAH	KARAS	
2018	Keluasan (Hektar)	4,180.78	1,282.29	172.06	5,635.13
	Keperluan Pekerja (Bil. Orang)	209	214	17	440
2018	Pekerja Tempatan (Bil. Orang)	18	3	0	21
	Pekerja Asing (Bil. Orang)	41	0	0	41
	JUMLAH PEKERJA (Bil. Orang)	59	3	0	62

Sumber: Laporan Pekerja Ladang PMBKSSB

- Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan pekerja tempatan adalah lebih rendah berbanding pekerja asing. Analisis Audit mendapati bilangan pekerja tempatan adalah 51 orang (14.4%) berbanding 303 orang pekerja asing (85.6%) bagi tahun 2015, 23 orang pekerja tempatan (8.3%) berbanding 255 orang pekerja asing (91.7%) bagi tahun 2016, 28 orang pekerja tempatan (11.6%) berbanding 213 orang pekerja asing (88.4%) bagi tahun 2017 dan 21 orang pekerja tempatan (33.9%) berbanding 41 orang pekerja asing (66.1%) bagi tahun 2018. PMBKSSB tidak mempunyai pekerja bagi ladang karas memandangkan ia belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil. Sasaran *outcome* dari segi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Kelantan tidak dicapai sepenuhnya kerana bilangan pekerja tempatan adalah lebih rendah iaitu antara 8.3% hingga 33.9% daripada jumlah pekerja bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.
- Bilangan pekerja asing melebihi pekerja tempatan disebabkan usaha yang telah dibuat oleh PMBKSSB seperti sesi temu duga dan hebahan kurang mendapat sambutan daripada penduduk tempatan. Pihak PMBKSSB didapati telah melaksanakan hebahan melalui imam masjid dan penghulu sekitar Gua Musang. Selain itu, sesi temu duga pekerja tempatan (Orang Asal) juga telah diadakan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Keadaan infrastruktur ladang PMBKSSB yang serba kekurangan dan tidak sempurna menyebabkan penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja di ladang dan kebanyakan rakyat negeri Kelantan lebih berminat untuk mencari peluang pekerjaan di luar negeri Kelantan.

- **Objektif Mengembangkan Industri Perladangan dan Komoditi**

- Secara umumnya, PMBKSSB telah mengembangkan sektor perladangan di negeri Kelantan dengan pertambahan keluasan ladang yang diusahakan. Berdasarkan rekod ladang PMBKSSB, bagi tahun 2007 hingga 2010, keluasan ladang yang diusahakan oleh PMBKSSB adalah seluas 5,363.63 hektar melalui penyerahan ladang kelapa sawit dan ladang getah oleh PMBK pada tahun 2007 dan 2008 untuk diuruskan iaitu Ladang Ex-Felcra dan Ladang Blau. Bagi tahun 2011 hingga 2017, keluasan ladang telah meningkat sebanyak 60.4% kepada 8,600.93 hektar hasil daripada pembelian Ladang Hijau seluas 3,237.30 hektar pada tahun 2011 yang merangkumi kawasan tidak bertanam yang telah dibuat penanaman baru seluas 810 hektar.
- Semakan Audit mendapati keluasan ladang diusahakan PMBKSSB pada tahun 2018 telah berkurang sebanyak 2,965.80 hektar (34.5%) menjadi 5,635.13 hektar disebabkan oleh pengambilan semula sebahagian Ladang Ex-Felcra oleh PMBK. Keadaan ini mengakibatkan keluasan ladang berkurangan dan menjejaskan sumber pendapatan PMBKSSB. Selain itu, sehingga tarikh pengauditan PMBK juga dalam proses mengambil alih baki kawasan Ladang Ex-Felcra seluas 943.48 hektar. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
KELUASAN LADANG YANG DIUSAHAKAN
PMBKSSB DARIPADA TAHUN 2007 HINGGA 2018

LADANG	KELUASAN (Hektar)		
	2007 - 2010	2011 – 2017	2018
Ex-Felcra	3,909.28	3,909.28	943.48
Ladang Hijau	0	3,237.30	3,237.30
Ladang Blau	1,454.35	1,454.35	1,454.35
JUMLAH	5,363.63	8,600.93	5,635.13

Sumber: Laporan Keluasan Ladang PMBKSSB

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa tunggakan bayaran kepada Kerajaan Negeri berlaku disebabkan dana PMBKSSB telah digunakan untuk membiayai projek lain iaitu

penanaman karas, getah dan kelapa sawit yang bermula pada tahun 2009.

Selain itu, keadaan infrastruktur ladang PMBKSSB yang serba kekurangan dan tidak sempurna menyebabkan pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di ladang.

Manakala keadaan kewangan PMBKSSB yang meruncing dan mengalami defisit menyebabkan PMBKSSB tidak lagi mampu bertahan untuk menguruskan ladang seliaan.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* aktiviti perladangan PMBKSSB adalah tidak berkesan kerana objektif penubuhan PMBKSSB iaitu menyumbang pendapatan tambahan kepada Kerajaan Negeri, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Kelantan dan mengembangkan industri perladangan tidak berjaya dicapai sepenuhnya.

6.3.4. Pelaksanaan Aktiviti

a. Pengurusan Pembelian Ladang Hijau

Berdasarkan SOP Perolehan PMBKSSB, kajian pasaran perlu dilaksanakan bagi memastikan sesuatu keperluan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang bakal diperolehi adalah yang paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira faktor kualiti, harga, kegunaan serta faktor-faktor lain yang berkaitan. Mengikut minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2010 pada 20 April 2010, ahli Lembaga Pengarah telah memutuskan supaya PMBKSSB mengambil alih ladang usaha sama antara sebuah syarikat pemajak asal dengan YIK setelah syarikat pemajak berkenaan gagal menjelaskan tunggakan bayaran pajakan kepada YIK berjumlah RM4.93 juta dan tunggakan cukai tanah berjumlah RM1.27 juta. Pengambilalihan ladang berkenaan yang terletak di Kuala Betis dan Aring adalah bertujuan menjana pendapatan tambahan dan meluaskan ladang yang diusahakan oleh PMBKSSB. Selepas pengambilalihan oleh PMBKSSB, ladang tersebut kemudiannya dikenali sebagai Ladang Hijau. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan pembelian Ladang Hijau adalah seperti di perenggan berikut:

i. Keputusan Pembelian Ladang Hijau Dibuat Sebelum Laporan Penilaian Diterima

Bagi urusan pembelian ladang kelapa sawit iaitu Ladang Hijau, kronologi proses pembelian adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
KRONOLOGI PROSES PEMBELIAN LADANG HIJAU

BIL.	PERIHAL	TARIKH
1.	Ahli Lembaga Pengarah (ALP) menyarankan supaya PMBKSSB membantu pengurusan ladang-ladang lain milik agensi Kerajaan Negeri seperti ladang usaha sama YAKIN/YIK.	08.09.2009 (ALP 4/2009)
2.	ALP meminta PMBKSSB berbincang dengan pihak pengurusan YAKIN/YIK untuk mengambil salah satu ladang dan menyediakan rancangan perniagaan untuk menguruskannya.	30.12.2009 (ALP 5/2009)
3.	Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak pengurusan dalam proses menyediakan <i>business proposal</i> untuk mengurus ladang milik YIK/YAKIN.	11.02.2010 (ALP 1/2010)
4.	- Kertas cadangan pembelian ladang dibentangkan, harga tawaran Syarikat pemajak asal adalah sejumlah RM60 juta, manakala harga tawaran balas PMBKSSB adalah RM51.95 juta. Harga yang dipersetujui selepas rundingan adalah RM56.50 juta dengan harga RM7,062.50/ekar. - Keputusan ALP bersetuju untuk membeli ladang Kuala Betis dan Aring dengan keluasan lebih kurang 8,000 ekar dengan harga RM56.50 juta. Pembayaran secara tunai RM51.50 juta dan RM5 juta dibayar dalam tempoh dua (2) tahun kepada Syarikat pemajak asal. Pengurusan diminta berunding supaya harga RM56.50 juta termasuk bayaran tertunggak kepada YIK sejumlah RM5 juta dan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM1 juta. - Syarikat penilai hartanah dilantik untuk membuat penilaian dan firma guaman dilantik untuk melaksanakan <i>due diligence</i> dan menyediakan perjanjian. - Pengurusan diminta dengan segera mengeluarkan surat tawaran pembelian kepada Syarikat pemajak asal. - Ladang yang akan dipajak boleh menyumbang pengeluaran hasil kelapa sawit kepada PMBKSSB sehingga 2,000 tan metrik sebulan dengan penambahan modal dan mengambil masa dua (2) tahun untuk memulihkan ladang.	20.04.2010 (ALP 2/2010)
5.	Syarikat penilai hartanah mengeluarkan dua (2) laporan penilaian yang berbeza iaitu nilai <i>forced sale value</i> kepada PMBKSSB adalah RM48.65 juta manakala kepada pihak bank dengan nilai RM56 juta.	29.04.2010
6.	- ALP melulus PMBKSSB menerima tawaran kemudahan bank berjumlah RM50 juta: - RM2 juta kemudahan overdraf - RM45 juta pinjaman berjangka 1 untuk pembelian ladang - RM3 juta pinjaman berjangka 2 untuk penanaman baru seluas 405 hektar di Aring - ALP membincang terma perjanjian dan melulus PMBKSSB menandatangani perjanjian jual beli aset ladang di antara Syarikat pemajak asal dengan PMBKSSB.	15.07.2010 (Khas ALP 3/2010)
7.	- ALP melulus PMBKSSB menerima tawaran pinjaman berjumlah RM50 juta daripada bank. - ALP melulus PMBKSSB membayar deposit 10% berjumlah RM5.65 juta kepada <i>joint stakeholders account</i>.	23.08.2010 (ALP 4/2010)
8.	PMBKSSB bayar deposit RM5.65 juta (10%) kepada syarikat pemajak asal.	25.08.2010
9.	Perjanjian jual beli ladang Ulu Nenggiri (Kuala Betis) dan Relai (Aring) antara Syarikat pemajak asal dan PMBKSSB ditandatangani.	29.08.2010
10.	Bayaran kepada syarikat penilai hartanah RM41,000.	31.08.2010
11.	Mesyuarat MMK telah meluluskan permohonan PMBKSSB bagi mendapatkan pajakan baru daripada YIK dan membenarkan pajakan dicagar kepada bank.	15.12.2010
12.	Mesyuarat Lembaga YIK meluluskan cadangan PMBKSSB untuk mengambil alih pajakan ladang daripada syarikat pemajak asal.	19.12.2010
13.	Ketua Jajahan Gua Musang dimaklumkan bil tunggakan syarikat pemajak asal sejumlah RM1 juta akan ditolak daripada harga jualan.	21.12.2010

BIL.	PERIHAL	TARIKH
14.	- ALP melulus PMBKSSB menandatangani perjanjian pajakan dengan YIK dengan syarat dan tertakluk kepada penambahan dua (2) terma penting iaitu: - Kawasan retahan haram dikeluarkan daripada kawasan dalam perjanjian pajakan - Satu <i>survey</i> akan dilakukan bagi menentukan kawasan sebenar bertanam (<i>actual planted area</i>) - Melulus perbelanjaan iaitu bayaran <i>processing fee</i> kepada bank sejumlah RM135,000 bagi mendapat pinjaman RM50 juta dan bayaran perkhidmatan firma guaman sejumlah RM500,000. - Melulus PMBKSSB untuk membayar pendahuluan sewa bagi pajakan tanah ladang sebanyak RM1 juta kepada YIK.	07.02.2011 (ALP 2/2011)
15.	Perjanjian pajakan tanah dengan YIK telah ditandatangani: - Tahun 1 hingga 4: RM150 per ekar - Tahun 5 dan seterusnya: i) RM200 per ekar jika harga <i>Crude Palm Oil</i> (CPO) RM2,500/tan dan kurang; ii) RM250 per ekar jika harga CPO > RM2,500/tan –RM3,000/tan; iii) RM300 per ekar jika harga CPO > RM3,000/tan –RM3,500/tan; atau iv) RM300+3% daripada peningkatan harga CPO jika >RM3,500.	19.02.2011
16.	PMBKSSB bayar deposit lagi 10% kepada syarikat pemajak asal.	27.02.2011
17.	- Pengurusan memaklumkan bahawa pihak syarikat pemajak asal telah bersetuju supaya PMBKSSB menyelesaikan bayaran tertunggaknya kepada YIK daripada harga pembelian ladang iaitu: - cukai tanah tertunggak RM1.27 juta kepada PTJ Gua Musang - sewa pajakan berjumlah RM4.93 juta kepada YIK dan - yuran pindahan berjumlah RM1 juta kepada YIK. - ALP tiada halangan untuk PMBKSSB membayar 20% (RM11.30 juta) daripada harga pembelian terus kepada penjual tanpa melalui <i>stakeholder</i> selepas selesai kesemua pendaftaran pajakan dan gadaian serta kesemua syarat-syarat lain dipenuhi tertakluk kepada pandangan peguam. - ALP melulus PMBKSSB membuat bayaran sejumlah RM200,000 kepada <i>stakeholder</i> bagi tujuan bayaran harga belian ladang yang masih tidak mencukupi.	02.03.2011 (ALP 3/2011)

Sumber: Minit Mesyuarat ALP, Laporan Penilaian, Perjanjian Pembelian dan Lejar Kewangan PMBKSSB

Berdasarkan kronologi pembelian, pihak Audit mendapati penilaian pembelian ladang tidak dibuat dengan sewajarnya dan wujud unsur yang meragukan dalam pembuatan keputusan pembelian serta penetapan harga pembelian ladang kerana:

- keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah menetapkan harga yang dipersetujui berjumlah RM56.50 juta telah dibuat pada 20 April 2010 tanpa mengambil kira laporan penilaian hartanah, di mana laporan penilaian hanya diterima oleh PMBKSSB pada 29 April 2010. Sejumlah RM41,000 telah dibayar pada bulan Ogos 2010 kepada syarikat penilai hartanah yang melaksanakan penilaian berkenaan;
- minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB pada 20 April 2010 menunjukkan bahawa perundingan dengan pihak syarikat pemajak asal telah dibuat terlebih dahulu oleh pihak pengurusan PMBKSSB sebelum dibincangkan dalam mesyuarat. Berdasarkan kertas cadangan pembelian ladang yang dibentangkan, harga tawaran ladang oleh syarikat pemajak asal adalah RM60 juta, manakala harga tawaran balas PMBKSSB adalah RM51.95 juta. Harga yang dipersetujui selepas rundingan adalah RM56.50 juta. Berdasarkan

laporan penilaian kepada PMBKSSB, harga ladang adalah RM48.65 juta, manakala harga mengikut laporan penilaian kepada bank adalah berjumlah RM56 juta; dan

- keputusan pembelian beserta penetapan harga pembelian yang dibuat sebelum penilaian diperolehi menyebabkan PMBKSSB tidak mempunyai asas untuk membuat perundingan harga bagi mendapat harga terbaik dalam pembelian Ladang Hijau.

ii. Dua Versi Laporan Penilaian Hartanah

- Berdasarkan minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2010 pada 20 April 2010, mesyuarat telah melantik syarikat penilai hartanah untuk menilai ladang/tanah tersebut.
- Semakan Audit mendapati laporan penilaian tersebut mempunyai dua (2) versi iaitu laporan kepada PMBKSSB dan laporan kepada pihak bank. Maklumat yang terdapat dalam kedua-dua versi tersebut adalah berbeza di mana *forced sale value* berdasarkan laporan kepada bank adalah bernilai RM56 juta berbanding laporan kepada PMBKSSB bernilai RM48.65 juta, dengan perbezaan berjumlah RM7.35 juta.
- Pihak Audit mendapati perbezaan tersebut berlaku disebabkan perbezaan jumlah keluasan bertanam dan tidak bertanam. Berdasarkan maklumat yang dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2010, keluasan sebenar ladang bertanam adalah seluas 2,071 hektar dan keluasan tidak bertanam seluas 1,167 hektar. Keluasan ini telah dibuat penilaian oleh syarikat penilai hartanah dengan anggaran harga RM48.65 juta. Bagaimanapun, keluasan ladang bertanam menurut laporan penilaian kepada bank adalah seluas 2,802 hektar berbanding laporan kepada PMBKSSB seluas 2,071 hektar yang merupakan keluasan sebenar bertanam. Dengan tambahan kawasan bertanam sejumlah 731 hektar, laporan penilaian kepada bank telah disediakan pada harga yang melebihi nilai sepatutnya iaitu RM56 juta. Berdasarkan laporan penilaian yang dikemukakan dengan nilai RM56 juta, pihak bank telah meluluskan pinjaman berjumlah RM45 juta iaitu 80% daripada harga pembelian. Keadaan ini menyebabkan bebanan kepada PMBKSSB bagi membayar balik pinjaman yang tinggi. Maklumat lanjut berkenaan laporan penilaian adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBEZAAN MAKLUMAT DALAM LAPORAN
PENILAIAN LADANG/TANAH KEPADA PIHAK BANK DAN PMBKSSB

BIL.	PERIHAL	MAKLUMAT KELUASAN SEBELUM PEMBELIAN	LAPORAN KEPADA BANK		LAPORAN KEPADA PMBKSSB	
		(Hektar)	(Hektar)	(RM Juta)	(Hektar)	(RM Juta)
1.	LADANG ARING					
	Bertanam	405	500	14.50	405	11.75
	Tidak Bertanam	531	436	5.50	531	6.75
	Keluasan/ Market Value	936	936	20.00	936	18.50
	Forced Sale Value *	TB	TB	14.00	TB	12.95
2.	LADANG KUALA BETIS					
	Bertanam	1,666	2,302	60.00	1,666	43.00
	Tidak Bertanam	636	0	0	636	8.00
	Keluasan/ Market Value	2,302	2,302	60.00	2,302	51.00
	Forced Sale Value *	TB	TB	42.00	TB	35.70
JUMLAH LUAS BERTANAM		2,071	2,802	TB	2,071	TB
JUMLAH LUAS TIDAK BERTANAM		1,167	436	TB	1,167	TB
JUMLAH LUAS KESELURUHAN/ FORCED SALE VALUE		3,238	3,238	56.00	3,238	48.65

Sumber: Laporan Penilaian Hartanah kepada Bank, Laporan Penilaian Hartanah kepada PMBKSSB dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB

Nota: (*) - *Forced Sale Value* adalah sebanyak 70% daripada *Market Value*
 (TB) - Tidak Berkenaan

iii. Laporan *Due Diligence* Tidak Dikemukakan

- Berdasarkan minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2010 pada 20 April 2010, mesyuarat telah melantik firma guaman untuk menyediakan laporan *due diligence* bagi pembelian Ladang Hijau. Selain itu, berdasarkan perjanjian jual beli Ladang Hijau, *due diligence* perlu dilaksanakan ke atas keadaan aset ladang sebelum perjanjian jual beli dimuktamadkan di antara PMBKSSB dan syarikat pemajak asal.
- Bayaran bagi melaksanakan *due diligence* kepada firma guaman telah dibuat bersekali dengan bayaran bagi kerja-kerja lain berkaitan pembelian Ladang Hijau berjumlah RM120,000. Bagaimanapun, laporan *due diligence* didapati tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Laporan berkenaan juga tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit dan pihak Audit dimaklumkan laporan tersebut tidak ditemui oleh pihak PMBKSSB disebabkan pertukaran pegawai berkenaan dan perpindahan pejabat.
- Kegagalan PMBKSSB menilai keupayaan dan kedudukan kewangannya menyebabkan pembelian Ladang Hijau tidak mampu

mendatangkan pulangan yang menguntungkan, sebaliknya mengakibatkan PMBKSSB mengalami kerugian.

iv. Prestasi Pengeluaran Ladang Hijau yang Tidak Menguntungkan

- Secara keseluruhannya, PMBKSSB telah membelanjakan sejumlah RM56.50 juta bagi pengambilalihan Ladang Hijau yang melibatkan RM45 juta melalui pinjaman bank dan RM11.50 juta bayaran tunai yang telah dibuat pada bulan Ogos 2010 dan Februari 2011. Dengan pengambilalihan ladang tersebut, PMBKSSB perlu membuat bayaran bulanan kepada bank berjumlah RM198,750 sebulan bagi tempoh dua (2) tahun pertama mulai bulan Mac 2011 hingga Februari 2013 dan RM483,920 sebulan bagi 10 tahun berikutnya mulai bulan Mac 2013 hingga Februari 2023. Pada tahun 2016, pinjaman tersebut telah dibuat penstrukturan semula dan jumlah baru yang perlu dijelaskan oleh PMBKSSB adalah berjumlah RM269,000 sebulan bagi tempoh dua (2) tahun pertama mulai bulan Julai 2016 hingga Jun 2018 dan RM0.55 juta sebulan bagi empat (4) tahun berikutnya mulai bulan Julai 2018 hingga Jun 2022. Selain itu, nilai pajakan yang perlu dibayar kepada YIK pula adalah berjumlah RM2 juta setahun.
- Berdasarkan Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang PMBKSSB, selepas pembelian ladang, pihak pengurusan PMBKSSB didapati hanya memberikan tumpuan kepada program tanaman baru berbanding menambah keluasan kawasan berhasil dan mempertingkatkan pengeluaran di kawasan berhasil. Kawasan bertanam Ladang Hijau seluas 2,071 hektar telah meningkat kepada 2,124.50 hektar selepas penanaman baru dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2014. Bagaimanapun, hingga bulan September 2018, hanya 1,231.50 hektar merupakan kawasan berhasil manakala seluas 893 hektar lagi merupakan kawasan yang tidak berhasil.
- Pengeluaran hasil kelapa sawit yang diperolehi daripada Ladang Hijau bagi tahun 2011 hingga bulan September 2018 gagal mencapai sasaran yang ditetapkan semasa pembelian ladang iaitu 2,000 tan metrik sebulan. Purata hasil yang diperolehi dari tahun 2011 hingga 2018 adalah sebanyak 645.6 tan metrik sebulan. Hasil kelapa sawit yang tertinggi dicapai pada tahun 2013 iaitu purata 901.6 tan metrik sebulan. Manakala hasil yang terendah adalah pada tahun 2017 dengan purata 468.3 tan metrik sebulan. Semakan terhadap rekod PMBKSSB mendapati bahawa pengeluaran hasil daripada Ladang Hijau hanya 49.6% atau 60,039 tan metrik berbanding anggaran

pengeluaran sebanyak 121,105 tan metrik bagi tahun 2011 hingga bulan September 2018. Jumlah pendapatan PMBKSSB daripada Ladang Hijau bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM31.07 juta. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
PRESTASI PENGELUARAN LADANG HIJAU
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2018

TAHUN	PENGELUARAN			PENDAPATAN (RM Juta)
	ANGGARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PERATUS (%)	
2011	24,000	5,652	23.6	3.77
2012	13,592	6,757	49.7	3.72
2013	13,305	10,819	81.3	4.99
2014	14,850	10,698	72.0	5.19
2015	17,063	9,583	56.2	4.09
2016	15,450	8,134	52.6	4.65
2017	11,000	5,619	51.1	3.43
2018	11,845	2,777	23.4	1.23
JUMLAH	121,105	60,039	49.6	31.07

Sumber: Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang PMBKSSB

- Pembelian Ladang Hijau menyebabkan PMBKSSB perlu menanggung perbelanjaan yang tinggi berjumlah RM71.38 juta berbanding pendapatan Ladang Hijau yang rendah iaitu RM31.07 juta seperti **Jadual 12**. Walaupun Ladang Ex-Felcra mempunyai lebih pendapatan berjumlah RM37.79 juta, namun masih tidak dapat menampung kerugian Ladang Hijau berjumlah RM40.31 juta. Penyata Kewangan Beraudit menunjukkan PMBKSSB mengalami kerugian berterusan mulai tahun 2012 dan sehingga akhir tahun 2017, kerugian terkumpul yang dialami oleh PMBKSSB adalah berjumlah RM21.30 juta.

JADUAL 12
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN LADANG EX-FELCRA
DAN LADANG HIJAU BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2018

KATEGORI LADANG	TAHUN	PENDAPATAN OPERASI (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)				LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)
			OPERASI	KERAJAAN NEGERI	PMBK	JUMLAH	
Ladang Ex-Felcra	2011	34.11	7.71	5.88	5.88	19.47	14.64
	2012	25.47	8.69	6.20	3.10	17.99	7.48
	2013	20.43	8.65	4.32	2.16	15.13	5.30
	2014	13.43	7.07	1.81	0.91	9.79	3.64
	2015	8.16	4.81	0.81	0.41	6.03	2.13
	2016	6.40	2.06	1.29	0.64	3.99	2.41
	2017	6.08	1.99	1.58	0.80	4.37	1.71
	2018	2.07	1.29	0.20	0.10	1.59	0.48
JUMLAH		116.15	42.27	22.09	14.00	78.36	37.79

KATEGORI LADANG	TAHUN	PENDAPATAN OPERASI (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)				LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)
			OPERASI	PAJAKAN YIK	PINJAMAN BANK	JUMLAH	
Ladang Hijau	2011	3.77	2.30	3.96	2.11	8.37	(4.60)
	2012	3.72	2.78	1.24	2.52	6.54	(2.82)
	2013	4.99	3.23	1.03	5.89	10.15	(5.16)
	2014	5.19	3.07	1.14	5.89	10.10	(4.91)
	2015	4.09	1.63	1.54	5.89	9.06	(4.97)
	2016	4.65	1.61	1.60	6.26	9.47	(4.82)
	2017	3.43	1.27	2.00	6.62	9.89	(6.46)
	2018	1.23	1.33	1.50	4.97	7.80	(6.57)
JUMLAH		31.07	17.22	14.01	40.15	71.38	(40.31)
JUMLAH KESELURUHAN		147.22	59.49	36.10	54.15	149.74	(2.52)

Sumber: Penyata Kewangan dan Lejar Am PMBKSSB

Nota: (*) - Jumlah perbelanjaan tidak termasuk kos buruh dan belanja pentadbiran

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Keputusan Lembaga Pengarah dibuat selepas perundingan dengan syarikat pemajak asal dengan tawaran harga sebanyak RM60 juta atau RM7,500 seekar. Harga tawaran balas PMBKSSB ialah RM51.95 juta atau RM6,493 seekar. Harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak selepas rundingan ialah RM56.50 juta atau RM7,062.50 seekar.

Laporan penilaian kepada bank dengan *forced sale value* RM56 juta digunakan untuk PMBKSSB mendapat jumlah pinjaman yang lebih tinggi.

Manakala laporan *due diligence* tidak dapat dikemukakan kerana pegawai yang bertanggungjawab terhadap pembelian Ladang Hijau telah meletak jawatan dan juga perpindahan pejabat korporat PMBKSSB dari Kota Bharu ke Gua Musang menyebabkan laporan tersebut tidak dapat dikesan.

Pada pendapat Audit, pembelian Ladang Hijau adalah tidak cekap dan tidak berhemat kerana pembelian tersebut tidak menguntungkan dan harga belian ladang melebihi nilai sepatutnya. Selain itu, bayaran kepada syarikat penilai hartanah dan firma guaman yang melaksanakan penilaian dan *due diligence* juga merupakan suatu pembaziran. Ini kerana laporan penilaian berkenaan tidak dibincangkan dan diambil kira dalam membuat keputusan pembelian Ladang Hijau.

b. Pengurusan Penanaman Baru

Aktiviti penanaman baru PMBKSSB melibatkan dua (2) ladang iaitu Ladang Hijau dan Ladang Blau. Aktiviti penanaman baru dimulakan sejak tahun 2008 dengan pelaksanaan penanaman pokok karas di Ladang Blau 3 seluas 172 hektar. Aktiviti tersebut telah diteruskan lagi pada tahun 2011 dan 2012 dengan penanaman getah di Ladang Blau 1 dan Blau 2 seluas 1,282 hektar dan penanaman kelapa sawit di Ladang Hijau iaitu seluas 527 hektar di Kuala Betis dan 283 hektar di Aring. Seterusnya, berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2015 pada 11 Ogos 2015, kesemua aktiviti berkaitan penanaman baru telah ditangguhkan disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh PMBKSSB. Sehingga bulan September 2018, aktiviti penanaman baru tersebut telah melibatkan perbelanjaan berjumlah RM22.68 juta iaitu RM12.42 juta bagi kos penanaman dan RM10.26 juta untuk kos penyenggaraan ladang seperti membaja, merumpai dan sebagainya. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
AKTIVITI PENANAMAN BARU DI LADANG BLAU
DAN LADANG HIJAU SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2018

LADANG	KAWASAN	JENIS TANAMAN	KELUASAN (Hektar)	KOS TANAM (RM Juta)	KOS SENGGARA (RM Juta)	JUMLAH KOS (RM Juta)
Blau	Blau 1	Getah	607	4.62	4.43	9.05
	Blau 2	Getah	675	0.97	3.61	4.58
	Blau 3	Karas	172	1.20	1.36	2.56
Ladang Hijau	Kuala Betis	Kelapa Sawit	527	3.93	0.74	4.67
	Aring	Kelapa Sawit	283	1.70	0.12	1.82
JUMLAH			2,264	12.42	10.26	22.68

Sumber: Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang PMBKSSB

Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:


i. Penanaman Pokok Karas

- Pokok karas yang juga dikenali sebagai pokok depu adalah merupakan sejenis pokok yang terkenal dalam industri minyak wangi. Batang pokok karas perlu menjalani proses suntikan/inokulasi sebelum ia boleh menghasilkan gaharu, iaitu bahan utama yang digunakan dalam proses penghasilan minyak wangi. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 4 Tahun 2014 pada 3 November 2014, pokok karas yang telah mencapai usia tujuh (7) tahun dan mempunyai ukur lilit batang melebihi 15 inci boleh

menjalani proses suntikan untuk menghasilkan gaharu. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2009 pada 19 Februari 2009, selepas tujuh (7) tahun ditanam, pokok karas yang ditanam akan mengeluarkan hasil yang dianggarkan berjumlah RM200 juta.

- Semakan Audit mendapati sebanyak 169,388 pokok karas telah ditanam mulai bulan Oktober 2008 di kawasan Ladang Blau 3 seluas 172 hektar seperti **Gambar 1**. Bagaimanapun, berdasarkan bancian yang dijalankan pada tahun 2016, hanya 13,989 (8.3%) sahaja pokok karas yang masih hidup. Manakala pokok yang selebihnya iaitu sebanyak 155,399 pokok telah mati antaranya disebabkan oleh pokok tersebut tumbang akibat ribut serta kebakaran. Data bancian yang sama juga menunjukkan bahawa 5,321 atau 38% daripada pokok karas yang hidup telah mencapai ukur lilit batang melebihi 15 inci seperti **Gambar 2**, tetapi sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan tanaman karas masih belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil memandangkan proses suntikan pokok karas untuk menghasilkan gaharu memerlukan modal yang tinggi.

GAMBAR 1



**Ladang Blau 3, Gua Musang
- Pokok Karas yang Belum Diusahakan
(28.11.2018)**

GAMBAR 2




**Ladang Blau 3, Gua Musang
- Pokok Karas yang Belum Diusahakan
(28.11.2018)**

- Pada tahun 2016, PMBKSSB telah membuat tawaran secara tender bagi menjual batang kayu karas kepada syarikat yang berminat. Bagaimanapun, usaha tersebut tidak mendapat sambutan kerana tempoh kontrak yang ditawarkan adalah singkat. Selain itu, terdapat beberapa syarikat yang berminat untuk mengambil alih pengurusan ladang karas tetapi tidak mendapat maklum balas yang positif daripada pihak PMBKSSB.

ii. Penanaman Pokok Getah

- Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 3 Tahun 2014 pada 16 Julai 2014, pokok getah akan mula berhasil pada tahun kelima selepas ia ditanam dan mempunyai ukur lilit batang melebihi 18 inci. Mengikut Pelan Perniagaan 10 Tahun PMBKSSB, penanaman baru pokok getah akan mula mengeluarkan hasil pada tahun 2018.
- Semakan Audit mendapati sebanyak 417,609 pokok getah telah ditanam pada tahun 2011 hingga 2012, iaitu 197,387 pokok di kawasan Ladang Blau 1 dan 220,222 pokok di kawasan Ladang Blau 2 seperti **Gambar 3**. Berdasarkan bancian yang dijalankan oleh PMBKSSB pada tahun 2016 dan 2017, sebanyak 60,638 (30.7%) pokok getah didapati masih hidup di Blau 1 dan 28,996 (13.2%) di Blau 2. Data bancian yang dikeluarkan juga menunjukkan bahawa 18,369 (30.3%) pokok getah di Ladang Blau 1 telah mencapai ukur lilit batang melebihi 18 inci. Lawatan fizikal Audit pada 28 November 2018 juga mendapati ada di antara pokok getah yang ditanam telah mencapai ukur lilit batang mencecah 29 inci seperti **Gambar 4** tetapi masih belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil. Keadaan ini berlaku disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh PMBKSSB dan harga getah semasa yang rendah.

GAMBAR 3



Ladang Blau 1, Gua Musang
- Pokok Getah yang Belum Diusahakan
(28.11.2018)

GAMBAR 4



Ladang Blau 1, Gua Musang
- Pokok Getah yang Boleh Ditoreh
(28.11.2018)

iii. Penanaman Pokok Kelapa Sawit

- Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 3 Tahun 2014 pada 16 Julai 2014, pokok kelapa sawit yang telah melebihi usia empat (4) tahun akan mula mengeluarkan buah dan boleh diusahakan untuk mendapatkan hasil.


- Semakan Audit mendapati sebanyak 95,920 pokok kelapa sawit telah ditanam di Ladang Aring dan Kuala Betis iaitu masing-masing 20,999 dan 74,921 pokok di kawasan seluas 283 dan 527 hektar mulai bulan Oktober 2011 hingga Ogos 2014. Bagaimanapun, kejadian banjir besar yang berlaku pada penghujung tahun 2014 telah menyebabkan kerja penanaman dan sulaman pokok tidak dapat diteruskan kerana kerosakan teruk pada jalan pertanian yang menjadi penghubung ke kawasan penanaman. Mengikut bancian yang dijalankan pada tahun 2015, hanya 584 (2.8%) pokok kelapa sawit yang didapati masih hidup di Aring. Manakala bancian yang dilakukan di Kuala Betis pada tahun 2017 mendapati hanya 1,108 (1.5%) pokok kelapa sawit yang masih hidup. Punca utama berlaku kematian pokok yang tinggi adalah disebabkan runtuh teres akibat banjir besar dan gangguan haiwan liar seperti gajah dan babi hutan. Lawatan fizikal Audit yang dijalankan pada 26 dan 27 November 2018 mendapati pokok kelapa sawit yang masih hidup telah mengeluarkan buah tetapi kebanyakan daripada pokok berkenaan telah dilitupi oleh tumbuhan hutan seperti **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



Ladang Kuala Betis, Gua Musang
- Pokok Kelapa Sawit Dilitupi Tumbuhan Hutan
(26.11.2018)

GAMBAR 6



Ladang Aring, Gua Musang
- Pokok Kelapa Sawit Dilitupi Tumbuhan Hutan
(27.11.2018)

- Berdasarkan pengiraan Audit, didapati anggaran kerugian yang ditanggung oleh PMBKSSB adalah berjumlah RM18.97 juta (83.6%) daripada kos penanaman baru berjumlah RM22.68 juta. Pengiraan ini dibuat berdasarkan peratusan bilangan pokok yang telah mati dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk penanaman pokok tersebut. Maklumat terperinci seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
KERUGIAN PMBKSSB DARIPADA AKTIVITI PENANAMAN BARU

KAWASAN	JENIS TANAMAN	KELUASAN (Hektar)	KOS (RM Juta) (a)	DITANAM (Bil. Pokok)	POKOK HIDUP *		KERUGIAN ** (RM Juta) $[a \times (100 - b)]$ 100
					(Bil. Pokok)	(%) (b)	
Blau 1	Getah	607	9.05	197,387	60,638	30.7	6.27
Blau 2	Getah	675	4.58	220,222	28,996	13.2	3.98
Blau 3	Karas	172	2.56	169,388	13,989	8.3	2.35
Kuala Betis	Kelapa Sawit	527	4.67	74,921	1,108	1.5	4.60
Aring	Kelapa Sawit	283	1.82	20,999	584	2.8	1.77
JUMLAH		2,264	22.68	682,917	105,315	15.4	18.97

Sumber : Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (*) – Berdasarkan banciaan yang dilaksanakan oleh PMBKSSB

(**) – Berdasarkan bilangan pokok yang mati

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa kegagalan penanaman disebabkan banyak faktor antaranya pekerja tidak mahir dan tiada agensi yang boleh dirujuk untuk tanaman karas. Selain itu, kadar kematian pokok yang tinggi juga disebabkan benih yang diterima adalah sub-standard dan benih diterima tidak mengikut jadual penanaman yang ditetapkan. Di samping itu, kekurangan peruntukan menyebabkan parit gajah dan jalan ladang tidak dapat disenggara.

Tanaman getah belum diusahakan kerana bilangan pokok mati yang tinggi menyebabkan pokok yang masih tinggal mempunyai jarak yang jauh serta memerlukan kos yang tinggi untuk diusahakan. Pembukaan panel torehan turut memerlukan belanja tambahan RM5 per pokok. Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 2 Tahun 2018 telah memutuskan bahawa tanaman karas dan getah akan dijual dan diserahkan kepada PMBK.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti penanaman baru adalah tidak cekap kerana peratusan tanaman yang masih hidup adalah rendah dan tanaman tersebut masih belum diusahakan untuk mengeluarkan hasil walaupun telah mencapai usia matang. Selain itu, pelaksanaan aktiviti penanaman baru adalah tidak ekonomi kerana perbelanjaan membangunkan ladang yang tinggi tetapi masih belum mendatangkan sebarang hasil kepada PMBKSSB.

c. Pengurusan Penanaman Semula

- i. Mengikut dasar *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) pokok kelapa sawit dan getah yang berumur melebihi 25 tahun sudah tidak lagi mengeluarkan hasil secara optimum dan sesuai dibuat penanaman semula. Laporan bulanan pengurusan ladang PMBKSSB bagi tahun 2015 juga melaporkan bahawa antara punca kekurangan hasil kelapa sawit dan getah adalah disebabkan usia pokok yang sudah melebihi 25 tahun. Bagi ladang kelapa sawit, pokok yang tua bukan sahaja kurang mengeluarkan hasil tetapi sukar untuk diusahakan kerana terlalu tinggi. Ladang yang dilaksanakan penanaman semula tidak dapat diusahakan dalam tempoh masa tertentu sehingga pokok yang ditanam dapat mengeluarkan hasil. Bagi memastikan perbelanjaan yang terkawal dan tidak berlaku pengurangan hasil yang ketara, program tanaman semula perlu dirancang dengan teliti dan menggunakan kaedah penjadualan yang teratur.
- ii. Semakan Audit mendapati pokok kelapa sawit dan getah di Ladang Ex-Felcra telah berumur di antara 25 tahun hingga 35 tahun. Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 5 Tahun 2009 pada 30 Disember 2009 telah membincangkan tentang penanaman semula pokok kelapa sawit di Ladang Ex-Felcra iaitu di kawasan Jedok dan Panggong Lalat pada tahun 2010. Bagaimanapun tidak ada tindakan positif yang dilaksanakan. Pada tahun 2012, PMBKSSB telah melantik perunding perladangan untuk menjalankan kajian berkaitan pengurusan ladang dengan bayaran sejumlah RM9,000. Kajian berkenaan turut merangkumi pengurusan dan penjadualan tanam semula bagi Ladang Ex-Felcra.
- iii. Berdasarkan laporan hasil kajian berkenaan, pihak Audit mendapati perunding yang dilantik telah menyediakan program penjadualan tanam semula Ladang Ex-Felcra yang bermula dari tahun 2012 hingga 2019. Jadual penanaman semula tersebut telah dijadikan Pelan Rancangan Jangka Panjang PMBKSSB bagi tahun 2012 hingga 2021 namun jadual penanaman semula tersebut tidak dilaksanakan. Berdasarkan Pelan Perniagaan 10 Tahun PMBKSSB bagi tahun 2017 hingga 2026, ladang kelapa sawit akan ditanam semula mulai tahun 2017. Manakala ladang getah pula akan ditanam semula mulai tahun 2022.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati perancangan yang dibuat tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekangan kewangan akibat pembelian Ladang Hijau yang merugikan. Pada tahun 2018 PMBK telah mengambil

balik semua Ladang Ex-Felcra miliknya termasuk kawasan yang masih mengeluarkan hasil dan sedang diusahakan untuk tujuan penanaman semula kecuali ladang kelapa sawit di kawasan Panggong Lalat dan Paket. Pengambilan semula oleh PMBK telah menjejaskan pendapatan PMBKSSB. Sehingga bulan September 2018, pendapatan PMBKSSB telah merosot sejumlah RM4.41 juta kepada RM3.34 juta berbanding RM7.75 juta pada bulan September 2017. Maklumat lanjut mengenai kedudukan Ladang Ex-Felcra sebelum diambil semula oleh PMBK adalah seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
STATUS LADANG EX-FELCRA SEHINGGA TAHUN 2017
SEBELUM PENGAMBILAN SEMULA OLEH PMBK PADA TAHUN 2018

KAWASAN	JENIS TANAMAN	TAHUN TANAM	USIA POKOK (Bil. Tahun)	KELUASAN LADANG (Hektar)			STATUS
				KELILING	BERTANAM	BERHASIL	
Panggong Lalat	Kelapa Sawit	1986	32	341.94	341.94	238.22	Diusahakan
Panggong Lalat	Getah	1983	35	725.10	725.10	601.74	Diusahakan
Paket	Kelapa Sawit	1992	26	601.54	601.54	452.66	Diusahakan
Kuala Gris	Getah	1986	32	308.40	308.40	248.83	Diusahakan
Gual Tambun	Kelapa Sawit	1988	30	161.88	161.88	161.88	Diusahakan
Jedok	Kelapa Sawit	1983	35	433.52	433.52	395.65	Diusahakan
Sungai Pelor	Kelapa Sawit	1986	32	138.55	138.55	118.27	Diusahakan
Berdang	Getah	1990	28	764.84	764.84	408.38	Diusahakan
Air Piau	Getah	1990	28	184.39	184.39	145.84	Diusahakan
Air Degong	Getah	1990	28	116.66	116.66	21.39	Diusahakan
Gemang	Getah	1993	25	48.54	48.54	48.54	Diusahakan
Sungai Perabong *	Kelapa Sawit	TM	TM	83.90	83.90	TB	TB
JUMLAH				3,909.26	3,909.26	2,841.40	

Sumber: Laporan Operasi dan Pengurusan Ladang PMBKSSB

Nota: (*) - Kawasan Sungai Perabong Tidak Diusahakan Kerana Wujud Pertikaian Pemilikan Dengan Penduduk Setempat
(TM) - Tiada Maklumat
(TB) - Tidak Berkenaan

Maklum Balas PMBKSSB yang Diterima pada 16 April 2019

Pihak pengurusan PMBKSSB memaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Penasihat PMBK pada 21 Mei 2018 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah PMBKSSB Bil. 1 Tahun 2019 telah memutuskan agar Ladang Hijau dijual secara tender terbuka manakala Ladang Ex-Felcra dan Ladang Blau akan diserahkan kepada PMBK pada 30 April 2019. Oleh itu, penanaman semula akan dilaksanakan dan ditanggung oleh PMBK.

Pada pendapat Audit, pengurusan penanaman semula adalah tidak cekap kerana perancangan yang disediakan bagi penanaman semula tidak dilaksanakan oleh PMBKSSB.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan terhadap tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan aktiviti utama syarikat, didapati objektif penubuhan PMBK Sawit Sdn. Bhd. (PMBKSSB) tidak dicapai sepenuhnya. Kedudukan kewangan PMBKSSB berada pada tahap lemah dengan trend kerugian berterusan sejak tahun 2012 dan berdepan dengan risiko *going concern*. PMBKSSB bergantung kepada suntikan modal daripada induk bagi menampung perbelanjaan operasi. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat PMBKSSB adalah kurang memuaskan dan beberapa tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik korporat.

8. SYOR AUDIT


Bagi membolehkan objektif penubuhan PMBKSSB dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PMBKSSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat terutamanya Perbadanan Menteri Besar Kelantan sebagai syarikat induk memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

8.1. meningkatkan tadbir urus syarikat selaras dengan amalan terbaik dengan menentukan aspek peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit bermesyuarat mengikut keperluan dan SOP yang disediakan mendapat kelulusan. Ini termasuk memastikan keputusan Lembaga Pengarah dipantau dan diletakkan tempoh pelaksanaan supaya ianya dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;

8.2. menilai semula kedudukan syarikat dan membuat keputusan tentang hala tuju syarikat dengan mengambil kira keupayaan menjana keuntungan pada masa hadapan kerana wujudnya risiko *going concern*;

8.3. mengambil tindakan terhadap penstrukturan semula syarikat dengan menilai aktiviti yang boleh menjana keuntungan daripada ladang; dan

8.4. memastikan kajian terperinci *due diligence* dilaksanakan dengan sempurna dan laporan penilaian dibincangkan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

1 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan 6 Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.3. Pematuan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

1.4. Penetapan risiko terhadap kriteria Audit:

- a. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.
- b. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3. SKOP PENGAUDITAN

- 3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2018 melibatkan sembilan (9) Jabatan.

3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di tiga (3) Agensi dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2018 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

4.2. Pemeriksaan rekod dan dokumen kewangan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Prestasi Keseluruhan


- a. Bagi tahun 2018, pengauditan telah dilaksanakan terhadap 12 Jabatan/Agensi Negeri Kelantan seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
SENARAI JABATAN/AGENSI YANG DIAUDIT

BIL.	NAMA JABATAN	BIL.	NAMA AGENSI
1.	Jabatan Air Negeri Kelantan	1.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan	2.	Majlis Daerah Tanah Merah
3.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan	3.	Majlis Daerah Jeli
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri		-
5.	Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan		-
6.	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok		-
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah		-
8.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan		-
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan		-


- b. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri Kelantan bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan tujuh (7) Jabatan/Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) Jabatan/Agensi tahap **Baik**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1**.

CARTA 1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/
AGENSI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017



Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 12 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 2**.

CARTA 2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/
AGENSI NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

5.2. Prestasi Jabatan Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi sembilan (9) Jabatan Negeri mendapati lima (5) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan tiga (3) kawalan berada pada tahap **Baik** seperti **Carta 3**.




Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi tiga (3) Agensi Negeri pula mendapati lima (5) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, tiga (3) kawalan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 4**.



a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua sembilan (9) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi mencapai tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 5**.

CARTA 5
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 27 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 6**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 7**.

**CARTA 6
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN PENGURUSAN JABATAN**



**CARTA 7
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN PENGURUSAN AGENSI**



- iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 4**.


JADUAL 4
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Mesyuarat JPKA dan JKA tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan, tidak membincangkan perkara yang ditetapkan mengikut pekeliling dan minit mesyuarat tidak disediakan.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	i. Majlis Daerah Jeli ii. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan
2.	Laporan Suku Tahun JPKA lewat dikemukakan.	-	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli iii. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan
3.	Pusingan/pembahagian tugas tidak dilaksanakan.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	-
4.	Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Majlis Daerah Tanah Merah
5.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. (AP309)	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	-

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua sembilan (9) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**. Bagi Agensi Negeri juga kesemua tiga (3) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 8**.


CARTA 8
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara
■ Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 9**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap Sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 10**.

CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN BAJET JABATAN



CARTA 10
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN BAJET AGENSI



- iii. Penemuan audit yang dikenal pasti berlaku adalah seperti **Jadual 5**.


JADUAL 5
PENEMUAN AUDIT KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Analisis bajet perbelanjaan pembangunan adalah kurang daripada 50%.	Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan	-

c. Kawalan Terimaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 11**.

CARTA 11
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 12**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 13**.

CARTA 12
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN TERIMAAN JABATAN



CARTA 13
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN TERIMAAN AGENSI



- iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Resit lewat dikeluarkan bagi terimaan melalui mel.	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	i. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan ii. Majlis Daerah Jeli

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
2.	Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur.	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok	
3.	Penyata Penyesuaian Bank/Hasil tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh yang ditetapkan/tidak disediakan dengan tepat.	-	Majlis Daerah Jeli
4.	ID pengguna digunakan semasa ketiadaan pegawai.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iv. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	Majlis Daerah Tanah Merah
5.	Resit rasmi tidak disemak setiap hari dengan buku tunai oleh pegawai yang bertanggungjawab.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok iii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tujuh (7) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 14**.

CARTA 14
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara


Cemerlang

Baik


Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 15**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 16**.

CARTA 15
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN



CARTA 16
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN AGENSI



- iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/ perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam Peraturan Kewangan Agensi.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Pembangunan Negeri iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
2.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	i. Pejabat Pembangunan Negeri ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
3.	Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima dan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Pembangunan Negeri iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
4.	Perolehan secara Kontrak Pusat tidak dibuat melalui pembekal yang ditetapkan dan kebenaran Perbendaharaan tidak diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari Kontrak Pusat.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-

- iv. Isu yang boleh dikenakan tindakan punitif yang berlaku di Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah berkaitan tiga (3) perolehan bekalan/perkhidmatan berjumlah RM364,500 telah dikeluarkan Pesanan Kerajaan selepas bekalan/perkhidmatan diterima.
- v. Antara isu yang boleh dikenakan tindakan punitif yang berlaku di Pejabat Pembangunan Negeri adalah seperti berikut:
- 14 perolehan bekalan/perkhidmatan berjumlah RM91,608.41 telah dikeluarkan Pesanan Kerajaan selepas bekalan/perkhidmatan diterima; dan
 - tiga (3) perolehan bekalan/perkhidmatan masing-masing berjumlah RM84,000, RM39,700 dan RM38,000 tidak dibuat secara sebut harga.

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 17**.

CARTA 17
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber : Jabatan Audit Negara


Cemerlang

Baik


Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 18**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 19**.

CARTA 18
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO
DALAM KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN



CARTA 19
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM KAWALAN PERBELANJAAN AGENSI



iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 8**.


JADUAL 8
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok iii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iv. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
2.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/Unit Kewangan.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
3.	Baucar bayaran yang diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan.	-	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 20**.

CARTA 20
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN
WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 22 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 21**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi dua (2) Agensi adalah seperti **Carta 22**.

CARTA 21
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM PENGURUSAN KUMPULAN
WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN



CARTA 22
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM PENGURUSAN KUMPULAN
WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT AGENSI



iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 9**.


JADUAL 9
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN
KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Kad Pendaftaran Kenderaan (Geran) tidak dicop 'Hak Milik Dituntut Agensi'.	-	Majlis Daerah Tanah Merah
2.	Jabatan/Agensi tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bayaran balik bagi Pendahuluan Diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-
3.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.	i. Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan	Majlis Daerah Jeli

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Agensi pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 23**.

CARTA 23
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara


■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan
 ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 86 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 24**. Manakala tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 25**.

CARTA 24
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN



CARTA 25
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN RISIKO
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR AGENSI



iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan/JKPAK tidak membincangkan agenda yang ditetapkan.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	i. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan ii. Majlis Daerah Tanah Merah iii. Majlis Daerah Jeli
2.	Ringkasan laporan tahunan yang dikemukakan ke Perbendaharaan tidak tepat.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	-
3.	Jabatan/Agensi tidak melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima/pegawai yang bertauliah tidak menjalankan pemeriksaan teknikal aset.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
4.	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan/Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan lengkap.	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah ii. Jabatan Pengairan dan Saliran iii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan	-
5.	Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran yang betul.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	-

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
6.	Verifikasi stor tidak dijalankan.	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
7.	Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun/Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA 10) dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-11) yang lengkap tidak disediakan oleh Pegawai Pemeriksa dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	i. Majlis Daerah Tanah Merah ii. Majlis Daerah Jeli
8.	Pengurusan kehilangan aset tidak dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan.	Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan	-


h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan Jabatan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 26**.

CARTA 26
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan bagi sembilan (9) Jabatan adalah seperti **Carta 27**.



- iii. Antara penemuan audit yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan yang disemak.	i. Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan	i. Majlis Daerah Jeli ii. Majlis Daerah Tanah Merah
2.	Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak/Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini/Penyata pembelian atau Penyata Kad tidak disemak silang dengan salinan resit.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan ii. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-
3.	Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak disimpan selamat/Pegawai Kenderaan tidak menjalankan semakan terhadap Penyata penggunaan berbanding penggunaan sebenar.	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-
4.	Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).	i. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan	-


iv. Antara isu yang boleh dikenakan tindakan punitif yang berlaku di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan adalah seperti berikut:

- Satu (1) Kad Inden Minyak telah disalahguna oleh pemandu bagi tujuan peribadi berjumlah RM3,504.55 (1,598.03 liter) bagi bulan Mac 2017 hingga November 2018. Perkara ini berlaku disebabkan oleh tiada semakan silang dibuat oleh Pegawai Kenderaan terhadap penyata pembelian minyak dengan salinan resit. Selain itu, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak juga tidak disemak oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

i. Pengurusan Pelaburan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 28**.


CARTA 28
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara
■ Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan bagi dua (2) Agensi adalah seperti **Carta 29**.


CARTA 29
TAHAP PEMATUHAN BERDASARKAN
RISIKO DALAM PENGURUSAN PELABURAN AGENSI



j. Penyata Kewangan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, kesemua tiga (3) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Carta 30**.

CARTA 30
PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Penyata Kewangan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 31**.



- iii. Penemuan audit yang dikenal pasti berlaku adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENEMUAN AUDIT DALAM PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Penyata Kewangan tidak mendedahkan peruntukan susut nilai bagi kesemua tanah pajakan Agensi.	-	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan bagi tahun 2018 berada pada tahap **Cemerlang** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;

6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

2 PENGAUDITAN MENGEJUT

1. PENDAHULUAN

Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor serta barang berharga (dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes) yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Skop Pengauditan Mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan Mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai. Pada tahun 2018, Pengauditan Mengejut telah dilaksanakan di 11 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Negeri di bawah enam (6) Jabatan seluruh negeri seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT
TANGGUNGJAWAB/PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	BILANGAN PTJ / PK
1.	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	1
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan	1
3.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan	3
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan	2
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan	2
6.	Jabatan Perikanan Negeri Kelantan	2
JUMLAH		11

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi Pengauditan Mengejut merangkumi semakan terhadap rekod-rekod kewangan dan temu bual dengan pihak auditi. Pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor serta barang berharga (dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes). Pengauditan Mengejut dinilai berdasarkan 36 kriteria melibatkan 19 kriteria di kawalan terimaan, empat (4) kriteria di kawalan perbelanjaan, 10 kriteria bagi kawalan terhadap barang berharga dan tiga (3) kriteria di kawalan umum. Pengauditan Mengejut dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada auditi.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/ PK yang Diaudit

Secara keseluruhannya, ketidakpatuhan kepada kriteria Pengauditan Mengejut adalah pada tahap 33.3% bagi PTJ/PK di bawah empat (4) kawalan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
TAHAP KETIDAKPATUHAN KRITERIA PENGAUDITAN MENGEJUT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KETIDAKPATUHAN KRITERIA PTJ/PK		
			PTJ/PK	KRITERIA	PERATUS (%)
1.	Terimaan	19	7	7	36.8
2.	Perbelanjaan	4	2	2	50.0
3.	Barang Berharga	10	1	1	10.0
4.	Kawalan Umum	3	8	2	66.77
JUMLAH KESELURUHAN		36	18	12	33.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak tujuh (7) PTJ/PK tidak mematuhi 19 kriteria dalam kawalan terimaan. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
KETIDAKPATUHAN KAWALAN TERIMAAN

BIL.	KRITERIA KETIDAKPATUHAN/ PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK
1.	Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat (AP61).	Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Kuala Krai
2.	Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis (AP62(b)).	i. Pusat Veterinar Kecil Ketereh ii. Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu iii. Pejabat Pengairan dan Saliran Jajahan Tumpat
3.	Daftar Borang Hasil tidak diselenggara.	i. Jabatan Kerja Raya Jajahan Tanah Merah ii. Pejabat Pengairan dan Saliran Jajahan Kuala Krai iii. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Pasir Puteh iv. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kuala Krai
4.	Jumlah kutipan melebihi RM500 tidak dibankkan segera (AP78(a)).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Tanah Merah
5.	Tiada semakan terhadap pungutan yang dimasukkan ke bank dengan penyata pemungut untuk menentukan tarikh dan cap terima dengan mesin oleh bank (AP80(d)).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Tanah Merah
6.	Tiada pengasingan tugas bagi terimaan (AP65 dan 69).	Pusat Veterinar Kecil Ketereh
7.	Wang kutipan tunai dan cek yang diterima tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal (AP126(a)).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak dua (2) PTJ/PK tidak mematuhi empat (4) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
KETIDAKPATUHAN KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	KRITERIA KETIDAKPATUHAN/ PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK
1.	Panjar Wang Runcit tidak disimpan dengan selamat (AP126(a)).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu
2.	Baki fizikal PWR melebihi baki sepatutnya seperti rekod di Buku Tunai PWR (AP113(b)).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Tanah Merah

c. Kawalan Barang Berharga

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak satu (1) PTJ/ PK tidak mematuhi 10 kriteria dalam kawalan barang berharga. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
KETIDAKPATUHAN KAWALAN BARANG BERHARGA

BIL.	KRITERIA KETIDAKPATUHAN/ PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK
1.	Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman/penempatan sementara tidak direkodkan dalam KEW.PA-6 (PP-AM2.3) dan baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik tidak sama dengan baki terakhir di kad petak (PP-AM6.3).	Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu

d. Kawalan Umum

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak lapan (8) PTJ/PK tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam kawalan umum merangkumi kawalan peti besi dan pemeriksaan mengejut. Ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
KETIDAKPATUHAN KAWALAN UMUM


BIL.	KRITERIA KETIDAKPATUHAN/ PENEMUAN AUDIT	PTJ/PK
1.	Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh pegawai yang berlainan dan diberikan kuasa (AP125) .	i. Pusat Veterinar Kecil Ketereh ii. Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu iii. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kuala Krai
2.	Ketua Jabatan tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga (AP309(a)).	i. Pusat Veterinar Kecil Ketereh ii. Jabatan Kerja Raya Jajahan Kota Bharu iii. Jabatan Kerja Raya Jajahan Tanah Merah iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Kuala Krai v. Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Tumpat vi. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Pasir vii. Puteh Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kota Bharu viii. Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kuala Krai

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK yang diaudit adalah memuaskan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi empat (4) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK di setiap Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa Pengauditan Mengejut ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.



• PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program/aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek/program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan penambahbaikan yang segera akan menjejaskan pencapaian objektif projek/program secara keseluruhan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di projek/program yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
24 Jun 2019**



• AKRONIM

AKRONIM

AFTAAS	Afrizan Tarmili Khairul Azhar
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
AP	Arahan Perbendaharaan
BKK	Bantuan Kanak-Kanak
BOT	Skim Bantuan Orang Tua
BPT	Bantuan Pesakit Terlarat
BTB	Bantuan OKU Tidak Bekerja
BTS	Buah Tandan Segar
CCC	<i>Certificate of Completion and Compliance</i>
CPO	<i>Crude Palm Oil</i>
EPC	Elaun Pekerja Cacat
ID	<i>Identity Document</i>
ISSAI	<i>The International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKA	Jawatankuasa Audit
JKMNK	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
JKPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
KGK	kilogram getah kering
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KSBTTR	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
LGM	Lembaga Getah Malaysia
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan
Majaari	Syarikat Majaari Services Sdn. Bhd.
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MDKK	Majlis Daerah Kuala Krai
MDPP	Majlis Daerah Pasir Puteh
MKD Handbook	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MPOB	<i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MT	tan metrik
OKU	Orang Kurang Upaya
OSC	<i>One Stop Centre</i>
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PK	Pusat Kos
PKINK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
PKMJ	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan
PMBK	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
PMBKSSB	PMBK Sawit Sdn. Bhd.
PP	Pekeliling Perbendaharaan
PPKMJ	Pegawai Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan
PPR	Program Perumahan Rakyat
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PWR	Panjar Wang Runcit
RAKR	Rumah Awam Kos Rendah
RMMK	Rumah Mampu Milik Kelantan
SBA AL-MUSA'ADAH	Skim Bantuan Am Al-Musa'adah
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SPEKS	Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
STP	<i>Sewerage Treatment Plant</i>
UAD	Unit Audit Dalaman
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
YAKIN	Yayasan Kelantan Darulnaim
YIK	Yayasan Islam Kelantan
2YEP	<i>2 Years Exit Programme</i>



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1- 5

PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my